

## Naskhah belum disemak

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

**Bil.8**                    **RABU**                    **31 Julai 2013**

## KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:** Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 (Halaman 29)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Rabu, 31 Julai 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk melupuskan syarikat-syarikat milik Khazanah Nasional Berhad; dan
- (b) nama-nama syarikat milik Khazanah yang telah dilupuskan dan siapakah pembelinya.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:**

*Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya pelupusan pegangan dalam aset atau syarikat yang dimiliki oleh Khazanah Nasional Berhad mengambil kira beberapa faktor dalam proses pelupusan sesuatu syarikat. Antaranya, nilai yang telah dicipta dalam syarikat tersebut, kepentingan dan kesesuaianya kepada pemegang saham, sama ada pelaburan berkenaan dianggap aset tidak teras dengan izin, *non-core assets* atau pegangan pelaburan tidak teras dengan izin, *non-core holdings* serta kemampuan pemilik baru untuk membawa syarikat yang akan dilupuskan ke tahap kemajuan yang lebih baik.

Di antara tahun 2004 sehingga Disember tahun 2012, Khazanah telah melupuskan sejumlah 55 aset dan syarikat bernilai RM35.7 bilion yang menghasilkan pendapatan berjumlah RM15.7 bilion iaitu keuntungan sebanyak 44% daripada jualan. Beberapa aset tidak teras yang dilupuskan secara keseluruhannya telah diambil alih pemilikannya oleh syarikat dan usahawan yang dinamik dan berkemampuan. Manakala bagi pegangan pelaburan tidak teras pula, ia dilupuskan secara berkhemah melalui

penjualan di pasaran saham. Penjualan ini adalah selaras dengan dasar pengurangan penglibatan kerajaan dalam perniagaan serta merancakkan pasaran saham.

Di antara transaksi penjualan aset utama yang telah dilaksanakan oleh Khazanah dalam beberapa tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

- (i) Proton Holdings Berhad pembeli DRB-HICOM Berhad tahun 2012;
- (ii) Malaysia Airports Holdings dan Tenaga Nasional Berhad pembeli pasaran saham tahun 2012;
- (iii) PLUS Expressway Berhad pembeli UEM Group Berhad 55% dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 45%;
- (iv) Pos Malaysia Berhad pembeli DRB-HICOM Berhad tahun 2011;
- (v) EON Capital Berhad pembeli Hong Leong Bank Berhad tahun 2011; dan
- (vi) Malaysia Airports Holdings Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan CIMB Group Holdings Berhad pembeli pasaran saham tahun 2010.

Walaupun begitu, kerajaan melalui Khazanah masih memiliki peratusan pemilikan saham seperti berikut:

- (i) Malaysia Airports Holdings Berhad masih 40%;
- (ii) TNB masih 33%;
- (iii) Telekom Malaysia Berhad masih 29%; dan
- (iv) CIMB Group Holdings Berhad masih 30%.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, silakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Agenda pembangunan bumiputera adalah antara perkara yang diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang lalu. Langkah Khazanah Nasional dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang melupuskan aset perniagaan bukan teras miliknya untuk ditadbirkan atau diserahkan milik kepada syarikat bumiputera berpotensi secara tender terbuka di mana sekali gus mempunyai peningkatan nilai ekuiti bumiputera dalam sektor ekonomi.

Soalannya, bagaimana kementerian memberi jaminan bahawa hanya syarikat bumiputera yang terbaik, kukuh dan berkemampuan akan dipilih memiliki syarikat berkenaan yang dijalankan melalui proses penilaian secara terbuka iaitu melalui kaedah tender terbuka. Ini juga menggalakkan mana-mana syarikat bumiputera dengan modal berbayar hanya RM2 atau syarikat yang tenat, hanya mendapatkan hak milik yang bukan

melalui proses tender terbuka itu, melalui *direct nego*, dengan izin. Sekali gus menafikan keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Apa pandangan kementerian?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Kementerian Kewangan memberi jaminan bahawa segala penjualan dan pelupusan aset-aset Khazanah Nasional Berhad ini akan dilaksanakan dengan telus dan *transparent*. Kita juga melakukan *due diligences* ataupun kajian-kajian yang memastikan syarikat-syarikat yang mengambil alih itu adalah syarikat-syarikat yang berkelayakan sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, yang berkelayakan DRB-HICOM, kemudian UEM Group dan tentunya KWSP. Pasaran saham itu, ia adalah satu yang terbuka. Sebagai contoh, yang ini dalam pasaran saham. Misalnya pada Disember tahun 2012, kita melupuskan 1.1% pegangan dalam TNB. Ini kita memberikan kecairan dalam pasaran saham. Untung pelupusan itu sejumlah RM400 juta.

#### ■1010

Pada Jun 2013, baru-baru ini kita juga melupuskan 0.9% pegangan Khazanah dalam TNB melalui pasaran saham dan untung juga dalam anggaran RM400 juta. Jadi kadang-kadang kita bukan hanya menjual, satu perkara yang hendak dimaklumkan di sini kita bukan hanya menjual, tetapi kadang-kadang Khazanah juga membeli. Sebelum ini pegangan Khazanah misalnya dalam CIMB hanya 28%. Akan tetapi kita telah membeli daripada pasaran saham untuk meningkatkan pemilikan kita dalam CIMB sebanyak 30%. Jadi bukan hanya kita menjual akan tetapi kita juga membeli. Asalkan penjualan dan pembelian itu adalah untuk kebaikan negara khasnya.

Kita juga tidak menafikan agenda bumiputera dan sebagainya itu masih lagi berada dalam landasan yang sentiasa kita ingatkan pihak Khazanah. Terima kasih.

## 2. **Datuk Pau Chiong Ung** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian berhasrat untuk meluaskan skop pendaftaran e-kasih bagi kakitangan sektor kerajaan kontrak yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan; dan
- (b) berapakah jumlah kewangan yang telah dibelanjakan dalam Program Bantuan Rumah iaitu bina baru dan baik pulih di seluruh negara semenjak pelancarannya.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi dan salam sejahtera. Untuk menjawab soalan nombor dua Tuan Yang di-Pertua pendaftaran e-Kasih merupakan sebuah sistem bank data kemiskinan nasional yang di selaras dan dikawal selia oleh Unit Pelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Untuk makluman Yang Berhormat Senator Pau, pendaftaran rakyat miskin, miskin tegar atau mudah miskin dibuat secara berterusan melalui proses pendaftaran terbuka di bawah sistem e-Kasih dan didaftarkan atas nama Ketua Isi Rumah (KIR).

Melalui proses pendaftaran terbuka ini senarai keluarga miskin, miskin tegar atau mudah miskin akan di verifikasi kelayakannya sebelum dimasukkan ke dalam e-Kasih. Proses ini melibatkan agensi-agensi kerajaan, pemimpin-pemimpin tempatan dan *focus group* di peringkat daerah dan negeri. Mereka ini adalah sebagai pegawai daerah, JKK, ketua-ketua kaum, wakil rakyat dan mereka yang dalam golongan itulah. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Pau, pendaftaran e-Kasih tidak mendiskriminasikan pekerjaan. Sesiapa sahaja boleh memohon untuk didaftarkan tanpa mengira jenis pekerjaan sama ada kerajaan, swasta, sektor rasmi, sektor tidak rasmi, terangkum semua.

Ia berasaskan pendapatan per kapita isi rumah. Perkiraan ataupun penetapan status kemiskinan adalah berdasarkan pendapatan garis kemiskinan (PGK), per kapita yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi melalui *Household Economy Survey* tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sejumlah RM1.72 bilion telah diperuntukkan bagi membiayai pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) sejak dari tahun 2000 hingga tahun 2013 ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 193,574 unit rumah telah berjaya dibina dan di baik pulih, yang memberikan manfaat kepada keluarga-keluarga miskin dan miskin tegar di seluruh negara. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan diberi tadi. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian sedar bahawa kebelakangan ini semakin ramai rakyat di negara kita memohon dan bergantung kepada bantuan kerajaan sama ada melalui e-Kasih, BR1M dan bantuan yang lain disediakan oleh kerajaan. Begitu juga kemudahan asas dan penempatan penduduk kawasan pedalaman amat jauh ketinggalan berbanding dengan kawasan bandar.

Keadaan ini kemungkinan akan menjelaskan wawasan kerajaan untuk menjadikan negara kita sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020 yang hanya

tujuh tahun dari sekarang. Boleh minta Yang Berhormat Timbalan Menteri beri sedikit pandangan atau penjelasan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, Yang Berhormat Senator. Sesungguhnya kerajaan yang begitu prihatin kepada rakyat memang tahu sangat akan keperluan rakyat. Jadi kerajaan amat sedar. Sekarang lebih ramai yang memohon untuk mendapat bantuan dan satu daripada sistemnya adalah sistem e-Kasih. Untuk menjawab soalan yang kedua, boleh dikatakan *rural urban gap*.

Kerajaan juga sedar Tuan Yang di-Pertua, masalah ini dan kalau Yang Berhormat meneliti apa yang kerajaan telah buat selama ini adalah dari semasa ke semasa dan begitu kerap kali untuk menggubal dasar-dasar yang baru bagaimana kerajaan boleh meneruskan bantuan kepada mereka yang perlunya dibantu, lebih-lebih lagi golongan miskin, miskin tegar dan mudah miskin. Tidak kira di luar bandar ataupun di bandar. Sekian, terima kasih.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya sedikit berbeza, akan tetapi menjurus ke arah yang sama. Saya dapati senarai e-Kasih yang berlaku di kawasan saya di Pulau Pinang, kebanyakannya senarai yang mendaftar dengan e-Kasih ini ada yang di kalangan orang yang berada akan tetapi mereka mendapat bantuan dari e-Kasih.

Jadi soalan saya kepada kementerian, adakah kementerian membuat semakan semula dari semasa ke semasa? Adakah kementerian memantau dan melihat sendiri keadaan? Di mana kita tidak mahu bantuan yang sepatutnya diberi kepada yang kurang berkemampuan tapi diberi kepada salah kumpulan. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Perkara ini kerap kali dibawa ataupun dibangkitkan di dalam Dewan sama ada di Dewan Negara maupun Dewan Rakyat. Jawapannya adalah sama. Masalah ini adalah menyeluruh, jadi kalau mengikut sebenarnya tidak sepatutnya mereka yang berada termasuk – Bagaimana boleh masuk dalam senarai itu. Jadi kementerian yang sebenarnya KKLW ini adalah hanya satu agensi sahaja, salah satu daripada beberapa agensi yang melaksanakan program ini.

Sebenarnya program e-Kasih ini adalah boleh dikatakan milik EPU iaitu *Economic Planning Unit*. Di sana adalah di mana penggubalan dasar-dasarnya. Penyemakan memang sepatutnya dibuat dari semasa ke semasa untuk kita apabila mendapati mereka yang tidak sepatutnya mendapat bantuan, kerana di peringkat yang lebih berada, bukan miskin lagi tidaklah sepatutnya masih di dalam sana.

Objektifnya adalah sesiapa yang telah mendapat bantuan selama ini sepatutnya sudah beberapa tahun dibantu oleh kerajaan semestinya juga boleh keluar, tidak lagi miskin supaya memberi peluang kepada mereka yang belum dapat dibantu, belum ada peluang dibantu boleh dimasukkan ke dalam sistem, itu sebenarnya.

Jadi kita memberi jaminan ataupun memberi *confident* (keyakinan) kepada Yang Berhormat Senator kerana membawa perkara ini dan sebagai rakan-rakan yang lain juga yang telah membangkitkan perkara ini, kami kerajaan sentiasa melihat kepada bagaimana kita boleh menambahbaikkan sistem penyampaian kita. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua minta satu lagi soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua sahaja Yang Berhormat. Tunggulah sampai masanya.

3. **Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, langkah-langkah kementerian bagi meningkatkan kadar kitar semula Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) daripada 5% kepada 22% menjelang tahun 2020.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah. Saya memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab kedua-dua soalan daripada Yang Berhormat yang ada urusan berkait dengan kitar semula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

■1020

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kepesatan pembangunan dan juga peningkatan kadar urbanisasi di Malaysia telah pun memberikan satu kesan yang tersembunyi dalam senario masyarakat hari ini iaitu penghasilan sampah sarap domestik yang semakin hari semakin meningkat. Keadaan ini ia menuntut komitmen yang secara berterusan Yang Berhormat, daripada semua pihak untuk kita menguruskan pelupusan sisa pepejal ataupun sampah sarap domestik ini dengan cara yang lebih efektif.

Ingin saya tegaskan di sini, komitmen untuk menguruskan urusan yang berkaitan dengan sisa pepejal ini Tuan Yang di-Pertua, ia bukan sahaja menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan semata-mata kerana kuasa eksekutif itu telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk menguruskan sisa pepejal dan juga pembersihan awam. Akan tetapi ia adalah merupakan satu perkara yang perlu diberikan perhatian, kerjasama

dan komitmen secara kolektif daripada pihak swasta, daripada pihak penguasa negeri, daripada pihak penguasa tempatan dan seluruh masyarakat untuk memastikan keberkesanan untuk menyelesaikan soal yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Program Kitar Semula ini adalah antara urusan ataupun perkara dan strategi untuk kita menangani risiko peningkatan sampah sarap domestik yang semakin banyak di tapak-tapak pelupusan sisa pepejal yang ada di negara ini. Senario pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian mendapati bahawa 95% sehingga 97% daripada sisa-sisa pepejal domestik yang dikutip di Semenanjung Malaysia dilupuskan di tapak-tapak pelupusan sisa pepejal. Hanya baki antara 3% sehingga 5% sahaja yang diproses oleh kilang-kilang kitar semula yang ada kaitannya dengan urusan kitar semula.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2005, jumlah sisa pepejal yang dijana oleh rakyat Malaysia adalah sebanyak 17,000 tan sehari bagi kawasan Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun bagi tahun 2012 Tuan Yang di-Pertua, ia telah pun meningkat mencecah kepada 25,000 tan sehari. Jadi, ini merupakan satu perkara yang menakutkan kerana kalau urusan sisa pepejal ini tidak diuruskan dengan baik, dengan aktiviti-aktiviti kitar semula Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang akhirnya kita akan hidup dalam kawasan yang penuh dengan sampah sarap semata-mata. Maka kerana itu, antara kesan alam sekitar yang berpunca daripada pembuangan sisa tanpa pengasingan di sumber:

- (i) penghasilan air larut atau *leachate* dan pelepasan gas metana yang dihasilkan daripada sisa pepejal yang terurai di tapak-tapak pelupusan sisa pepejal. Jadi, untuk menyelesaikannya, kitar semula dapat membantu mengurangkan pencemaran yang disebabkan oleh sisa pepejal;
- (ii) pemanasan global, pemusnahan habitat kesan daripada pemusnahan hutan. Kitar semula dapat mengurangkan keperluan terhadap bahan mentah. Oleh itu sumber asli seperti kayu balak dan sebagainya dapat disimpan dan dikekalkan. Hutan dapat dipelihara; dan,
- (iii) tenaga yang besar digunakan untuk membuat produk daripada bahan-bahan mentah. Kitar semula hanya memerlukan sedikit tenaga, secara tidak langsung dapat membantu mengekalkan pemuliharaan dan pemeliharaan alam semula jadi.

Jadi, antara langkah-langkah yang diambil Tuan Yang di-Pertua, oleh pihak kementerian dalam usaha untuk meningkatkan lagi kadar kitar semula:

- (i) menggalakkan konsep pengasingan sisa di sumber iaitu mengasingkan sisa pepejal daripada sisa organik dan sisa *inorganic* dan sisa pepejal ini dapat dikitar semula yang mempunyai nilai yang dapat diasingkan daripada sisa pepejal yang hendak dilupuskan;
- (ii) mengutip sisa pepejal melalui kaedah 2+1 iaitu dua hari kita kutip sisa organik, satu hari kita kutip bahan kitar semula; dan,
- (iii) pendidikan dan program kesedaran yang kita adakan. Contoh, PPSPPA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Maybank Berhad mengadakan aktiviti program kitar semula di sekolah-sekolah dalam aktiviti kokurikulum.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, kementerian melihat bahawa kesedaran kitar semula ataupun 3R (*reduce, reuse and recycle*), dengan izin, semakin hari semakin meningkat kesedaran kepada rakyat Malaysia yang ada. Daripada kajian komposisi sisa pepejal yang dilakukan oleh KPKT pada tahun 2012 menunjukkan bahawa kadar kitar semula dalam kalangan isi rumah di Malaysia meningkat daripada 5% pada tahun 2005 kepada 9.7% pada tahun 2011. Kita yakin *insya-Allah*, sasaran kadar kitar semula 22% menjelang tahun 2020 akan dapat dicapai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Lancar tanpa membaca. Sekarang saya persilakan soalan tambahan daripada Puan Hajah.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan yang begitu bagus sekali seperti yang diperkatakan. Saya setuju itu. Jelas. Akan tetapi saya ada dua soalan.

Pertama, sejauh manakah keberkesanan projek *Entry Point* untuk meningkatkan 3R termasuk pengkomposan untuk mengurangkan sisa pepejal dan meningkatkan kitar semula serta apakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan kadar kitar semula kepada 40% iaitu peningkatan sebanyak 3% setahun? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya hendak memberikan maklumat sedikit. Kita harap supaya kesedaran yang sedang diusahakan oleh pihak KPKT ini Tuan Yang di-Pertua, dengan sokongan daripada semua pihak yang saya nyatakan tadi, supaya akhirnya masyarakat sedar bahawa

bahan-bahan kitar semula ini sebenarnya dapat dijadikan *waste to wealth*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana bahan-bahan kitar semula ini Tuan Yang di-Pertua, ia adalah merupakan satu industri yang berkembang dengan pesat dan diterajui oleh sektor-sektor yang tidak formal.

Saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat, industri kitar semula berkembang pesat. Industri ini dianggarkan bernilai RM476 juta pada tahun 2005 dan bagi tahun 2011, ia telah melebihi daripada RM600 juta. Hanya untuk industri *waste to wealth*, dengan izin. Maknanya, sampah itu, sisa pepejal itu boleh dikitar semula dan ia boleh menjadi hasil pendapatan yang akhirnya meningkat dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat. Sebenarnya bahan kitar semula yang disimpan oleh kita, isi rumah-kadang-kadang suami belikan agaknya *washing machine* pada waktu perkahwinan yang pertama, sayang, simpan. Sudah rosak pun simpan di belakang rumah. Suami beli *washing machine* baru tetapi *washing machine* lama masih lagi hendak simpan. Ini antara bahan-bahan kitar semula yang disimpan oleh isi rumah ini Tuan Yang di-Pertua, ia berjumlah 2,101,129 kilogram setiap hari. Maknanya, *per day*, dengan izin.

Maknanya, setiap orang menyimpan bahan kitar semula yang sebenarnya boleh dikitar semula tetapi disimpan di rumah, setiap orang menyimpan 0.07 kilogram setiap hari. Sekiranya kitar semula dilakukan Tuan Yang di-Pertua, maknanya setiap keluarga akan dapat menguruskan jumlah kilogram dalam sehari sebanyak 21,629,729 kilogram satu hari. Maknanya, seorang akan menghasilkan bahan kitar semula sebanyak 0.76 kilogram bagi sehari.

Kalau ini dapat dilakukan Yang Berhormat, dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan, dengan pelbagai pihak yang saya nyatakan tadi dan dengan sokongan dan kefahaman kesedaran dan menjadikan amalan dalam gaya hidup kita untuk melahirkan kesejahteraan dan kemapanan yang akhirnya akan meningkatkan kualiti hidup kita, akhirnya pada tahun pada tahun 2020, harapan kita iaitu 40% kita akan dapat mampu mengurangkan 40% daripada jumlah sisa-sisa pepejal yang akan dihantar ke tapak-tapak pelupusan sampah dan akhirnya kita akan dapat mengurangkan 38% pengurangan pelepasan gas rumah hijau. Matlamat utamanya, kesejahteraan, kemapanan, kualiti hidup kepada rakyat yang ada. Terima kasih banyak.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** [Bangun]

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah.

**■1030**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Timbalan Menteri, kempen kitar semula sebenarnya telah berjalan lebih daripada 10 tahun dan sukanan pelajaran kitar semula telah pun dimasukkan di peringkat sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Persoalan saya adakah kerajaan berhasrat dan mengkaji ke arah mengundang-undangkan ataupun menyediakan suatu model undang-undang kecil kitar semula bagi dilaksanakan di seluruh PBT di seluruh Malaysia. Adakah dengan tahap kesedaran yang ada pada hari ini 9.7% setelah kempen sekian lama, rakyat telah bersedia untuk kitar semula ini dijadikan sebagai undang-undang dan dikuatkuasakan. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat seboleh-bolehnya kalau dalam bab berkaitan dengan pengurusan kehidupan sehari-hari kita ini, kita hendak didik masyarakat, kita tidak mahu setiap perkara yang kita hendak tentukan supaya masyarakat melaksanakan peranannya diperuntukkan dalam peruntukkan undang-undang semata-mata. Ia perlu datang atas dasar kesedaran kepada kita sebagai rakyat Malaysia selain daripada diperuntukkan dalam perundangan negara.

Maka kerana itu undang-undang kecil ini diwujudkan oleh pihak berkuasa tempatan, undang-undang kecil ini diwujudkan oleh pihak berkuasa tempatan walaupun tanggungjawab pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan, boleh diadakan peruntukkan untuk mengurus tadbirkan kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan dengan memperuntukkan undang-undang kecil untuk pemantauan terhadap pengurusan yang berkaitan dengan kualiti dan pengurusan yang berkaitan dengan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Itu yang pertama.

Keduanya peraturan pengasingan di punca yang saya sebutkan tadi, dia telah pun diperuntukkan di bawah Akta 672. Jadi kita harap mudah-mudahan dengan sedikit gerakkan daripada peruntukkan undang-undang dengan usaha yang lebih untuk meningkatkan kesedaran supaya akhirnya mencapai lebih daripada 9.7%, akhirnya kesedaran itu datang dengan rela hati kerana mahu melihat Malaysia menjadi negara yang selamat, yang sejahtera dan kita dapat menikmati kualiti hidup yang baik. Terima kasih Yang Berhormat.

4. **Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian apabila krisis moral seperti pembuangan bayi, penderaan, membunuh ibu bapa sendiri yang menunjukkan keruntuhan keluarga rakyat Malaysia yang semakin meningkat.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin di atas pertanyaan yang dikemukakan kepada kementerian. Tuan yang di-Pertua pihak kerajaan sesungguhnya mengiktiraf keluarga sebagai satu unit yang penting dalam pembinaan struktur sesebuah masyarakat serta negara yang mantap, maju dan progresif. Dalam hal ini Dasar Keluarga Negara (DKN) dan Pelan Tindakan Keluarga Negara (PTKN) telah dirangka dan diluluskan oleh kerajaan pada 17 Disember 2010 bagi memberi hala tuju kepada semua pihak yang berkepentingan untuk mengarusperdanakan perspektif keluarga dalam arus pembangunan negara. Langkah ini adalah selaras dengan pendekatan kerajaan yang menekankan kepada keseimbangan antara pembangunan fizikal, ekonomi dan juga modal insan.

Bertunjangkan DKN dan PTKN, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ataupun LPPKN telah pun memberi penekanan secara berterusan kepada usaha memperkuuhkan institusi kekeluargaan menerusi pelaksanaan pelbagai program. Antaranya ialah melalui LPPKN, kementerian telah melaksanakan program *Smart Start* sejak tahun 2006 lagi kepada pasangan yang akan dan baru berkahwin iaitu berkahwin kurang daripada lima tahun sebagai inisiatif untuk mengukuhkan institusi keluarga. Antara topik yang diberikan penekanan dalam program ini ialah alam keibubapaan dan menangani tekanan dan konflik. Sehingga bulan Mac tahun ini sejumlah 429 program telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara dan juga NGO dan badan-badan agama. Program ini telah memberikan manfaat kepada 8,662 pasangan seluruh negara.

LPPKN juga turut melaksanakan *Second Honeymoon-Smart Start* - ini menarik, dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu sejak Februari 2010 yang tujuannya adalah untuk membantu pasangan yang menghadapi konflik rumah tangga. Sehingga Disember tahun lalu sebanyak 11 program telah dilaksanakan dengan penyertaan sebanyak 260 pasangan. Ini dia punya *success thread*, dengan izin adalah amat baik. Sebagai contohnya pada tahun 2009, 22 pasangan yang hadir hanya satu

pasangan sahaja yang meneruskan penceraian. Pada 2010 pula 77 pasangan yang hadir semuanya meneruskan perkahwinan mereka.

Bagi meningkatkan lagi ilmu dan kemahiran keibubapaan, LPPKN juga telah menjalankan kursus ilmu keluarga LPKKN, ini diadakan di semua negeri juga secara bulanan kepada masyarakat secara umumnya. Pelaksanaan kursus ini adalah berdasarkan kepada Pakej Modul Kasih yang dibangunkan oleh LPKKN sejak tahun 1997 lagi. Ia merangkumi aspek-aspek keibubapaan iaitu keibubapaan anak kecil, keibubapaan anak remaja, kebapaan dan pemantapan perkahwinan. Bagi tempoh 2006 hingga Mac tahun ini sejumlah 9,088 kursus telah diadakan dengan 976,823 penyertaan. Sesungguhnya kursus ini mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada para ibu bapa.

Kementerian juga melalui LPKKN telah melaksanakan Program Keluarga@Kerja ataupun *Parenting@Work* khusus untuk ibu bapa yang bekerja sama ada di sektor awam atau swasta mulai daripada tahun 2007 lagi untuk membantu ibu bapa yang bekerja mendapatkan kemahiran mengimbangi antara tanggungjawab kerja mereka dan juga keluarga, *work life balance*. Bagi tempoh 2007 hingga Mac tahun ini sejumlah 553 kursus keibubapaan telah dilaksanakan. NGO dan sektor swasta juga melibatkan penyertaan mereka semua dan melibatkan penyertaan seramai 23,280 orang ibu bapa. Ini juga mendapat sambutan yang baik daripada ibu bapa yang bekerja.

Selain itu perkhidmatan kaunseling juga secara *outreach* turut diberikan bagi membantu keluarga yang menghadapi konflik. Perkhidmatan ini disediakan oleh dua agensi utama yang mempunyai 17 orang kaunselor yang tetap dan 62 orang kaunselor panel di pusat keluarga LPKKN dan 191 orang kaunselor di pejabat kebajikan masyarakat daerah di seluruh negara.

Kita juga ada talian NUR, perkhidmatan ini telah diwujudkan sejak Disember 2007. Talian NUR ini ialah 15999 yang membolehkan orang awam dan sesiapa sahaja untuk membuat aduan mengenai gejala sosial yang mereka ketahui ataupun mereka sedari berlaku. Talian ini beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya amat menghargai apa yang diusahakan oleh kerajaan seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu pelbagai program, beribu kursus yang diadakan. Akan tetapi sebagaimana yang kita maklum permasalahan keluarga, semalam kita dengar berita di Kelantan anak upah orang rompak bapa dia, bapa dia jual tanah tidak bagi duit dekat dia, dia upah orang rompak saya dengar dalam berita. Di Terengganu, bapa saman anak sebab tinggal cuci

dia jaga apa semua sampai perintah mahkamah. Isteri pukul suami, tendang suami. Kalau suami pukul isteri itu biasa. Bapa rogol anak, yang tidak dengar lagi emak rogol anak, itu belum dengar lagi, hak lain semua sudah ada, jadi siapa yang silap dan siapa yang salah?

Saya tidak salah kerajaan dan kerajaan juga tidak salah siapa-siapa termasuk pembangkang. Soalnya bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini sebab kalau runtuhan institusi keluarga dalam negara kita akan runtuhan negara kita. Negara kita banyak pakar-pakar yang berkebolehan, berkemampuan termasuk Dato' Dr. Haji Fadzilah Kamsah, ini Dato' Dr. Mashitah pun apa kurang hebatnya. Adakah kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan satu *task force* yang memikirkan perkara ini bagaimana hendak menyelesaiannya supaya dapat membantu kementerian berkenaan agar satu modul keluarga dapat diadakan bagi menjamin institusi keluarga dalam negara kita pada masa akan datang. Terima kasih.

#### ■1040

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memanglah kalau kita fikirkan secara mendalam masalah masyarakat kita ini memang terlalu banyak sangat dan kadang-kadang terlalu boleh menyebabkan kita tidak senang tidur. Begitulah juga kita di kementerian. Kita sentiasa, dengan izin, *come up* dengan cara-cara yang baru. LPPKN akan memanggil kumpulan-kumpulan tertentu, pakar-pakar dalam ilmu keluarga ini tetapi akhirnya dia kembali kepada keluarga itu sendiri pun. Di antara lainnya pendidikan agama juga perlu ditekankan.

Jadi, kalau di Kelantan banyak berlaku di mana sampai mengupah orang lain membunuh bapanya untuk mendapatkan duit. Mungkin sudah tiba masanya Kerajaan Negeri Kelantan itu kena membuat sesuatulah. Oleh sebab, ia merupakan Serambi Mekah, jadi hal ehwal agama itu perlu juga diterapkan. Memang itu antara lain yang kita terapkan. Kita memang tahu bahawa nama-nama yang disebutkan seperti Dato' Dr. Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim dan Dato' Fadzillah Kamsah itu adalah di antara insan-insan pakar yang selalu dijemput untuk menyampaikan ceramah.

Akan tetapi, yakinlah Yang Berhormat bahawa kerajaan sebenarnya amat prihatin tentang perkara ini. Kita tidak akan membenarkan keruntuhan institusi keluarga kita di Malaysia berlaku kerana keluarga adalah yang asas kepada pembangunan masyarakat seterusnya kepada pembangunan negara kita. Apatah lagi dalam kita menuju sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Kita tidak mahu negara kita ini hanya maju sebagai negara yang maju dalam bidang pembangunan fizikal dan ekonominya sahaja tetapi kita

juga mahu masyarakatnya mempunyai modal insan yang nombor satu. Oleh kerana itulah ia mesti bermula dengan keluarga.

*Insya-Allah* apa Yang Berhormat cadangkan kepada kementerian itu, kita ambil dengan baik dan dari semasa ke semasa kita akan terus melihat apakah modul yang telah kita laksanakan ini, yang begitu banyak ini dan juga mendapat perhatian daripada masyarakat kita. Adakah ia sudah mencukupi ataupun masih ada lagi yang perlu kita laksanakan. Jadi, kita terbuka untuk mendapatkan pandangan-pandangan daripada semua pihak termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini.

Selain daripada itu, saya telah melihat contoh yang telah diberikan oleh Yang Berhormat itu adalah mereka yang sudah dewasa sekarang ini. Program kita ini baru bermula dalam lima tahun yang lalu. Jadi ini bererti mungkin pada masa akan datang ini *insya-Allah*, kita sama-sama berharap dan berdoa akan ada perubahan di mana ibu bapa sudah diberikan kursus yang mencukupi, di mana sebelum berkahwin, pra-perkahwinan, selepas kahwin, pasca perkahwinan, mereka akan terus diberikan kursus-kursus supaya mereka dapat menangani keadaan dan cabaran yang terkini.

Pada masa sekarang, cabarannya bukan macam masa dahulu lagi. Hari ini *internet*, semuanya sampai ke dalam rumah, sampai ke *hand phone*, apa juga cabaran-cabaran ini semua dapat kita lihat, anak-anak kita boleh dapat melihat dalam bilik tidur pun, tidak payah keluar. Jadi, ini adalah cabaran-cabaran masa kini. Maka, kita juga perlu menanganinya dengan cara yang terkini. *Insya-Allah*, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Krisis moral berkait rapat dengan soal moral manusia, undang-undang serta kempen-kempen di media. Soalan saya, adakah kementerian akan pertama memperkenalkan pendidikan moral yang baru di kalangan masyarakat selain daripada yang disebutkan tadi? Kedua, mengetatkan atau hendak menambah undang-undang yang sedia ada? Ketiga, menambahkan kempen krisis moral dalam media. Kalau ada, pohon penjelasan.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat yang bertanyakan soalan tambahan. *Insya-Allah*, daripada semasa ke semasa seperti yang telah saya sebutkan tadi, kita akan menambah baik program-program yang akan dilaksanakan. Kita juga akan memantau sama ada program kita itu berkesan. Akan tetapi, seperti mana yang telah saya maklumkan tadi, program seperti yang dilaksanakan bersama-sama dengan pihak yayasan dari Terengganu itu seperti modal *honeymoon*, *Second Honeymoon-Smart Start* itu tadi, nampaknya berjaya. Mempunyai *success rate* yang cukup bagus dan membanggakan kita. Kita telah bercadang untuk memastikan

program yang berjaya ini akan dilaksanakan di seluruh negara dan bukannya di Terengganu sahaja.

Ini kerana kita percaya bahawa antara penyebab timbulnya masalah sosial di kalangan orang-orang muda ini adalah apabila keluarganya berpecah belah. Apabila berlaku penceraian, anak-anak tidak ada tempat untuk mengadu dan mereka terasa bersendirian. Jadi, di sinilah kita cuba sedaya upaya supaya tidak berlaku penceraian. Kita cuba menyelamatkan perkahwinan ini. Jadi, program-program ini, kita nampak *Second Honeymoon-Smart Start* adalah satu program yang boleh diadakan lagi di lain-lain negeri supaya masalah keluarga berpecah belah ini dapat kita tangani dengan sebaik mungkin dan kita menyelamatkan keluarga seterusnya anak-anak.

Ada yang dicadangkan berkaitan kempen penderaan di dalam media iaitu kempen untuk mengelakkan penderaan ini. Kita sememangnya sudah pun kita melaksanakannya. Antara kempen media yang telah dilaksanakan ialah, “Utamakan Keluarga”. “Utamakan Keluarga” ini sudah dilaksanakan sejak tahun 2006 lagi. *Women Against Violence*, dengan izin, di bawah Jabatan Pembangunan Wanita juga sudah dilaksanakan dan sedang dilaksanakan. Sekarang ini kita ada Program Respek Wanita pula. Kita meminta supaya semua orang respek kepada kaum wanita sama ada di dalam rumah, dalam keluarga atau di tempat kerja oleh semua pihak. Jadi, ini sedang berjalan sepanjang masa. Kempen penderaan kanak-kanak yang juga dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat secara berterusan Yang Berhormat.

Akan tetapi, kalau ada lagi cadangan-cadangan daripada Ahli Yang Berhormat yang baik, kita sedia mendengar, *insya-Allah*.

**5. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) jenama francais asing yang berdaftar dan menjalankan perniagaan mereka di negara ini; dan
- (b) jenama francais tempatan yang berjaya mengembangkan jenama tempatan ke luar negara.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan dari sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat bin Yusop. Sehingga 10 Julai 2013, sejumlah 128 jenama francais asing telah berdaftar dengan pendaftar francais dan menjalankan perniagaan mereka di Malaysia.

Di antara 10 jenama francais asing tersebut adalah seperti berikut:

- (i) *7-Eleven*, kedai serbaneka dan juga pasar raya;
- (ii) *McDonald*, makanan dan minuman;
- (iii) KFC, makanan dan juga minuman;
- (iv) KUMON, pusat pembelajaran dan asuhan kanak-kanak;
- (v) *Avon*, kecantikan dan kesihatan;
- (vi) *Yamaha Music*, pendidikan;
- (vii) *Kenny Rogers Roaster*, makanan dan minuman;
- (viii) *Tutti Frutti*, makanan dan juga minuman;
- (ix) *Subway*, makanan dan minuman; dan
- (x) *Bodyshop*, kecantikan dan kesihatan.

Kesemua sepuluh itu adalah top 10 daripada 120 jenama francais asing yang berdaftar di negara Malaysia. Untuk jawapan soalan b, sejumlah 49 francaisor tempatan telah berjaya dikembangkan di 51 negara di seluruh dunia dengan mewujudkan 1,494 *outlet*.

#### ■1050

Di antara 10 francaisor yang mempunyai *outlet* terbanyak di seluruh dunia adalah seperti berikut. Saya hanya sebut 10 sahaja daripada 49 francaisor iaitu:

- (i) *Nelson*, 675 *outlet* makanan;
- (ii) *Daily Fresh*, 481 *outlets* makanan;
- (iii) *Mary Brown*, 58 *outlets* makanan;
- (iv) Bangi Kopitiam, 29 *outlets* makanan;
- (v) *Secret Recipes*, 25 *outlets* makanan;
- (vi) *England Optical Group*, 21 *outlets*;
- (vii) *Old Town White Coffee*, 21 *outlets* makanan;
- (viii) *World of Feng Shui*, 17 *outlets*;
- (ix) *Smart Readers* iaitu pendidikan di 15 *outlets*; dan
- (x) *Royal Selangor*, pewter accessories di 14 *outlets*.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan perniagaan francais tempatan. Sejauh mana Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, agensi di bawah kementerian yang bertanggungjawab untuk mengembangkan sistem

perniagaan francais ini telah berusaha membantu usahawan-usahawan bumiputera khasnya untuk terlibat dalam perniagaan francais tempatan?

Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan Kedai Runcit 1Malaysia (KR1M) yang sekarang ini dikelolakan oleh *Mydin* ini sepenuhnya dan begitu juga dengan yang seumpamanya, Kedai Kain 1Malaysia, Kedai Makan 1Malaysia sebagai satu perniagaan francais yang mana kalau dilaksanakan akan lebih ramai lagi usahawan-usahawan kita yang dapat menceburkan diri dan sekali gus mengembangkan *retail outlet* dengan membantu rakyat mendapat peluang membeli barang-barang yang lebih sederhana harganya? Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi memang menjadi tanggungjawab agensi di bawah kementerian itu iaitu PNS untuk menjalankan tanggungjawab agar francais tempatan ini akan berkembang dari semasa ke semasa.

Untuk itu Yang Berhormat melalui PNS kita telah mengadakan Program Francois Komuniti dan kita lancarkan pada Oktober 2011. Melalui program ini kita telah mewujudkan kesedaran keusahawanan francais itu terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah seperti Yang Berhormat sebut tadi. Pada keseluruhannya program-program ini berjaya dan kita telah mewujudkan dan juga menarik lebih daripada 270 orang usahawan baru francais yang menyertai program mikro francais ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, melalui PNS juga kita memberi galakan dan juga pinjaman serta latihan-latihan kepada semua francais yang berminat. Sekiranya pinjaman-pinjaman ini yang kita beri untuk kalau francais mikro, RM50,000 ke atas sehingga ke RM2 juta tanpa had. Bagi francais yang di bawah ialah di bawah RM50,000.

Semua francais ini dia perlu untuk menyertai ataupun kursus-kursus yang dibuat oleh PNS bagi mendapatkan pinjaman yang saya sebutkan tadi. Jadi industri Francois ini untuk makluman Yang Berhormat walaupun baru 19 tahun yang kita wujudkan di dalam negara tetapi keupayaan ataupun kemampuan dan kejayaannya begitu membanggakan kita walaupun 19 tahun kerana usaha-usaha ini akan kita teruskan.

Mengenai soalan yang kedua mengenai dengan sekiranya KR1M diberi juga secara Francois dan mungkin itu kalau perkembangan yang baik kerana sekarang ini kita letakkan KR1M di bawah kelolaan yang lain. Akan tetapi apa Yang Berhormat sebut tadi KR1M ini telah mendapat sambutan yang begitu baik. Itulah harapan kerajaan kerana melalui KR1M ini pengguna akan mendapat barang harga yang berpatutan dan begitu murah daripada *outlet* yang lain.

Jadi pengguna ada pilihan untuk membuat pilihan sekiranya di KR1M ataupun di kedai-kedai yang lain. Akan tetapi untuk KR1M dijadikan sebagai francais dan mungkin dari semasa ke semasa kalau ini agak boleh membantu masyarakat dan juga rakyat mungkin kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg.

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak tambah satu soalan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan 49 buah Francois tempatan berjaya mengembangkan jenama mereka ke luar negara. Saya hendak tahu adakah di kalangan mereka ini terdiri daripada kalangan kaum bumiputera? Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih. Sebanyak 49 buah yang saya sebut tadi adalah di kalangan Francois tempatan. Tempatan ini termasuklah di kalangan bumiputera dan juga bukan bumiputera. Akan tetapi jumlahnya saya minta maaf oleh kerana tidak ada mempunyai data jumlah dan akan kita berikan secara bertulis. Terima kasih.

**6. Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, strategi untuk warga emas dan pelan tindakan kementerian untuk mengenang jasa warga emas, termasuk penyediaan keperluan asas seperti tempat tinggal, *healthcare*, skim insurans dan sebagainya.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah atas soalan yang dikemukakan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat komited adakan terus memberikan perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas bagi mengenang jasa serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut ke arah pengeluaran yang sihat, produktif dan aktif.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, kementerian telah mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara yang digubal pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara yang dirangka pada tahun 1998. Susulan kajian itu Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara telah diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011.

Antara strategi yang diketengahkan dalam Dasar Warga Emas Negara adalah seperti berikut:

- (i) mengutamakan pendekatan, persediaan, pencegahan dan pengukuhan yang memerlukan perubahan paradigma dalam pelaksanaan program daripada yang berorientasikan kebaikan warga emas kepada pembangunan yang melibatkan tanggungjawab diri, keluarga, komuniti dan semua pihak yang berkepentingan *stakeholders* seperti kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan juga anggota masyarakat itu sendiri;
- (ii) pendekatan pelaksanaan dasar dalam aspek pengukuhan hubungan dan perpaduan dalam kalangan warga emas serta antara generasi. Di samping itu, tumpuan turut juga diberikan kepada pembangunan masyarakat secara *inclusive* serta pemahaman mengenai situasi warga emas melalui inisiatif provokasi yang proaktif; dan
- (iii) penambahbaikan dalam mekanisme pelaksanaan dan pemantauan melalui pewujudan jawatankuasa pada peringkat kebangsaan iaitu Jawatankuasa Teknikal Dasar Warga Emas Negara dan dibantu oleh sebanyak tujuh jawatankuasa kecil. Jawatankuasa terdiri daripada wakil pelbagai agensi yang terlibat secara langsung dalam Program Pembangunan Warga Emas.

#### ■1100

Tuan Yang di-Pertua, berhubung kemudahan tempat tinggal untuk warga emas, hingga bulan Jun 2013 terdapat sebanyak 198 buah pusat jagaan warga emas yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta serta dihuni seramai 4,951 orang warga emas. Selain itu, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan Rumah Seri Kenangan untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif.

Hingga Disember tahun lalu terdapat sebanyak sembilan buah Rumah Seri Kenangan di seluruh negara yang memberi penjagaan dan perlindungan kepada seramai 1,766 orang penghuni. Rumah Ihsan juga ditubuhkan untuk memberi penjagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas yang sakit dan uzur dalam suasana yang selesa dan tenteram. Hingga Disember tahun lalu terdapat sebanyak dua buah Rumah Ihsan yang mempunyai penghuni seramai 218 orang, yang mana seramai 155 orang daripadanya adalah warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga melalui JKM telah melaksanakan Perkhidmatan Bantu Di Rumah ataupun *Home Help Services* yang bercorak *reaching out* kepada warga emas. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh sukarelawan yang membantu atau menemani warga emas menjalani kehidupan sehari-hari mereka. Seperti mengemas dan membersihkan tempat tinggal, menemani warga emas, membeli-belah barang dapur, membayar bil utiliti dan membawa mereka ke hospital. Menata rias warga emas seperti membersihkan diri, menyikat, dandan rambut, potong kuku dan di samping menjadi sahabat kepada warga emas tersebut. Hingga bulan Mei tahun ini, seramai 451 orang sukarelawan terlibat dalam memberikan perkhidmatan *home help*, yang mana seramai 1,604 orang warga emas mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini.

Selain itu, kementerian juga telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan melalui khidmat Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) bagi memenuhi keperluan warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital ataupun di klinik kesihatan. Semasa peringkat awal perwujudan perkhidmatan UPWE ini pada tahun 2008, hanya terdapat seramai 239 orang warga emas yang menggunakaninya. Bilangan tersebut telah meningkat kepada 3,450 orang warga emas pada akhir tahun 2012 yang lalu. Pada 28 Mei tahun lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kementerian Kesihatan akan mengadakan pemeriksaan kesihatan berkala kepada penghuni di 48 pusat jagaan warga emas yang berdaftar dengan kementerian.

Seterusnya pada bulan Ogos tahun lalu, program ini telah diperluaskan melalui *National Blue Ocean Strategy 7* atau NBOS 7, *1Malaysia Family Care*. Yang mana Kementerian Kesihatan telah melaksanakan perkhidmatan saringan kesihatan serta rawatan untuk warga emas yang tinggal di institusi, yang terlantar di rumah serta latihan kepada penjaga warga emas yang terlantar di rumah.

Selain warga emas, NBOS ketujuh juga fokuskan kepada golongan orang kurang upaya dan ibu tunggal. Dalam hal ini seramai 9,256 orang warga emas yang tinggal di institusi telah menjalani saringan kesihatan hingga akhir tahun 2012. Daripada jumlah ini 4,720 orang menerima rawatan susulan. Selain itu 3,200 orang warga emas yang terlantar di rumah juga telah menjalani saringan kesihatan. Daripada jumlah ini seramai 3,136 orang menerima rawatan. Sebagai tambahan, Kementerian Kesihatan juga telah mengambil inisiatif untuk melatih seramai 2,628 orang penjaga warga emas yang terlantar di rumah hingga akhir tahun 2012.

Berhubung skim insurans yang ditanyakan oleh Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa setakat ini kementerian tidak menyediakan skim insurans khusus

untuk warga emas. Sebagai kesimpulannya, kementerian komited untuk meneruskan usaha membela kesejahteraan sosial warga emas agar mereka dapat menjalani kehidupan yang berdikari, berintegriti dan juga bermaruah, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, saya mempersilakan soalan tambahan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah.

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Menteri. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana telah menggubal dasar baru ini kepada tahun 2011 yang saya nampak merangkumi banyak perkara untuk menyediakan keselesaan kepada warga emas. Saya hanya ingin tahu dua perkara iaitu pertama, tentang angka sebenar warga emas di negara kita sekarang ini, pecahan mengikut jantina. Adakah di dalam penggubalan dasar negara yang baru untuk warga emas ini penyediaan untuk rumah singgah sementara ataupun *day care centre* untuk warga emas. Ini kerana kadang kala banyak berlaku sekarang ini kerana dalam rumah itu kadang-kadang warga emas ditinggalkan keseorangan.

Anak yang bekerja, sama ada suami isteri yang kedua-duanya bekerja risau meninggalkan orang tua mereka di rumah bersendirian. Jadi ada perlunya mungkin di *day care centre*, seperti mana yang kita sediakan *nursery* untuk bayi dan kanak-kanak kecil. Itu soalan saya. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah di atas soalan tadi. Sebagai menjawab soalan berkenaan dengan statistik tadi itu, mengikut bancian pada tahun 2010, jumlah warga emas iaitu yang berumur 60 tahun ke atas ialah 2,251,200 orang warga emas yang ada di negara kita. Diunjurkan jumlah ini akan meningkat pada tahun 2013 iaitu 2.5 juta orang keseluruhannya. Mengikut pecahan jantina – ada sini tetapi saya kira kira semula untuk beritahu kepada Yang Berhormat. Nanti saya bagi secara bertulis pecahan jantina itu. Kita ada pecahan kaum, pecahan jantina pun ada. Akan tetapi apa yang penting untuk kita semua tahu ialah negara kita akan menjadi *aging nation*, dengan izin, *by the year 2030* yang mana 15% daripada penduduk negara kita nanti akan berumur 60 tahun ke atas.

Oleh kerana itulah, kementerian telah mengambil keputusan untuk membuat dasar yang baru dan juga pelan tindakan yang baru ini. Saya bagi sekarang ini kerana pegawai sudah bagi. Mengikut jantina ini ialah lelaki seramai 1,105,000 dan perempuan 1,145,000. Hampir-hampir sama, saya tengok macam wanita yang lebih panjang umurnya, *alhamdulillah*.

Oleh kerana itulah juga kerajaan telah menubuhkan pusat aktiviti warga emas di seluruh negara supaya warga emas yang sendirian, kesunyian, mereka boleh hadir ke pusat-pusat aktiviti warga emas ini dan berinteraksi di antara satu sama lain. Mereka juga boleh mengadakan program-program mereka di sana, pembelajaran sepanjang hayat, mereka juga belajar buat *cupcake*, bagi yang beragama Islam mereka boleh belajar Al-Quran, boleh belajar komputer dan juga boleh belajar masakan, buat *cupcake* dan sebagainya, mungkin masa muda tidak berkesempatan, maka warga emas berkesempatan melaksanakannya.

Sekarang ini kita ada 22 buah pusat aktiviti warga emas seluruh negara dan akan datang, sudah dalam perancangan, ada bajetnya dan 23 buah lagi akan kita wujudkan di seluruh negara. Ini adalah bagi memastikan kita semua inilah ada tempat nanti untuk kita berinteraksi di antara satu sama lain, *insya-Allah*.

Berkenaan dengan tadi disebutkan supaya ada tempat untuk anak-anak kecil di tempat aktiviti seperti itu, kita boleh pertimbangkan supaya nanti ada warga emas dan ada untuk budak-budak kecil juga sekali. Jadi, warga emas boleh juga bukanlah menjaga tetapi juga ada interaksi di antara warga emas dengan yang masih muda lagi, *insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin.

#### ■1110

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan penjelasan-penjelasan yang diberi oleh Menteri kerana saya masih lagi warga Perak. Sebenarnya dalam strategi yang diterangkan itu tidak disebut apakah golongan yang hendak diutamakan. Saya maksudkan misalnya warga emas daripada kalangan pasukan keselamatan dan guru-guru misalnya. Saya pandang dua golongan ini kerana dua golongan ini adalah golongan yang penting. Adakah wujud dalam strategi atau akan dilakukan tambahan dalam strategi supaya diberikan keutamaan-keutamaan kepada golongan-golongan yang saya sebutkan tadi ataupun golongan lain. Terima kasih,

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan apabila kita merancang sesuatu strategi kita, perancangan kita semuanya melibatkan semua pihak. Tidak kira lah warga emas itu daripada kalangan guru, pesara kerajaan ataupun daripada askar. Semua mereka ini berjasa kepada negara, kepada kita semua. Jadi kebaikan mereka mesti kita jaga sama, jadi apa yang telah dirancang oleh kerajaan ini, apa yang saya sebutkan tadi adalah untuk semua termasuklah para guru dan juga daripada bekas tentera.

Sesungguhnya kita juga seperti saya sebut tadi kita mahu mereka jadi produktif, jadi mana yang masih boleh bekerja misalnya bekas guru, mereka mempunyai

kepakaran, mereka masih lagi boleh mengajar. Maka mungkin juga mereka ini akan diambil semula mengajar di tempat-tempat yang tertentu supaya minda mereka terus bergerak dan juga dalam masa yang sama mereka terus mendapat pendapatan. Walaupun sudah bersara tetapi masih lagi boleh menjadi seorang insan yang produktif ketika umur warga emas.

**Tuan Yang di-Pertua:** terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal bagi pertanyaan yang ketujuh.

7. **Dato' Jaspal Singh** minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah Lesen Kedai Cukai Bebas (KBC) dan Lesen Pengurup Wang. Apakah statistik KBC yang ditempatkan di bandar raya, lapangan terbang, sempadan, dalam negeri dan pelabuhan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh atas pertanyaan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga bulan Julai 2013, bilangan kedai bebas cukai (KBC) yang dilesenkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah Kementerian Kewangan adalah sebanyak 52 buah manakala bagi pengurup wang yang dilesenkan melalui Bank Negara telah melesenkan sebanyak 491 buah. Lokasi 52 buah kedai bebas cukai berkaitan adalah seperti berikut;

- (i) Lokasi 1 - Lapangan Terbang Antarabangsa (28 buah) di Kuching, Kota Kinabalu, Melaka, Penang, Senai, KLIA.
- (ii) Lokasi 2 – di sempadan sebanyak 10 buah di Padang Besar, Bukit Kayu Hitam, Pangkalan Hulu Perak.
- (iii) Lokasi 3 – Bandar raya (8 buah) di Kuala Lumpur, Subang Jaya, Penang, Melaka.
- (iv) Lokasi 4 – Dalam negeri (3 buah) Pangkalan Kubur, Gebeng (Pahang).
- (v) Lokasi 5 – Pelabuhan (3 buah) Klang dan juga Pasir Gudang.

Antara barang popular yang dijual di kedai bebas cukai ialah pelbagai coklat, minyak wangi, kosmetik, aksesori lelaki dan wanita, barang elektronik, pelbagai cenderamata, kraf tangan dan batik, pakaian berjenama, rokok dan minuman keras kepada bukan Islam. Sukacita dimaklumkan juga bahawa di Malaysia terdapat tiga pulau bebas cukai iaitu Langkawi, Labuan dan Tioman. Ada juga kawasan yang dipanggil sebagai zon bebas cukai iaitu di Stulang Laut, Johor, Bukit Kayu hitam serta Pengkalan Kubor, Rantau Panjang di Kelantan. Terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri di atas jawapan. Industri pelancongan di Malaysia telah berbangkit dengan pesatnya dalam lima tahun kebelakangan ini. Antara negara yang banyak membawa pelancong ke Malaysia ialah negara China dan India.

Pelancong dari India sahaja akan melintasi angka lebih daripada satu juta. Banyak peniaga India ingin menceburi dalam bidang KBC atau pengurup wang tetapi diberitahu bahawa permohonan ini ataupun lesen ini semua telah dibekukan. Walau bagaimanapun kita dapat melihat pengurup wang dibuka di kompleks-kompleks beli-belah dan juga ada KBC yang baru.

Soalan saya, memandangkan kebangkitan pelancong-pelancong di Malaysia, adakah kerajaan bercadang meneliti balik lesen-lesen yang telah diberikan dan membuka peluang bagi usahawan-usahawan baru terutamanya daripada kaum India yang telah tertinggal dalam bidang ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Mengenai lesen pengurup wang, sebelum ini kita ada lebih kurang 800 lebih sekarang ini kita tinggal 491 syarikat yang diberi lesen untuk menjalankan aktiviti pengurupan wang. Sebanyak 13 daripadanya dibenarkan menawarkan perkhidmatan pengurupan wang bersama perkhidmatan lain seperti pengiriman wang dan lesen ini masih dibuka.

Saya ingin memaklumkan di sini bahawa lesen kedai bebas cukai dan lesen pengurup wang masih dibuka dan di antara syarat-syarat jika syarat kedai bebas cukai misalnya pemilikan ekuiti syarikat hendaklah sekurang-kurangnya 30% bumiputera dan selebihnya yang lain. Kedua, syaratnya penyertaan sekurang-kurangnya 30% bumiputera dalam lembaga pengarah dan pengurusan syarikat, ia tidaklah menyusahkan sebab hanya 30%.

Ketiga, memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kastam seperti kesesuaian premis, keupayaan kewangan syarikat dan bilangan pelancong.

Keempat hanya permohonan KBC yang terletak di Lapangan Terbang Antarabangsa dan pelabuhan mempunyai terminal penumpang antarabangsa di dalam kawasan Kastam dan Imigresen sahaja yang layak diberikan pertimbangan.

Jadi mengenai lesen pengurup wang tempat-tempatnya pula, kita ada di bandar berdekatan sempadan antarabangsa 75 buah, di pelabuhan kita ada, lapangan terbang pun kita ada. Jadi saya ingin memaklumkan bahawa lesen-lesen itu masih dibuka dan terbuka kepada semua.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengambil kesempatan untuk bertanyakan tentang pulau bebas cukai, Kenyir di Hulu Terengganu di mana dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dalam proses pembinaan dan adakah ianya dilengkapkan dengan yang dikatakan lesen pengurup wang sekali diadakan di pulau bebas cukai yang difahamkan satu-satunya pulau bebas cukai yang pertama di dunia? Adakah ianya juga dilengkapkan dengan segala keperluan-keperluan untuk menarik ramai pelancong untuk menjayakan Projek Bebas Cukai Kenyir yang akan diadakan di Hulu Terengganu tersebut? Saya pohon penjelasan, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin. Kenyir ini dia tasik kan bukan pulau. Kita ini ada tiga jenis, pertama tadi kedai bebas cukai. Kedua, pulau bebas cukai iaitu Langkawi, Labuan, Tioman dan yang ketiga ialah zon bebas cukai. Jadi ada tiga kategori. Saya kira yang ini tasik bebas cukai agaknya.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Tasik pun, pembetulan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tasik bebas cukai. Memang sebenarnya itu dalam proses dan kita akan meneliti segala-galanya jika perkara itu telah dilaksanakan dan diluluskan, tentunya kedai bebas cukai dan juga lesen pengurup wang ini akan kita letakkan di situ. Namun kalau macam di lapangan terbang antarabangsa, kita tidak ada kedai pengurup wang. Kita berikan ialah bank yang melaksanakan pengurup wang itu iaitu CIMB, RHB, Kuwait Finance, Bank Islam. Kalau yang Tasik Kenyir ini kita akan fikirkan kemudian. Dia masih belum lagi digazetkan sebagai kawasan bebas cukai ataupun tasik bebas cukai dan apabila ia telah dilaksanakan, tentunya perkara-perkara yang disebutkan itu akan dilaksanakan juga. Terima kasih.

8. **Dr. Lucas bin Umbul** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah usaha-usaha dan perancangan kementerian untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada belia-belia di negeri Sabah.

■1120

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bangga dengan Yang Berhormat Senator Dr. Lucas kerana amat prihatin tentang kedudukan belia di negara kita ini terutama di Sabah. Saya kira bukan di Sabah, bahkan di Semenanjung dan juga di Sarawak.

Belia hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai 11.2 juta belia di negara kita dan 1.04 juta di Sabah. Gambaran hari esok negara kita, boleh kita lihat melalui belia hari ini. Oleh sebab itulah Kementerian Sumber Manusia dan kerajaan bersama kementerian-kementerian yang lain akan mengambil langkah yang cukup hebat bagi kita memastikan supaya belia dapat kita bimbing, belia dapat kita didik supaya mereka akan menjadi modal insan, sumber manusia yang menentukan masa depan negara kita. Pada saya, belia bukan sekadar harapan tetapi masa depan Tuan Yang di-Pertua.

Bagi soalan khusus kepada Yang Berhormat Senator, terima kasih banyak. Perancangan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada belia-belia di negeri Sabah turut melibatkan di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC) ataupun *Sabah Development Corridor*, dengan izin, yang telah mengenal pasti 31 *Entry Point Project* (EPP) yang dapat mewujudkan hampir 143,700 peluang pekerjaan di pelbagai sektor dan industri sehingga menjelang tahun 2020. Antara sektor yang telah pun dikenal pasti ialah:

<b>Sektor</b>	<b>Peluang Pekerjaan (Jum/ribu)</b>
Pelancongan	15,891
Pertanian	29,611
Kelapa Sawit	12,201
Minyak, Gas dan Tenaga	23,122
Perkilangan dan Logistik	23,471
Pendidikan	2,950
Memodenkan Bandaraya Kota Kinabalu	22,100
Meningkatkan Tarikan Pelancongan	10,000
Menambahbaik Mobiliti dan <i>Travel</i>	2,070
<i>Health Tourism</i> dan <i>Early Education</i>	2,006

Tuan Yang di-Pertua, beberapa projek mega Sabah telah dan sedang berjalan secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2010. Antaranya ialah projek minyak, gas dan tenaga (SOGT) Kimanis, Papar dan Sabah. Ammonia, urea di Sipitang yang telah mewujudkan lebih 5,000 peluang pekerjaan yang penduduk tempatan di Sabah khususnya.

Melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP), kerajaan di mana 12 Bidang Ekonomi Utama Nasional telah dikenalpasti. Kerajaan mengunjurkan sebanyak RM3.3 juta pekerjaan baru merentasi kawasan bandar dan luar bandar seluruh negara akan diwujudkan menjelang tahun 2020. 12 Bidang Ekonomi Utama itu adalah seperti berikut, minyak, gas dan tenaga, minyak sawit, perkhidmatan kewangan, pelancongan, perkhidmatan perniagaan, elektronik dan *electrical*, pemborongan dan peruncitan,

pendidikan, penjagaan kesihatan, kandungan dan infruktur komunikasi, pertanian dan *Greater Kuala Lumpur* dan *Klang Valley*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan soalan tambahan Dr. Lucas bin Umbul.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada timbalan menteri yang memberi jawapan yang amat baik sekali. Soalan tambahan saya, seperti yang kita sedia maklum bahawa belia adalah tunggak kepada harapan bangsa dan negara. Hari ini peratusan belia dalam kategori pekerjaan profesional dan teknikal dijangka akan bertambah dengan bertambahnya bilangan siswazah dalam bidang profesional dan teknikal daripada institusi pendidikan tinggi dan bilangan lepasan institusi latihan kemahiran serta peningkatan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Guna tenaga belia sebagai pekerja mahir juga akan meningkat berikut dengan permintaan yang tinggi terhadap pekerja-pekerja ini.

Soalan tambahan saya ialah apakah usaha-usaha kementerian berorientasikan semula dasar pembangunan belia bagi mempertingkatkan keberkesanannya. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya Kementerian Sumber Manusia amat prihatin tentang tenaga kerja belia ini. Kalau saya hendak sebutkan sedikit Tuan Yang di-Pertua, mungkin untuk makluman Yang Berhormat Senator, di Sabah kita masih ada dapat banyak kekosongan peluang pekerjaan. Mengikut kajian yang dibuat oleh kementerian kita melalui *JobsMalaysia* ini, kekosongan kerja di Sabah ialah lebih kurang 68,312. Cukup banyak ruang bagi belia-belia Sabah dan ini meliputi sebanyak 20,481 adalah melibatkan golongan siswazah, untuk peluang siswazah dan 47,851 adalah bukan siswazah.

Jadi, ini saya kira cukup hebat. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya hendak mempelawa Yang Berhormat Senator kalau boleh kita mainkan peranan yang sama, bersama kementerian dengan kementerian yang lain, bagaimana kita boleh menarik belia-belia Sabah ini supaya merebut peluang yang ada di Sabah sendiri melalui program-program pembangunan yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan.

Menjadi persoalan pada saya Tuan Yang di-Pertua, sedikit mungkin untuk renungan kepada Yang Berhormat Senator, kita terdapat ramai juga belia-belia Sabah yang datang ke Semenanjung. Saya ingat *figure* ini mungkin saya tidak dapat sebutkan. Kita ada maklumat, saya terlupa dia punya itu, yang sepatutnya kita boleh berikan ruang kepada mereka ini untuk balik ke Sabah bekerja. Ini kerana pekerja Semenanjung, di

Sabah amat kecil, amat sedikit. Kalau kita lihat hari ini kalau pekerja swasta di Sabah, 203 lelaki. Ini pekerja, bukan pemastautin. Maknanya, mereka bekerja sementara, orang Semenanjung bekerja di sana dan wanita ialah 68 orang sahaja.

Jadi, peluang yang ada ini sepatutnya direbut oleh pekerja-pekerja dan belia-belia di Sabah. Saya hendak beri gambaran sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Apakah usaha yang dibuat oleh kementerian kepada kita, bagaimana kita menarik peluang pekerjaan ini. Sebenarnya untuk mewujudkan peluang pekerjaan ini mungkin lebih kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kementerian Sumber Manusia lebih untuk menyesuaikan, apakah pekerja dan apakah pekerjaan yang sesuai untuk pekerja-pekerja, termasuklah kita mengadakan latihan.

Umpamanya, kita mengadakan pusat *JobsMalaysia* Sabah. Kita ada 16 Jabatan Tenaga Kerja seluruh Sabah di dalam menyalurkan maklumat-maklumat peluang pekerjaan dan perburuhan yang memberikan lebih mudah maklumat kepada pencari pekerja. Kita juga melaksanakan Program Penempatan Pekerjaan (3P) secara berjadual di setiap daerah dengan kerjasama majikan-majikan yang beroperasi di seluruh Sabah dan menawarkan kekosongan jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan dan kemahiran pencari kerja.

Pada tahun 2012, sebanyak 24 program 3P, Program Penempatan Pekerjaan diadakan melibatkan 288 majikan di pelbagai sektor yang menawarkan 10,850 kekosongan dan seramai 1,761 pekerja Sabah telah berjaya mendapat pekerjaan. Bagi Januari hingga Jun 2013, sebanyak 5 program 3P diadakan melibatkan 82 majikan pelbagai sektor menawarkan 4,000 kekosongan dan seramai 1,242 pekerja Sabah telah berjaya mendapat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah awal yang perlu kita berikan perhatian, terdapat anak-anak pelajar kita yang ketinggalan selepas peperiksaan SPM dan sebagainya. Oleh sebab itulah kita melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, telah melaksanakan Skim Perantisan yang diasaskan kepada pelajar lepasan PMR dan SPM. Mereka ini akan menjadi belia apabila sampai umur 15 hingga 40 tahun. Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang cukup besar, sebagai contoh 11 program latihan yang telah pun dilaksanakan oleh Pembangunan Sumber Manusia di Sabah ini, termasuk Sabah. Sejak dilaksanakan pada tahun 1996 hingga Jun 2013, seramai 14,020 perantis telah diluluskan untuk mengikuti latihan perantisan dengan bantuan sebanyak RM88.14 juta.

**■1130**

Dari jumlah tersebut 1,290 perantis adalah dari negeri Sabah yang mana kita telah meneruskan peruntukan sejumlah RM4.6 juta. Saya ingat Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua kalau komitmen diberikan oleh semua kita termasuk pemimpin, kementerian dan jabatan-jabatan. Saya rasa masa depan negara akan cerah apabila kita dapat melahirkan belia dan juga anak muda yang bertanggungjawab, berintegriti dan bermoral tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana masa sudah menunjukkan jam 11.30 dan kita akan masuk kepada membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Maka saya setakat itu sahajalah soalan-soalan lisan kita pada pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2012) 2013****Bacaan Kali Yang Kedua**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta seorang Menteri untuk memberi penjelasan.

**11.31 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus kedua tahun 2012 ini dibentangkan menurut perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2012 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2012 yang

dibentangkan adalah berjumlah RM12,707.6 juta iaitu sebanyak RM536.4 juta adalah tambahan perbelanjaan tanggungan dan sebanyak RM12,171.2 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan. Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk luluskan di bawah fasal 2, rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM12,171.2 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM8,473.4 juta adalah tambahan secara langsung untuk menampung lebihan perbelanjaan kementerian-kementerian yang mana sebahagian besarnya adalah untuk pembayaran emolumen termasuk bonus dan bayaran subsidi;
- (ii) sebanyak RM2,375.7 juta adalah untuk pindahan lebihan daripada Akaun Hasil Disatukan 2012 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindaan ini dicaj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12, Peruntukan Kepada Wang Terkanun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan ini adalah selaras dengan subseksyen 10(1), Akta Prosedur Kewangan 1957 dan bukan satu perbelanjaan baru tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2012 yang berjumlah RM46,932.5 juta. Bakinya adalah dibiayai melalui pinjaman dan sebanyak RM1,322.1 juta adalah bagi merekrut semula jumlah wang yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2012 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Pendidikan sebanyak RM3,392.1 juta;
- (ii) Kementerian Kesihatan sebanyak RM1,769.9 juta;
- (iii) pencen, elauan, bersara dan ganjaran sebanyak RM535.3 juta;
- (iv) Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sebanyak RM37.7 juta;
- (v) Kementerian Sumber Manusia sebanyak RM16.3 juta;
- (vi) Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM12 juta;
- (vii) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak RM8 juta;
- (viii) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak RM6 juta;
- (ix) Kementerian Pelancongan sebanyak RM5.5 juta;

- (x) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sebanyak RM3.7 juta;
- (xi) Elaun-elaun Diraja sebanyak RM493.2 ribu;
- (xii) Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM396.5 ribu;
- (xiii) Suruhanjaya Pasukan Polis sebanyak RM191.3 ribu;
- (xiv) Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi token sebanyak RM10;
- (xv) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar token sebanyak RM10; dan
- (xvi) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan token sebanyak RM10.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2012 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17, Tahun 2013 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17A, Tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi peruntukan sejumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat.

**11.37 pg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membincangkan sebahagian daripada kementerian tidak keseluruhan. Buat permulaan, saya hendak menarik perhatian pada jumlah besar anggaran tambahan ini. Kita dapatkan bahawa Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 2012 ialah RM181.6 bilion, Anggaran

Tambahan Kedua ialah RM12.7 bilion, Anggaran Tambahan Pertama dahulu RM15.3 bilion. *Priority* jika kita campurkan anggaran pertama dan kedua itu jumlahnya ialah sebanyak RM28 bilion. Kalau kita lihat dari segi peratus ini bererti 15.4%. Jumlah 15.4% daripada bekalan tambahan ini akan merupakan juga penambahan kepada defisit belanjawan kita. Oleh kerana ada rancangan atau hajat untuk mengurangkan defisit pada belanjawan maka tentulah kita harus berhati-hati tentang soal ini, soal penambahan ini.

Saya dapati bahawa ada penambahan yang sepatutnya boleh dijangkakan umpamanya penambahan bagi elaun, bagi emolumen dan sebagainya. Akan tetapi walau macam mana pun buat sekian kalinya kita dapati bahawa perkara ini timbul iaitu emolumen paling besar ialah pada kesihatan dan pelajaran. Ini saya akan sentuh bila sampai pada kementerian itu.

Sekarang saya pergi kepada kementerian dan sebagainya. Pertama ialah Suruhanjaya Pilihan Raya. Sebenarnya kalau kita lihat daripada kertas ini diberikan tambahan sebanyak RM60 juta. Ada tambahan yang lain iaitu untuk menampung kekurangan emolumen dan bayaran khas prestasi iaitu sebanyak RM396,500.

#### ■1140

Saya ingin mengetahui untuk siapakah ini diberi? Atas asas apakah prestasi yang mereka lakukan dan kalau boleh untuk mengetahui adakah ini kali ini pertama bayaran seumpama ini diberikan? Tentang menampung RM60 juta, ini menjadikan peruntukan bagi suruhanjaya menjadi RM460 juta ataupun hampir setengah bilion ringgit. Penambahan ini hampir dua kali ganda daripada peruntukan bagi PRU Ke-12 iaitu PRU tahun 2008. Saya tidak tahu berapa persen sebenarnya penambahan bilangan pengundi tetapi yang saya ketahui ialah bahawa bilangan penambahan pengundi itu tidaklah sebanyak misalnya sampai hampir dua kali ganda tambahan peruntukan. Memang ada misalnya kos yang bertambah, tetapi apakah justifikasinya penambahan ini? Adakah dengan mengambil misalnya lebih banyak pegawai dan seumpamanya dan menambahkan bayaran, maka lebih efisien dan lebih telus apa yang dilakukan dalam pilihan raya?

Kalau kita ambil misalnya RM460 juta ini sebagai belanja pilihan raya dan ada terdapat 220 kawasan pilihan raya atau parlimen, bererti bahawa bagi tiap-tiap kawasan, belanjanya adalah lebih daripada RM2 juta. Tidak kira sama ada kawasan itu kawasan besar atau kawasan kecil. Bagi saya ini adalah satu perbelanjaan yang agak tinggi. Ini barangkali pada pendapat subjektif saya sahaja.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menyentuh barangkali bukan secara khusus kepada perbelanjaan ini iaitu perbelanjaan tambahan. Akan tetapi kepada

beberapa perkara yang saya rasa ada kaitan dengan perjalanan pilihan raya dan pengurusan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Di Dewan ini, berkali-kali disebut misalnya tentang kononnya ada pemimpin Pakatan Rakyat yang menyebut mengenai 40,000 orang dari Bangladesh yang dibawa masuk untuk mengundi. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, siapakah yang dimaksudkan sebagai pemimpin itu, bilakah dia berkata demikian dan di mana beliau itu mengatakan sedemikian.

Saya nampak bahawa perkara ini memang *dispin* oleh akhbar sehingga sampai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun menggunakan apa yang *dispin* ini. Saya menafikan sama sekali adanya tuduhan seumpama itu. Apa yang ada ialah tentang persoalan kami yang ditimbulkan berhubung dengan undi yang dikatakan sebagai undi hantu. Perkara ini timbul terutama sekali daripada penjelasan yang telah dibuat dalam salah satu daripada pendengaran di *Royal Commission of Enquiry*. Dalam salah satu pendengaran itu, Timbalan Ketua Divisyen IC di Sabah Sarawak iaitu Roslan Alias telah menyatakan bahawa 130,459 IC adalah *problematic*. Bila dilakukan semakan *problematic* IC ini dengan daftar undi, maka didapati bahawa 60,673 pengundi adalah *problematic* dan ini diakui oleh Pengerusi SPR dan pengakuannya telah keluar dalam *The Borneo Post*.

Apa yang hendak ditegaskan di sini ialah bahawa orang ada kad pengenalan. Macam mana dia dapat kad pengenalan itu? Tidak tahu tetapi ia *problematic* kerana ada yang hilang, ada yang tidak lengkap dan sebagainya. Oleh kerana mereka ada kad pengenalan itu, mereka boleh mengundi dengan tidak mempersoalkan sama ada mereka ada hak mengundi atau tidak. Kemudian, apabila sudah ada daftar undi, daftar undi itu bersih atau tidak, tidak boleh dicabar. Ini ialah kerana adanya fasal 9(a) dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya. Di dalam fasal 9(a) ini ada dinyatakan bahawa apa sahaja daftar yang telah diterima tidak boleh dipersoalkan walaupun dalam mahkamah. Itu sebabnya apabila ada persoalan, tidak dapat tukar. Jadi kalau ada pun misalnya undi-undi yang *problematic* yang boleh dipersoalkan, ia tidak boleh diubah walaupun dalam mahkamah.

Jadi oleh kerana itu saya rasa demi ketelusan harus ditimbang semula sama ada Fasal 9(a) ini patut digugurkan. Fasal 9(a) ini bermula oleh kerana kes petisyen di Likas pada tahun 1999 di mana *petitioner* telah menang dan dengan kemenangan itu calon Barisan Nasional digugurkan. Maka dibuatlah undang-undang selepas itu supaya tidak boleh digunakan alasan pengundi ini dan tidak boleh dipersoalkan daftar undi yang telah dibuat.

Sekarang saya ingin berpindah kepada Jabatan Perdana Menteri. Di Jabatan Perdana Menteri, tambahan sebanyak kira-kira RM367 juta. RM277 juta ialah untuk projek-projek kecil, RM63 juta untuk menampung kekurangan perbelanjaan, RM27 juta

untuk rumah rakyat. Saya tidak mahu mempersoalkan tiap-tiap satu. Akan tetapi antara perbelanjaan tambahan untuk mengurus ialah untuk perkhidmatan dan bekalan Biro Tatanegara iaitu sebanyak RM5.1 juta. Walaupun tidak banyak sangat. Persoalan yang timbul di sini ialah kita mendapat laporan, banyak sekali laporan bahawa Biro Tatanegara itu digunakan antara lain untuk menimbulkan rasa terancam dan rasa takut di kalangan peserta-peserta Melayu terutamanya.

Kedua, ia juga digunakan untuk memburukkan dan memfitnah parti-parti serta pemimpin parti-parti pembangkang. Pernah disebut bahawa *syllabus* Biro Tatanegara ini akan diubah. Saya ingin tahu, apakah langkah-langkah yang telah dibuat untuk mengubahnya.

Satu lagi ialah mengenai PR1MA. PR1MA ini di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini soal perumahan. Jadi saya percaya lebih baik kalau ia dimasukkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan walaupun semalam Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyebut bahawa akan diadakan koordinasi tentang beberapa tempat yang mengadakan perumahan. Akan tetapi saya rasa koordinasi sahaja tidak cukup. Mungkin lebih baik di *streamlinekan*, dengan izin, supaya perumahan di bawah satu payung sahaja.

Tentang Perkhidmatan Am dan Perpendaharaan. Tambahan yang diminta ialah sebanyak RM3.349 bilion. Ini adalah untuk subsidi gas cecair, diesel, petrol dan tunai.

#### ■1150

Saya bimbang bahawa subsidi ini lebih menguntungkan golongan daripada berpendapatan tinggi dan kaya daripada golongan yang berpendapatan rendah dan miskin. Ini adalah kerana mereka lebih banyak menggunakanya. Syarikat juga lebih banyak menggunakan minyak diesel dan sebagainya dan mereka mendapatkan subsidi ini.

Jadi saya berharap, saya tidak ada cadangan sekarang ini. Akan tetapi saya berharap akan sama-sama dapat difikirkan bagaimana dapat diagihkan subsidi itu supaya ia lebih banyak menguntungkan golongan miskin dan berpendapatan rendah daripada golongan yang kaya dan berpendapatan tinggi. Satu lagi ialah ada yang mendapat keuntungan daripada subsidi ini terdiri daripada golongan orang asing dan nampaknya sudah ada diterangkan di dalam Dewan ini, telah ada langkah-langkah untuk mencegah manfaat yang boleh diambil oleh golongan asing daripada subsidi ini dengan membeli minyak di negara ini. Saya harap ini akan dipertingkatkan lagi dan bersama-samanya juga akan difikirkan cara untuk mengagihkan subsidi itu lebih banyak faedahnya kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Kita dapatti bahawa subsidi yang diberi kepada minyak dan sebagainya ini adalah sebanyak RM17 bilion. Subsidi ini akan diperoleh faedahnya oleh ramai orang. Akan tetapi saya ingin membawa perbandingan, subsidi yang dapat diperoleh oleh hanya beberapa kerat korporat-korporat besar daripada ITP sebanyak RM19 bilion. Kita tidak ada asas sebenarnya untuk memberikan keistimewaan kepada golongan yang kaya dengan ITP tersebut.

Kemudian, saya berpindah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya berpendapat ini adalah pendapat persendirian, bahawa sepatutnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini bersama-sama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sepatutnya mendapat peruntukan 10 ataupun lebih berkali ganda daripada yang sekarang. Ia bukan sahaja peruntukan asalnya tetapi peruntukan tambahan juga harus begitu. Sering saya katakan bahawa golongan yang termiskin dan yang harus mendapat pembelaan adalah kebanyakannya golongan Melayu dan sekiranya kita mahu membantu golongan ini, maka di sinilah penumpuan peruntukan kita harus difokuskan. Kedua-dua kementerian yang saya sebut tadi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, peruntukan asal mereka ialah hanya RM5.8 bilion bagi Kementerian Pertanian dan Asas Tani dan RM4.5 bilion bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kedua-duanya cuma RM10.3 bilion.

Saya ingin menegaskan lagi bahawa sepatutnya 10 kali atau lebih banyak lagi gandanya. Tentang tambahan yang diminta sekarang ini ialah sebanyak RM6 juta. Ini ialah untuk Projek Khas Perumahan Nelayan. Kalau misalnya sudah ada tambahan untuk Perumahan Khas Nelayan, mengapakah tidak boleh misalnya diadakan juga tambahan ataupun peruntukan asal bagi rumah golongan yang miskin tegar ataupun golongan warga emas yang memerlukannya?

Selain daripada itu kalau kita misalnya hendak menghapuskan bilangan miskin tegar, perkara ini kebanyakannya juga adalah golongan Melayu dan golongan Orang Asli dan sebagainya, mengapa tidak misalnya difikirkan cara supaya diberikan peruntukan tambahan ataupun latihan-latihan supaya dapat dipertingkatkan pendapatan mereka kalau tidak mengatasi garis kemiskinan sekurang-kurangnya mendekati garis kemiskinan dan melepaskan mereka daripada kemiskinan tegar itu. Saya mengakui bahawa memang besar, memang banyak langkah-langkah dan rancangan-rancangan yang telah dibuat untuk menaikkan taraf petani-petani. Akan tetapi saya menganggap bahawa lebih banyak lagi yang perlu dan boleh dilakukan. Kemajuan dan penambahan dan peningkatan pendapatan dari golongan petani dan golongan yang miskin dan berpendapatan rendah

walaupun ada, adalah lambat dan kecil jika dibandingkan dengan peningkatan yang diperoleh oleh orang kaya.

Saya ambil misalnya contoh yang ekstremlah. Contoh yang ekstremnya, kita ambil misalnya 50 orang yang terkaya dalam negeri ini. Mengikut majalah *Forbes*, daripada 50 orang ini, 36 orang adalah Cina, sembilan orang adalah Melayu dan lima orang adalah India. Orang yang terkaya sekali nombor satu dan nombor dua adalah seorang Cina dan seorang India, Robert Kuok Hock Nien dan Tatparanandam Ananda Krishnan.

Saya tidak begitu menafikan bahawa kayanya mereka adalah kerana hasil usaha mereka. Akan tetapi ada juga kes-kesnya di mana mereka dibantu oleh kerana mereka bersifat kroni. Kita ambil misalnya yang daripada sembilan Melayu tadi. Daripada sembilan Melayu tadi, Tan Sri Syed Mokhtar Shah bin Syed Nor Al-Bukhary berkedudukan kelapan. Pertama dan kedua tadi, aset mereka ialah sebanyak lebih daripada USD10 bilion. Tan Sri Syed Mokhtar Shah bin Syed Nor Al-Bukhary kira-kira USD2 bilion. Orang yang berkedudukan ke-15, Datuk' Mokhzani bin Tun Dr. Mahathir. Kedudukan ke-41 Yang Amat Mulia Raja Eleena binti Sultan Azlan Shah; dan kedudukan ke-49 Dato' Seri Mohd Nazir bin Tun Abdul Razak. Nama-nama ini menunjukkan hubungan mereka dan saya percaya selain daripada usaha mereka, hubungan mereka ini menentukan juga pendapatan mereka.

Kalau misalnya hubungan mereka ini dengan pemimpin-pemimpin boleh dijadikan asas untuk memberikan bantuan begitu banyak, saya ingin menegaskan bahawa bantuan yang lebih banyak lagi dari segi bajet dan sebagainya harus diberikan kepada golongan miskin, orang Melayu, orang asal dan juga orang Cina dan India yang miskin.

Selain daripada yang diterangkan itu yang merupakan tambahan pengurusan, di bawah itu kementerian ini ada juga tambahan bagi pembangunan. Terbesar sekali ialah pertamanya ialah untuk Projek Kolej Pertanian iaitu sebanyak RM20 juta. Saya tidak mengetahui mengapa perlunya tambahan ini. Sebabnya ialah setahu saya pada bulan September 2012, Kolej Pertanian bernilai RM146 juta telah didirikan di Bukit Tangga, Sintuk dan menerima pelajar pada Jun 2013. Jadi tambahan ini untuk apa dan tidak dijelaskan untuk apa. Kalau misalnya baru sahaja disiapkan kolej itu dan baru sahaja mengambil pelajar-pelajar, mengapa perlu pula tambahan RM20 juta ini? Satu lagi ialah Projek Empangan Paya Peda.

## ■1200

Projek empangan ini di Terengganu bernilai RM27.5 juta. Ada dua angka yang diberi tentang harga sebenar atau kos sebenar projek ini. Mengikut angka anggaran projek, ia adalah sebanyak RM360.3 juta tetapi mengikut laman web Kawasan

Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara, jumlahnya ialah cuma RM333 juta. Jadi, saya ingin tahu kenapakah ada perbezaan RM27 juta ini, daripada dua angka yang kedua-duanya adalah dikemukakan oleh pihak kerajaan sendiri.

Sekarang saya pindah kepada Kementerian Pendidikan Tuan Yang di-Pertua. Tambahan bagi kementerian ini adalah yang besar sekali iaitu sebanyak RM3.92 bilion. Tujuannya terutama sekali ialah untuk emolumen, bayaran imbuhan, kenaikan gaji dan bayaran khas prestasi. Soalan yang saya hendak sebutkan tadi ialah di manakah silapnya maka kita tidak dapat menganggarkan ataupun menjangka penambahan-penambahan ini? Tentu ada rancangan kita untuk menambah berapa guru kita hendak ambil lagi, berapa kenaikan gaji akan berlaku dan ini boleh dimasukkan ke dalam anggaran belanja asal. Tiap-tiap kali dibentangkan bekalan, saya lihat item emolumen ini sering timbul dan item ini jumlahnya adalah sangat besar. Jadi, saya mengharapkan bahawa dalam perancangan bajet yang akan datang, harus dijangka dan diduga apakah tambahan-tambahan, misalnya kakitangan supaya dapat ditetapkan berapa banyak misalnya yang diperlukan.

Saya kaitkan di sini soal pengajian tinggi Tuan Yang di-Pertua. Sebanyak RM1.49 juta diperlukan bagi projek *Advance Engineering Science and Innovation* bagi tahun 2012. Pada September 2012, kita mempunyai 65,000 jurutera. Berdasarkan kajian Lembaga Jurutera Malaysia untuk Malaysia menjadi negara maju, maka kita memerlukan 82,000 jurutera. Waktunya untuk sampai ke peringkat negara maju itu dekat, jadi adakah dengan adanya peruntukan yang kecil ini boleh dicapai misalnya *gap* sebanyak yang kekurangan tadi iaitu daripada 65,000 kepada 82,000? Saya tidak percaya ini akan dapat dicapai dalam masa yang begitu pendek.

Seperkara lagi yang berkaitan dengan pendidikan dan juga pengajian tinggi ini ialah tentang PTPTN. Kita tahu PTPTN telah ditubuhkan pada 1997 dan untuk membantu pelajar kekurangan wang masuk universiti, tidak kira universiti awam ataupun universiti swasta. Saya lihat bahawa PTPTN ini digunakan terutama sekali untuk menghidupkan IPTS dan kita lihat bahawa misalannya, kita dapati bahawa IPTS swasta mendapat pendapatan kira-kira RM20 bilion daripada PTPTN ini walaupun kecil sedikit daripada IPTS. Seorang pegawai PTPTN...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat lima minit lagi ya.

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya, terima kasih, saya akan cuba habiskan. Seorang pegawai PTPTN mengatakan bahawa jika misalannya tidak diberi PTPTN, maka 434 buah IPTS terpaksa gulung tikar. Ini menunjukkan dia mengaku bahawa IPTS bergantung pada

PTPTN untuk hidup. Ada sesetengah yang hidup itu rendah mutunya, ada misalnya mengambil banyak dan melatih beribu-ribu jururawat tetapi ramai yang tidak mendapat pekerjaan. Universiti ini misalannya, saya tidak mahu sebut namanya, rapat hubungannya sebagai kroni dan CEO nya sendiri sahaja pendapatannya adalah sebanyak RM8.5 juta setahun. Jadi, sebahagian daripada PTPTN itu pergi kepada misalannya untuk membayar gaji yang begitu tinggi dan untuk membiayai sesetengah institusi yang tidak begitu baik.

Berpindah kepada Kementerian Kesihatan Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan tambahannya ialah sebanyak RM1.77 bilion. Kalau kita campurkan peruntukan bagi kesihatan dan pendidikan yang kebanyakannya adalah untuk emolumen, kita dapat bahawa jumlahnya adalah 37% daripada keseluruhan yang diminta bagi tambahan ini. Saya rasa jumlah ini dapat dikurangkan jika ada kebolehan membuat jangkaan dan *planning* supaya emolumen itu tidak bertambah begitu banyak.

Ada sedikit saya hendak sebut tentang ‘Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan’. Tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM37.7 juta. Tujuannya ialah untuk sewaan, utiliti dan penyelenggaraan KPKK di Putrajaya. Saya anggap jumlah ini agak besar kalau untuk *renovation* dan sebagainya. Jadi, saya ingin mendapat *breakdown*, dengan izin, tentang perbelanjaan ini dan alasan mengapa perbelanjaan itu begitu besar.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada Kementerian Dalam Negeri. Tambahannya ialah sebanyak RM463.6 juta. Daripada jumlah ini, RM300 juta diperlukan bagi penyelenggaraan *system information and communication technology* (ICT). Beberapa tahun yang lalu timbul misalnya skandal yang mengatakan bahawa sistem dalam kementerian ini adalah dibina oleh sebuah syarikat yang ada kaitan dengan Zionis iaitu APCO.

Saya ingin tahu, adakah sistem itu masih lagi serupa kerana kalau sistem itu serupa sampai sekarang, bererti pihak Zionis akan sentiasa tahu apakah rahsia-rahsia *communication* kita dalam kementerian itu. Bererti, mereka boleh mengawal sepenuh-penuhnya maklumat tentang *intelligence* kita. Saya ingin mendapat jaminan bahawa perkara ini tidak berlaku. Sebanyak RM3 juta adalah untuk bayaran akhir, interim dan perubahan kerja bagi projek ibu pejabat polis.

Dua minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Ini ialah berkaitan terutama sekali untuk tanah-tanah yang harus dibina untuk pejabat-pejabat.

#### ■1210

Kalau tidak salah saya dalam Laporan Audit pada tahun 2007 dikatakan bahawa daripada empat IPK yang memiliki 690 lot tanah, 246 ataupun 30.5% belum dibangunkan.

Mengikut audit juga bagi negeri Kedah, Kuala Lumpur, Pahang dan Perak, daripada 203 lot tanah, 82.5% adalah terbiar dan setakat 31 Disember 2011, PDRM memiliki 2,453 lot tanah di seluruh negara. Akan tetapi 405 lot belum digunakan atau dibangunkan. Saya dengar khabar bahawa ada sesetengah lot tanah ini telah digunakan pun oleh pihak penduduk-penduduk haram. Jadi saya ingin tahu bilakah akan diselesaikan pembangunan ini dan adakah dengan peruntukan yang diminta ini akan dapat diselesaikan kerja-kerja yang belum dibuat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat. Sila gulung Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya tidak gulung Tuan Yang di-Pertua, cuma satu perkara kecil sahaja iaitu tentang, perkaranya kecil di sini tetapi dalam masyarakat adalah besar iaitu tentang kes-kes pembunuhan yang berlaku sekarang ini, tiga kes besar. Ini ada kesannya terhadap misalnya, *confident* rakyat dan juga keyakinan pemodal-pemodal dari luar kalau berlakunya berterusan sebegini kerana nampaknya akan ditambahkan bilangan polis dan sebagainya.

Akan tetapi tambah bilangan polis saja tidak cukup, apakah tugas yang akan diberikan sebenar-benarnya. Kalau misalnya lebih banyak ditekankan tentang hendak jaga tentang perhimpunan awam dan hendak kawal pihak-pihak pembangkang dan sebagainya, itu perkara yang tidak harus difokuskan. Sekarang ini masalah jenayah besar makin bertambah. Walaupun orang akan mengatakan jenayah kecil adalah kurang dan jenayah besar inilah yang perlu ditumpukan perhatian oleh kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin untuk membahaskan rang undang-undang ini, saya sekali lagi minta kerjasama Yang Berhormatlah. Mana-mana Yang Berhormat yang hendak membahaskan rang undang-undang ini pada hari ini tolong hantarkan nama Yang Berhormat kepada saya supaya senang bagi kita mengatur masa kita pada hari ini. Kita ada dua hari, hari ini dan esok 1 Ogos untuk membahaskan rang undang-undang ini dan selepas itu kementerian akan menjawab. Jadi saya mohon kerjasama Yang Berhormat supaya senang kita tahu macam mana hendak mengatur masa kita pada hari ini. Terima kasih.

Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin.

**12.14 tgh.**

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, suka saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Tentera kepada seluruh warga, Hari Pahlawan. Selamat menyambut Hari Pahlawan kepada seluruh anggota pahlawan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan pindaan Akta Perbekalan Tambahan (2012) 2013.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengemukakan perbekalan tambahan sebanyak RM12.1 bilion bagi Suruhanjaya Pilihan Raya, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Am, Perbendaharaan, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun dan 15 kementerian lain. Saya ingin menyentuh maksud B.6 mengenai Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan Butiran 360000 - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Pentadbiran agama Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan semakin mencabar dengan pelbagai isu-isu baru dan penggunaan pelbagai jenis media termasuk media elektronik, media sosial, *internet* dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) khususnya Bahagian Pendakwaan dan Bahagian Penyelidikan. Bahagian Penyelidikan adalah penting berfungsi antaranya menjalankan pemantauan berkaitan isu-isu akidah, pemantauan berkaitan isu-isu semasa syariah dan menjalankan kajian tapisan dari segi penerbitan buku-buku berunsur Islam, audio visual berunsur Islam, laman sesawang, laman web dan sebagainya. Bahagian ini juga bertanggungjawab berhubung dengan pengurusan media baharu. Pemantauan dari segi penerbitan bahan-bahan berunsur Islam, penganjuran seminar dan taklimat, penerbitan jurnal dan pemantauan berkenaan *mushaf al-Quran* dan mewujudkan pangkalan data mengenai pelupusan al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, jelas fungsi dan peranan Bahagian Penyelidikan JAWI amatlah penting dalam menghadapi cabaran-cabaran berbentuk baru dari segi akidah, syariah, media dan penerbitan berunsur Islam. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan agar bahagian penyelidikan ini disusun semula dari segi struktur organisasi, diperkemas dari segi fungsi dan tanggungjawab dan dinaiktarafkan dari segi perjawatan supaya dapat mewujudkan bahagian penyelidikan terunggul dan menjadi contoh dan model khususnya bagi menghasilkan kajian yang berkualiti dalam bidang akidah demi memelihara kesucian Islam berdasarkan akidah Ahlul Sunnah Wal Jamaah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan Bahagian Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pendakwaan terhadap pelaku yang melakukan kesalahan syariah, di bawah peruntukan Undang-undang Islam yang berkuat kuasa di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Bahagian ini juga bertanggungjawab membantu hakim syarie dalam membuat keputusan dan hukuman yang adil. Pada masa kini bahagian ini diketuai oleh Ketua Pendakwa Syarie gred LS 52, Pendakwa Syarie Kanan gred LS 48 dan juga para Pegawai Pendakwa Syarie gred LS 44 dan gred LS 41 serta Pembantu Pendakwa Syarie gred LS 17.

Bahagian ini terbahagi kepada Cawangan Mahkamah Tinggi dan Rayuan Syariah, Cawangan Mahkamah Rendah dan Cawangan Pendaftaran dan Rekod. Bahagian Pendakwaan ini perlu menjalani prosiding bagi kes jenayah syariah dengan telus dan berintegriti. Bahagian ini juga perlu melaksanakan pendakwaan kes-kes jenayah syariah secara profesional, adil, berhikmah serta efisien berdasarkan hukum syarak dan undang-undang Islam bagi mencapai keredaan Allah. Fungsi dan tanggungjawab bahagian pendakwaan ini begitu penting untuk memastikan undang-undang Islam ditegakkan.

Sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan agar kajian yang menyeluruh ke atas Bahagian Pendakwaan JAWI ini dari segi fungsi, struktur, organisasi dan perjawatan bagi memastikan bahagian pendakwaan ini mempunyai pegawai dan kakitangan yang mencukupi serta dapat bertindak dengan berkesan dan berintegriti.

#### ■1220

Selain itu juga, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung dengan cadangan untuk mewujudkan Jabatan Pendakwaan bagi menggantikan atau menaiktarafkan Bahagian Pendakwaan supaya lebih bebas dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Maksud B.21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi Butiran 090000 mengenai Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) tambahan sebanyak RM6 juta. Projek ini meliputi peruntukan pembaikan rumah sebanyak RM10,000, pembinaan rumah baru bernilai RM40,000 dan penempatan semula nelayan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, menyatakan bilangan rumah nelayan yang telah dapat dibaiki dan pembinaan rumah baru bagi tempoh 2010 hingga 2013 terkini di seluruh negara. Terutamanya di Terengganu, khususnya di Daerah Marang untuk menyatakan bilangan nelayan yang mendapat manfaat dari pelaksanaan projek khas perumahan nelayan PKPN ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh maksud B.41 Kementerian Pelajaran di bawah Butiran 030300 mengenai Pendidikan Rendah. Tambahan sebanyak RM3.3 bilion adalah bertujuan bagi pembayaran imbuhan, bayaran khas prestasi dan kenaikan gaji antara 7% hingga 13% serta pembayaran pelarasan gaji kenaikan pangkat secara *time based*, pegawai perkhidmatan pendidikan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua warga pendidik yang sentiasa mendapat perhatian kerajaan, khususnya dari segi gaji, kenaikan pangkat dan insentif dari segi prestasi.

Berhubung dengan pendidikan rendah ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Penilaian Berasaskan Sekolah (SPPBS) yang telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2011 yang meliputi komponen akademik dan bukan akademik, di mana pelaksanaan program ini telah menimbulkan pelbagai reaksi yang kurang memuaskan terutama di kalangan ibu bapa, guru dan pentadbir sekolah iaitu seperti berikut:

- (i) berhubung dengan rekod dokumentasi pelajar yang sukar di kemas kini, khususnya apabila berlaku pertukaran guru atau guru cuti bersalin;
- (ii) berhubung dengan penilaian pelajar secara kualitatif dan kurang objektif;
- (iii) kesediaan dan pemahaman guru sendiri tentang PBS. Kebanyakan guru memberikan maksud balas bahawa PBS amat membebankan tugas guru selain tugas hakiki untuk mengajar; dan
- (iv) kurangnya komitmen dan kefahaman pihak pengurusan sekolah.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah pelaksanaan PBS itu sendiri yang mana akan dapat meningkatkan aspek kognitif iaitu intelek, efektif, emosi dan rohani dan psikomotor iaitu jasmani, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kurikulum standard sekolah rendah. Apakah kelemahan yang telah dikenal pasti dalam pelaksanaan PBS ini dan apakah tindakan penambahbaikan yang telah diambil bagi memastikan kejayaan PBS ini? Saya berhadap kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan mengambil langkah yang lebih wajar dalam pelaksanaan PBS ini demi masa depan pelajar-pelajar itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh Maksud P.27 Kementerian Kerja Raya di bawah Butiran 61000 mengenai Naik Taraf Jalan-jalan (Projek Baru). Berhubung dengan naik taraf jalan, saya ingin membangkitkan cadangan menaik taraf Jalan Padang Air Deras ke Masjid Kampung Tasik Marang, Terengganu. Cadangan ini adalah untuk menaik taraf laluan sedia ada kepada piawai R3 yang merupakan laluan

yang sangat popular sebagai laluan pintas dari laluan T.170 ke laluan T.102 yang sentiasa sesak.

Komponen projek ini melibatkan pembinaan jalan baru sejauh 1.3 km dengan piawai R3 termasuk dengan sistem perparitan di kiri kanan jalan. Anggaran kos Tuan Yang di-Pertua, projek ini adalah RM8 juta. Faedah yang dijangkakan diperoleh dari projek ini adalah seperti berikut:

- (i) dapat mengurangkan kesesakan jalan masuk sedia ada ;
- (ii) menambahkan jejari jalan berhubungan jalan baru; dan
- (iii) meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat.

Oleh itu, saya mohon kerajaan, khususnya Kementerian Kerja Raya untuk menimbang dan meluluskan cadangan yang saya bawa pada hari ini. Dengan ini saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua, dan saya rakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat, siapa-siapa yang hendak berbahas hari ini tolong hantar nama supaya kita dapat mengatur masa. Sebab kalau Yang Berhormat semua hantar nama esok, mungkin kesuntukan masa. Masa yang dibagi kepada Yang Berhormat itu tidak banyak lah. Jadi, saya minta kalau hari ini mungkin kita dapat bagi Yang Berhormat banyak masa sedikit untuk berucap.

Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Silakan Yang Berhormat.

## 12.27 tgh.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang untuk saya membahaskan suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh B.6 Jabatan Perdana Menteri, ingin menyentuh mengenai dengan Biro Tatangara. Saya ingin merujuk pada anggaran perbelanjaan di bawah Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri dan menyentuh peruntukan tambahan sebanyak RM26.9 juta. Soalan saya, apakah bentuk program-program yang dijalankan oleh Biro Tatangara dan sejauh manakah keterlibatan biro ini dengan anak-anak muda di luar bandar? Disarankan agar Biro Tatangara ini juga akan

melaksanakan program-program kepada anak-anak muda pelbagai bangsa di luar bandar agar kehidupan mereka lebih diisi dengan aktiviti-aktiviti yang membangkitkan jati diri masyarakat Malaysia.

Seterusnya, mengenai dengan Al-Hijrah. Saya ingin merujuk kepada tambahan anggaran perbelanjaan kepada TV Al-Hijrah sebanyak RM5 juta. Pertama sekali kita ingin mengucapkan tahniah kepada TV Al-Hijrah yang telah berjaya menarik minat penonton menonton program yang ditayangkan yang begitu menarik seperti *30 Minit Bersama Ustaz Don, Reflection, Assalamualaikum*, yang sarat dengan program-program mendidik agama.

Kita ingin tahu berapakah jumlah penonton yang menonton Al-Hijrah? Berapa peratuskah jumlah program yang diimport, ditayangkan di TV Al-Hijrah dan berapakah program atau rancangan tempatan? Saya juga ingin bertanya, adakah kerajaan melantik jawatankuasa tertentu bagi memastikan rancangan yang disiarkan adalah bertepatan dengan kita yang berpegang kepada mazhab Shafie dan Ahlul Sunnah Wal-Jamaah.

#### ■1230

Kita lihat berdasarkan rancangan yang ditayangkan, kadang-kadang dilihat agak mengelirukan. Kita tidak mahu rakyat terlibat dengan bidaah dan sebagainya. Pernah satu rancangan disiarkan bulan puasa ini bercerita tentang Nabi Sulaiman, fakta-faktanya banyak dirujuk dari sumber yang bukan daripada surah *An'am* dalam Al-Quran. Sebaliknya ada disebut dari sumber Yahudi dan faktanya agak mengelirukan. Contohnya nama Puteri Balqis disebut-sebut sedangkan di dalam Al-Quran tidak dinyatakan nama puteri. Jadi, perlu sekali program-program yang ditayangkan dikaji dahulu sebelum ditayangkan agar akidah masyarakat Islam di negara ini terpelihara.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mula memperkenalkan e-halal sejak dari tahun 1990-an. Sejak itu negara kita menerajui industri halal di dunia ini dan pelbagai dasar dilaksanakan oleh kerajaan bagi memenuhi keperluan negara dan dunia. Namun, saya hendak tanya di mana kita sekarang ini dalam industri halal dunia memenuhi nilai pasaran halal dunia ialah 7.4 trilion. Adakah kita sekarang terkebelakang berbanding dengan negara jiran lain seperti Indonesia, Singapura dan sebagainya?

Saya juga ingin menyentuh tentang pusat penyembelihan di dalam dan di luar negara. Adakah kita hantar pegawai ke sana untuk pemeriksaan dan bagaimana kita hendak tahu sesuatu tempat di luar negara yang halal, contohnya di London dan Australia. Bila kita ke sana, tetapi bila hendak cari makanan rasa waswas. Jadi minta adakan pegawai atase yang boleh mengenal pasti tempat-tempat untuk kita beli makanan di luar negara.

Seterusnya maksud B.42 berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat klinik-klinik kesihatan terutamanya klinik desa di luar bandar masih terdapat bangunan-bangunan yang agak lama. Klinik ini dibuat daripada kayu dan penyelenggaraannya kurang selesa. Mohon diberikan perhatian agar klinik desa di luar bandar ini supaya dinaikkan taraf. Untuk makluman semua, klinik desa luar bandar ini ialah klinik pemeriksaan ibu-ibu mengandung.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan ubat yang mahal di klinik-klinik kesihatan dan juga di poliklinik. Jika pesakit pergi ke klinik kerajaan akibat sakit atau demam, seperti kayap dan lain-lain, ubat untuk sakit tersebut tidak diberi kepada pesakit oleh klinik berkenaan tetapi hanya diberi nama ubat dan disuruh dibeli di farmasi-farmasi yang berdekatan. Harga ubat adalah mahal. Harganya lebih kurang katakanlah RM30 hingga RM70. Bagi orang kampung ini Tuan Yang di-Pertua, dia tidak mampu. Jadi saya mencadangkan supaya pihak klinik-klinik kerajaan, klinik kesihatan ini membekalkan semua ubat-ubat sama ada yang mahal atau pun tidak untuk keperluan orang kampung dibekalkanlah di klinik-klinik tersebut. Jika perlu, kita perlu adakan insurans kesihatan. Apakah status insurans kesihatan yang dikaji sejak beberapa lama oleh kementerian, tetapi hingga hari ini belum ada perkembangannya.

Seterusnya maksud B.62 – Kementerian Dalam Negeri berkenaan keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam. Saya ingin menyentuh yang pertama mengenai dengan Syiah. Jelas sekali Syiah telah diharamkan di negara kita. Tindakan kerajaan mengharamkan Pertubuhan Syiah Malaysia berdasarkan kepada peruntukan seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966 amat tepat pada masanya memandangkan pengaruhnya yang semakin berkembang dan menimbulkan kekeliruan umat Islam. Kesan penularan ajaran Syiah kepada umat Islam amat membimbangkan kerana ia boleh menyebabkan berlakunya perkahwinan songsang iaitu mutaah, kefahaman Islam yang longgar sehingga meringankan ibadah, Rukun Islam dan sebagainya.

Apa yang menjadi perhatian saya adalah tentang karya-karya individu tertentu yang dikenal pasti sebagai berfahaman Ayiah masih dijual secara berleluasa di negara ini. Berikutan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan 1996 yang telah mengharamkan penyebaran dan amalan selain daripada ajaran Islam berasaskan Ahlul Sunnah Wal Jamaah dan penyebaran serta penerbitan buku, risalah, filem dan lain-lain adalah juga diharamkan. Jadi kita minta KDN tarik balik dan haramkan novel-novel atau buku-buku yang ditulis oleh mereka yang terang sekali dengan Syiah. Minta Menteri memeriksa individu-individu yang berkenaan yang dilaporkan dan diambil tindakan keras ke atas mereka kerana kita khuatir penulisan mereka boleh mempengaruhi masyarakat negara ini

terutamanya golongan muda yang kita lihat mudah terpengaruh akibat rasa ingin tahu bagi mereka.

Seterusnya saya ingin menyentuh juga mengenai dengan Kementerian Dalam Negeri melibatkan perbelanjaan berhubung dengan pengurusan Jabatan Imigresen. Perkara yang ingin saya bangkitkan ialah berhubung isu depoh tahanan yang terlalu sesak dan memerlukan tambahan depoh baru bagi menampung pertambahan PATI yang ditangkap untuk dihantar ke negara asal mereka.

Buat masa sekarang Malaysia mempunyai 12 buah depoh tahanan imigresen. Namun begitu, bilangan yang ada masih tidak mencukupi. Kerajaan telah menyatakan perancangan untuk membina beberapa depoh tahanan baru seperti yang dirancang untuk pembinaan di Bintulu, Limbang dan juga Sibu. Memandangkan jumlah PATI yang ada sekarang telah mencapai angka 1.3 juta mengikut rekod KDN sehingga Ogos 2012, sudah pasti gerakan menangkap PATI ini memerlukan pertambahan depoh tahanan. Kita tidak mahu rusuhan PATI yang berlaku di Depoh Tahanan Lenggeng berulang lagi kerana ia boleh menjelaskan keselamatan negara selain dari dipersoalkan oleh UNHCR di atas kemampuan kita mengurus PATI. Jika ini terjadi, imej negara kita akan terjejas.

Selain daripada itu, kerajaan juga perlu menaik taraf depoh tahanan yang sedia ada memandangkan tahap kesesakan depot-depot ini memerlukan pertambahan tempat tinggal, bekalan air, elektrik dan klinik perubatan. Justeru itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah kerajaan dapat mengatasi masalah pembinaan depoh tahanan baru di samping menaik taraf depot tahanan yang sedia ada kerana kelewatan pembangunan depoh ini kerap kali dikaitkan dengan kekurangan peruntukan.

Saya juga berharap pihak kerajaan agar segera mengambil tindakan untuk mengatasi masalah PATI ini memandangkan masalah yang ditimbulkan oleh mereka semakin hari bertambah berat hingga boleh menjelaskan keselamatan negara.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh ialah berhubung perbelanjaan perbekalan B.7 iaitu perkhidmatan awam yang melibatkan perbelanjaan pembangunan modal insan. Saya amat menyanjung tinggi usaha kerajaan untuk membantu para pelajar kita untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian yang lebih tinggi sama ada di institut pengajian tinggi dalam negeri maupun di luar negeri di mana dalam perbelanjaan ini sahaja kerajaan telah berbelanja sebanyak RM150 juta.

Namun begitu, saya juga mengharapkan supaya usaha untuk membantu kakitangan awam untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian yang lebih tinggi harus juga diberi perhatian. Untuk itu saya ingin menyentuh akan program MyBrain15

iaitu merupakan program pembiayaan pengajian di peringkat pasca ijazah yang menjadi salah satu projek kritikal di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Matlamat program ini adalah untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidik, pembangunan dan inovasi. Di bawah program ini, kerajaan menyasarkan untuk menghasilkan seramai 60,000 pemegang Ph.D dari kalangan rakyat Malaysia menjelang tahun 2023.

Program yang diperkenalkan ini amatlah menarik kerana ia memberi peluang kepada orang awam yang tiada pendapatan tetap, pekerja swasta dan pensyarah IPTS. Bagi kakitangan awam kerajaan yang berjawatan tetap, mereka boleh melanjutkan pelajaran melalui Skim Pengajian Tinggi yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Namun begitu, dukacita bagi kakitangan awam kerajaan yang bertaraf kontrak tidak dapat menikmati dua skim kemudahan pengajian ini. Buat masa sekarang, terdapat lebih kurang 60,000 kakitangan awam berstatus kontrak dan ramai daripada mereka yang mempunyai hasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi tetapi tidak berupaya kerana tiada sokongan kewangan yang baik.

#### ■1240

Justeru itu, saya mencadangkan supaya kerajaan membantu kakitangan awam kontrak ini dengan membuka peluang untuk mereka menggunakan dua skim pengajian tinggi yang ditawarkan oleh kerajaan. Akhir sekali Tuan Pengurus saya ingin menyentuh mengenai dengan perbelanjaan bekalan Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perpendaharaan yang melibatkan pembiayaan subsidi gas cecair (LPG), diesel, petrol dan bantuan tunai.

Terdahulu daripada itu saya ingin memberi penghargaan kepada kerajaan yang sentiasa prihatin dengan masalah rakyat. Lantas pelbagai bentuk subsidi telah dikeluarkan bagi membantu rakyat. Ini jelas dapat dilihat daripada subsidi yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat dengan pertambahan yang agak lebih tinggi hingga mencecah kepada RM3.4 bilion bagi menampung bayaran subsidi barang petroleum tahun 2012.

Sungguhpun demikian, baru-baru ini di negeri Sabah dilanda masalah kekurangan bekalan diesel yang baru-baru ini Menteri ke sana pada hari semalam, kalau tidak silap saya. Bekalan diesel yang teruk sehingga hampir melumpuhkan aktiviti-aktiviti ekonomi di negeri Sabah. Kerajaan Negeri Sabah telah menyuarakan kebimbangan kepada masalah ini, kerana jika berlarutan keadaan ini akan memberi kerugian yang amat besar kepada ekonomi Sabah, manakala kesejahteraan hidup rakyat Sabah juga akan terjejas.

Daripada siasatan yang dilakukan, kekurangan bekalan ini berlaku disebabkan oleh stesen minyak kehabisan stok diesel subsidi lebih awal daripada dijangka, masa yang ditetapkan. Apa yang menghairankan tiada peningkatan permintaan yang ketara daripada penggunaan tetapi minyak diesel didapati kurang. Usaha proaktif kerajaan mengatasi masalah kekurangan bekalan diesel dengan meluluskan kuota tambahan bahan api tersebut sebanyak 55 juta liter di seluruh negara dengan negeri Sabah memperoleh 9 juta liter adalah sangat dialu-alukan.

Trend kekurangan diesel dan kenaikan harga barang keperluan pada setiap kali musim perayaan merupakan satu gejala yang boleh memberi kesan yang amat buruk kepada keyakinan rakyat dan ekonomi negara. Justeru kerajaan perlu membuat kajian. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, bulan puasa ini tangan dan tekak pun kering. Untuk mencari punca akar ubbi kepada masalah ini dan bertindak dengan bijak dan tegas bagi mengelak berulangnya masalah ini khasnya pada setiap musim perayaan. Oleh itu saya ingin mohon penjelasan daripada pihak kementerian kepada perkara-perkara berikut.

Pertama adakah stok bekalan diesel, petrol dan lain-lain bahan api mencukupi untuk menampung keperluan negara bagi jangka masa yang panjang iaitu sepuluh hingga 30 tahun akan datang.

Kedua, adakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta agensi penguatkuasaan lain menghadapi masalah melaksanakan penguatkuasaan dalam membendung sindiket dan orang tertentu daripada menyeludup diesel ke luar negara dan menjual diesel subsidi kepada pihak industri pada harga yang tinggi. Saya mencadangkan kepada pihak kementerian agar mempertingkatkan kemampuan unit perisikan, pencegahan penyeludupan dan penjualan haram di semua negeri selain membina hubungan rapat dengan agensi perisikan jabatan penguatkuasaan yang lain, lantas memperkuuhkan lagi usaha penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perbahasan saya pada hari ini. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Jamilah Sulaiman. Silakan Yang Berhormat.

**12.44 tgh.**

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya ruang dan peluang untuk membahaskan satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan

Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun itu.

Terlebih dahulu saya ingin menyentuh perbelanjaan Maksud Bekalan B.4 – Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang mana saya melihat ada melibatkan perbelanjaan operasi urusan pilihan raya. Saya ingin membangkitkan pertikaian berhubung dengan isu penggunaan dakwat kekal semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 yang baru lalu, di mana telah dipertikai dengan hebat oleh pihak pembangkang kerana dikatakan dakwat kekal tetapi tidak kekal. Berbagai-bagai dakwaan lagi seperti kononnya ada penyelewengan di pihak SPR dalam memperoleh dakwat kekal tersebut untuk PRU-13. Apa yang amat lucu ialah kerana mereka iaitu pihak pembangkanglah yang mencadangkan penggunaan dakwat kekal ini. Akan tetapi mereka pula yang protes, kononnya ianya diselewengkan. Hanya hendak cari alasan sebab sudah kalah pilihan raya.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim telah menyatakan bahawa kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan untuk menghapuskan penggunaan dakwat kekal dan menukar kepada sistem biometrik pada pilihan raya umum yang akan datang. Saya amat bersetuju dengan cadangan tersebut dan saya menggesa kepada kerajaan supaya sistem biometrik ini diperkenalkan secepat mungkin pada pilihan raya akan datang bagi mengelakkan tuduhan dan tohmahan pembangkang yang sering kali menuduh kerajaan menyeleweng sehingga acap kali diadakan demonstrasi BERSIH dan *Blackout 505* bagi memburukkan kerajaan dan proses pilihan raya di negara ini.

Penghapusan penggunaan dakwat kekal adalah perlu memandangkan banyak negara tidak lagi menggunakan cara ini kerana dianggap telah ketinggalan zaman. Jadi bagi menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh penggunaan dakwat kekal, seperti dakwat mudah hilang apabila dicuci dan perasaan waswas di kalangan pengundi yang beragama Islam kerana khawatir air sembahyang tidak sah, maka penggunaan sistem biometrik adalah yang terbaik. Ini kerana ia menggunakan sistem berteknologi tinggi kerana dapat merekodkan kad pengenalan semua rakyat Malaysia yang layak mengundi. Selari dengan sistem yang digunakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara yang mempunyai sistem pendaftaran yang komprehensif bagi semua rakyat Malaysia.

Ini bermakna sistem biometrik dapat mengenal pasti secara berkesan sama ada seseorang itu pengundi asli ataupun pengundi hantu. Justeru itu saya berharap agar pihak kerajaan dapat melaksanakan penggunaan sistem biometrik pada PRU yang akan datang dan dapat menyediakan peruntukan kewangan yang sewajarnya bagi keperluan ini, bagi meningkatkan imej negara di mata dunia agar tidak dituduh sebagai penipu.

Berhubung dengan sistem biometrik ini juga, saya ingin menyentuh perbelanjaan Maksud Bekalan B.62 – Kementerian Dalam Negeri yang melibatkan perbelanjaan operasi berhubung dengan pengurusan dan penyiasatan pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan penggunaan sistem biometrik di beberapa jabatan kerajaan.

Penggunaan sistem biometrik yang semakin bertambah telah memperlihatkan transformasi jabatan kerajaan ke arah membolehkan Malaysia mencapai Wawasan 2020. Sistem ini amat berkesan dalam membantu proses penguatkuasaan dan pemantauan khususnya bagi menangani masalah jenayah rentas sempadan serta pemerdagangan dan penyeludupan manusia.

#### ■1250

Lantas, kebaikan yang ada kepada sistem ini, Jabatan Imigresen Malaysia telah mengumumkan untuk memperkenalkan sistem penguatkuasaan berdasarkan data biometrik melalui sistem penguatkuasaan mudah alih bagi menangani isu-isu warga asing. Saya dapati PDRM masih belum lagi menggunakan sistem ini dalam operasi mereka khususnya bagi mengenal pasti penjenayah dan pendatang asing tanpa izin yang berkeliaran. Mereka ini sering didapati menggunakan kad pengenalan palsu yang mengelirukan. Justeru, saya berharap pihak PDRM juga diberikan peruntukan yang mencukupi agar dapat segera menggunakan sistem biometrik ini.

Dengan penubuhan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) untuk mengawal aktiviti pencerobohan terutama kemasukan pendatang asing menerusi 60 laluan haram di sepanjang 1,400 kilometer pesisiran pantai Sabah. Penggunaan sistem biometrik dilihat sebagai salah satu langkah kawalan yang berkesan. Justeru itu, saya juga memohon kepada kerajaan supaya sistem ini dapat diperkenalkan di Sabah yang mana pada pengamatan saya sangat berkesan untuk mengenali dan bertindak terhadap PATI dan pengganas.

Mutakhir, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bercadang melaksanakan penggunaan teknologi biometrik dan holograf di semua sekolah di seluruh negara bagi membendung kegiatan jenayah dan pelanggaran disiplin di kalangan pelajar. Lantas, ini juga adalah satu usaha yang baik yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengatasi masalah disiplin di kalangan pelajar.

Justeru, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri, berapa ramaikah PATI dan pelancong asing yang terlibat dengan jenayah dan pelacuran telah dapat ditahan menggunakan sistem ini? Adakah penggunaan sistem biometrik akan

diperluaskan ke kawasan ESSCOM bagi mencegah pencerobohan. Saya mencadangkan kepada kerajaan memberikan peruntukan kewangan di dalam bajet yang akan datang untuk memperluaskan penggunaan sistem ini di jabatan-jabatan ini kerajaan yang memerlukan penggunaan sistem ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan keperluan pembinaan sebuah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) yang baru bagi Daerah Sipitang. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, IPD yang ada sekarang telah dibina pada tahun 1970 dan tidak pernah dinaiktarafkan semenjak 19 tahun yang lalu. Keadaannya sekarang tidak lagi kondusif bagi anggota polis menjalankan tugas mereka dan bangunannya telah semakin uzur dan bilik-bilik pejabat juga tidak mencukupi.

Pegawai dan anggota terpaksa berkongsi bilik pejabat yang sempit dan juga tiada bilik penyiasatan khas untuk memudahkan pelaksanaan tugas mereka. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2011 telah mengumumkan kelulusan pembinaan IPD Sipitang yang baru sewaktu merasmikan Pesta Gasing dan Tamu Besar Gata di Sipitang. Kelulusan dan pengumuman itu membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional amat prihatin terhadap keperluan anggota keselamatan dan juga rakyat.

Sejajar dengan perkembangan pesat pembangunan di Daerah Sipitang dengan terbinanya projek-projek mega seperti Sabah Ammonia Urea (SAMUR) dan *Sabah Oil and Gas Plant* (SOGP), maka keperluan sebuah IPD yang baru dan moden adalah amat penting bagi memelihara keselamatan dan kesejahteraan penduduk di Daerah Sipitang. Lebih-lebih lagi kedudukan Sipitang adalah berdekatan dengan sempadan di antara Sarawak, Brunei dan juga Kalimantan. Oleh kerana tapak untuk projek ini telah disediakan, saya memohon agar kerajaan dapat merencanakan peruntukan dalam Bajet 2014 bagi pembinaan IPD Sipitang yang baru.

Akhir sekali saya ingin menyentuh Perbelanjaan Bekalan Maksud B.42 – Kementerian Kesihatan yang melibatkan perbelanjaan keperluan tambahan ubat dan perkhidmatan hospital. Saya hendak membangkitkan isu berhubung dengan kualiti bekalan ubat di hospital-hospital negeri Sabah khususnya di Hospital Queen Elizabeth yang didapati rendah kualitinya jika dibandingkan dengan ubat-ubat yang dibekalkan di hospital-hospital di Semenanjung seperti di Hospital Putrajaya dan Hospital Selayang yang didapati jauh lebih bermutu. Saya mengatakan sedemikian kerana ubat yang dibekalkan di hospital di Sabah adalah daripada jenis generik yang kurang memberikan kesan yang baik jika dibandingkan dengan ubat jenis sama yang dibekalkan di hospital di Semenanjung.

Baru-baru ini Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyatakan bahawa kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM1.9 bilion untuk bekalan ubat-ubatan pada tahun 2012 dan menjangkakan pertambahan sebanyak 10% pada tahun ini. Justeru, isu berhubung kekurangan bekalan ubat tidak mungkin berlaku. Oleh yang demikian, saya memohon penjelasan daripada kementerian, adakah benar bahawa aduan yang menyatakan ubat-ubat yang dibekalkan di hospital dan klinik kerajaan di Sabah adalah dari jenis generik? Jika tidak benar, adakah jaminan yang boleh diberikan oleh kementerian bagi memastikan bahawa ubat-ubatan yang dibekalkan di hospital dan klinik kerajaan di Sabah adalah asli dan bermutu?

Saya juga ingin membangkitkan masalah berhubung dengan mutu perkhidmatan yang tidak memuaskan oleh kakitangan hospital kepada para pesakit khususnya di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Saya ingin merujuk Yang Berhormat Menteri kepada satu kes pada minggu lepas di mana seorang pelancong dari Taiwan telah mendapat kemalangan apabila beriadah semasa menunggang bot pisang di pantai Kota Kinabalu. Pelancong ini telah dihantar ke Hospital Queen Elizabeth untuk menerima rawatan tetapi malangnya setelah menunggu hampir dua jam, beliau masih lagi tidak dirawat. Oleh yang demikian, beliau terpaksa dibawa ke klinik swasta untuk menerima rawatan. Ini bukan kes pertama yang berlaku di hospital tersebut tetapi banyak lagi aduan sedemikian.

Saya bimbang bahawa keadaan sedemikian boleh memberikan tanggapan negatif kepada rakyat dan para pelancong yang ingin menerima rawatan di hospital ini. Lantas memberi imej buruk kepada kerajaan dan negara. Justeru, saya memohon penjelasan daripada pihak kementerian, apakah punca perkhidmatan rawatan di Hospital Queen Elizabeth rendah? Selain daripada itu, apakah langkah dan tindakan kementerian untuk mempertingkatkan kembali mutu perkhidmatan rawatan?

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Cuma tinggal satu minit lagi. Akan tetapi sebelum itu saya sekali lagi menyarankan untuk mengingatkan kepada Yang Berhormat, kalau ada yang hendak berucap pada hari ini, tolong hantar nama. Ini disebabkan kalau tidak ada orang hantar nama, Yang Berhormat hendak bercakap esok, mungkin kita terpaksalah meminta Kementerian Kewangan untuk menjawab hari ini pula kalau Yang Berhormat tidak menghantar nama hendak berucap pada hari ini. Jadi, saya mohon kerjasama Yang Berhormat jika boleh, supaya kita senang mengatur masa pada hari ini. Masih tinggal satu minit lagi, mungkin Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim. Yang Berhormat, silakan.

**12.59 tgh.**

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk turut berbahas dalam Rang Undang-Undang Akta Perbekalan Tambahan pada kali ini. Jam sudah cukup... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jam sudah tepat. Waktu tepat pukul 1 petang. Yang Berhormat kena sambunglah pada sebelah petang nanti.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya perlu menangguhkan Dewan ini buat sementara sehingga jam 2.30 petang nanti.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**2.31 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat semua, mengikut rekod di sini yang terakhir sekali berucap tadi ialah Yang Berhormat Senator Puan Norliza dan sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Norliza teruskan membahaskan belanjawan ini.

Di samping itu saya mohon kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, tolong kemukakan nama-nama Yang Berhormat sekiranya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2013 ini untuk menyenangkan saya dan timbalan saya menentukan masa. Kita hanya ada hari ini dan esok untuk beri peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian, sekiranya ada kesediaan untuk membuat perbahasan. Sekarang persilakan Yang Berhormat.

**2.33 ptg.**

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung kembali perbahasan.

Pertamanya, saya ingin menyentuh Kementerian Kerja Raya dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Apa yang ingin saya sentuh ialah isu keruntuhan susur keluar Jambatan Pulau Pinang di Batu Maung yang berlaku baru-baru ini. Sebagai mana yang Ahli-ahli Dewan sedia maklum apabila berlakunya keruntuhan yang menggemparkan kita dan menyebabkan kehilangan nyawa. Jadi, saya rasa adalah tidak

baik dan amat-amat menyediakan kerana disebabkan kelalaian dan kecuaian pihak-pihak tertentu, menyebabkan mangsa yang tidak berdosa meninggal pada hari tersebut.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kerja Raya, siapakah kontraktor yang dilantik atau syarikat konsesi yang dilantik, yang melaksanakan kerja-kerja di Jambatan Pulau Pinang? Syarikat kontraktor manakah yang digunakan untuk menyediakan susur keluar ke Batu Maung yang runtuhan baru-baru ini? Saya juga ingin bertanya kepada kementerian apakah punca keruntuhan dan apakah jaminan bahawa ianya selamat untuk digunakan apabila dibuka kembali sebab kami warga-warga di Pulau Pinang ini amat risau dan takut apabila hendak naik jambatan kedua, sama ada selamat atau tidak.

Seterusnya, saya juga difahamkan bahawa selalunya sekiranya ada kemalangan di tapak-tapak projek ataupun tapak binaan, Kementerian Sumber Manusia akan diarah untuk membuat penyiasatan mengenai masalah-masalah yang berlaku. Akan tetapi saya difahamkan dalam kes Jambatan Pulau pinang ini, masalah yang dihadapi adalah kelalaian dan kesilapan di pihak kontraktor. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kementerian telah mengambil tindakan terhadap kontraktor tersebut? Adakah konsultan-konsultan yang terlibat juga diambil tindakan, sama ada ditarik lesen atau diberi amaran sebab saya rasa ini melibatkan kecederaan ataupun kehilangan nyawa. Oleh yang demikian tindakan yang drastik harus kita laksanakan supaya kejadian seumpama tidak akan berlaku di masa yang akan datang.

Keduanya, saya ingin menyentuh mengenai isu kriteria penganugerahan projek subkontraktor oleh JKR. Saya difahamkan JKR memberi dua kaedah iaitu yang pertama adalah konvensional, yang mana reka bentuk oleh agensi dan pembinaan oleh kontraktor. Kedua, adalah reka bentuk dan pembinaan dibuat oleh kontraktor. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kerja Raya, apakah kriteria yang digunakan oleh kementerian bagi menentukan perbezaan kaedah tender? Apakah garis panduan mengenai penawaran tender yang dibuat? Sebagai mana yang pernah saya tanya baru-baru ini dalam beberapa soalan dan juga soalan tambahan, mengenai kita mempunyai banyak isu dari segi projek-projek terbengkalai.

Jadi, saya mendapat sedikit maklumat di sini, yang mana dari tahun 2009 sehingga 2013 terdapat 1,861 projek konvensional dengan nilai RM17.49 bilion dan sebanyak 149 projek reka dan bina dengan jumlah nilai sebanyak RM8.8 bilion yang dianugerahkan. Namun bagi projek reka dan bina hanya 84 sahaja yang telah disiapkan manakala 65 projek tidak disiapkan dan masih dalam peringkat pembinaan. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya berapakah projek konvensional yang belum disiapkan? Bagaimanakah JKR memantau jurutera perunding atau kontraktor yang dilantik? Apakah

program pemantauan dan adakah dilakukan secara berkala? Berapakah *ratio* jurutera JKR dengan jumlah projek yang ditawarkan sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian Kewangan mengenai isu SPANCO. Saya difahamkan baru-baru ini di kalangan Ahli Dewan Negara, saya ingat Yang Berhormat Dato' Maznah binti Mazlan mengutarakan mengenai isu SPANCO ini dan saya rasa jawapan yang diberikan oleh kementerian juga kurang memuaskan. Sebagaimana yang kita tahu SPANCO ini ialah syarikat yang membeli, menyenggara kereta-kereta kerajaan.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, bilakah SPANCO ini diberi tender untuk menyelenggarakan kereta-kereta kerajaan dan juga untuk membeli kereta-kereta kerajaan? Pada tahun bilakah tender itu diberi? Saya juga ingin bertanya, adakah kementerian mengkaji semula syarat-syarat tender yang diberikan itu? Adakah kementerian melihat aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat SPANCO ini? Ini kerana saya rasa...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah sedikit?

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Boleh.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Mengenai SPANCO ini, sebenarnya ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Maznah binti Mazlan, saya sendiri pernah didatangi oleh pemilik bengkel bumiputera yang merasa didiskriminasikan oleh SPANCO ini di dalam pemberian kerja-kerja dan ini hanya satu. Kemudian, menurut pemilik bengkel berkenaan, bila dia datang ke pejabat SPANCO itu, dengan angkuh pihak di SPANCO mengatakan, "*Awak mengadu kepada siapa sahajalah, kita boleh beli semua*". Ini dinyatakan dengan penuh keangkuhan. Antara sebab-sebabnya barangkali ialah kerana kedudukan monopoli yang dinikmati oleh SPANCO ini sekarang.

Oleh kerana itu saya ingin menambah keprihatinan Yang Berhormat Puan Norliza supaya satu jawatankuasa khas dibentuk untuk bukan sahaja mengkaji kedudukan kontrak yang diberikan kepada SPANCO sekarang.

#### ■ 1440

Akan tetapi juga penyelewengan-penyelewengan dan diskriminasi yang dilakukan oleh SPANCO sepanjang kontrak diberikan kepada syarikat ini termasuk umpamanya berapa bengkel-bengkel yang mendaftar dengan SPANCO, berapa bengkel bumiputera? Berapa nilai kerja yang diberikan kepada bengkel-bengkel tertentu? Berapa perbandingan nilai kerja yang diberikan kepada bengkel bumiputera dan bengkel bukan bumiputera? Ini

adalah perkara-perkara yang saya rasa memerlukan pemerhatian yang sungguh-sungguh. Terima kasih.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Firdaus yang telah membantu saya, dan telah mengambil semua poin saya [Ketawa] Walau bagaimanapun, itu menunjukkan betapa kita tidak puas hati dengan apa yang berlaku. Jadi, saya rasa ada salah satu yang disebut oleh Dato' Dr. Firdaus tadi mengenai pemonopolian. Saya rasa sebarang projek ataupun tender yang dibuat oleh kerajaan, kita harus melihat ketelusannya.

Jadi, saya rasa bila tidak ada ketelusannya, itu yang selalu kita disalahertikan. Ada kalanya niat kita baik tetapi perjalanannya, pelaksanaannya tidak baik menyebabkan rakyat melihat seolah-olah ada penyelewengan. Jadi, saya rasa kementerian harus mengambil berat mengenai isu ini supaya setiap tender di masa akan datang kita harus melihat agar benda ini tidak dimonopoli oleh sesetengah syarikat sahaja dan dipastikan bahawa perjalanannya berjalan dengan lancar.

Saya juga mendapat rungutan apabila dihantar kereta untuk di selenggara, dia hanya menghantar bil kepada jabatan berkenaan dengan sejumlah yang besar dinyatakan tetapi tidak dinyatakan secara terperinci. Oleh yang demikian, saya rasa dengan kaedah seperti ini, sekiranya dihantar seperti ini, kita tidak tahu apa yang dia tukar...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh tambah sedikit lagi?

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Boleh, boleh.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa inilah yang saya cadangkan tadi supaya diselidiki. Kerja-kerja, penyelewangan-penyelewangan dan sikap semberono seperti itu memberikan bil tanpa memberikan butiran daripada bil-bil itu. Kalau ini berlaku sekali, saya percaya juga ia akan berlaku banyak kali. Ini juga yang diadukan oleh pemilik bengkel yang saya katakan tadi. Terima kasih.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, sebagaimana yang saya sebut tadi, jadi kita rasa kita tidak mahu lagi perkara ini berlaku. Jadi, saya mohon kementerian untuk memberi penerangan dan sebagaimana yang dicadangkan supaya diwujudkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji semula aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh SPANCO dan berapakah kos-kos yang telah terlibat dan bagaimanakah SPANCO ini boleh di baik pulih? Sama ada kita perlu memikirkan sekiranya perlu diadakan bukan hanya satu syarikat, mungkin dua, tiga syarikat untuk menyelenggarakan dan membeli kereta-kereta kerajaan. Ini supaya ianya akan lebih telus

dan kurang disalahertikan oleh pihak-pihak di luar sana. Saya rasa itu sahaja dari segi isu Kementerian Kewangan.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Kedai 1Malaysia. Sebagaimana yang kita tahu, niat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kerajaan Barisan Nasional adalah amat baik untuk membantu mengurangkan tahap kemiskinan rakyat Malaysia khususnya di kawasan bandar. Akan tetapi, ada kalanya niat yang baik itu tetapi sekiranya pelaksanaannya tidak baik, jadi kesannya juga tidak baik.

Jadi, saya ingin menyentuh mengenai peristiwa ataupun insiden yang berlaku di Johor yang mana saya berjumpa dengan seorang kawan saya di Johor baru-baru ini. Dia menceritakan mengenai Kedai 1Malaysia yang mana terdapat rakyat ataupun warga yang bekerja, orang-orang Singapura yang datang ke Johor, datang dengan van kosong, beli di Kedai 1Malaysia, penuh satu van bawa balik ke Singapura. Jadi, soalan saya kepada kerajaan, kita memberi subsidi untuk rakyat kita, untuk golongan yang berpendapatan rendah, tetapi ianya disalahgunakan oleh golongan-golongan tertentu.

Jadi, sebagaimana yang saya katakan tadi, pelaksanaan itu adalah sangat-sangat penting kerana dengan masyarakat Malaysia sekarang yang semua ramai yang cerdik pandai, jadi kita dapat menilai. Ada kalanya kita sedih dan kita rasa kesian kepada Perdana Menteri yang begitu prihatin kepada rakyat tetapi disebabkan kaedah pelaksanaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai mungkin kurang berkesan, jadi menyebabkan ianya menjadi tampanan yang buruk terhadap kita.

Jadi, saya mohon kepada kementerian, adakah satu kaedah yang dapat kita gunakan supaya kemudahan ini dapat disalurkan kepada golongan yang memerlukan? Mungkin dengan mengadakan satu kad yang mana hanya rakyat Malaysia di bawah kategori apa yang layak membeli di Kedai 1Malaysia. Jadi, subsidi itu akan menjurus kepada golongan yang benar-benar memerlukan. Jadi, saya harap kementerian dapat mengkaji semula kaedah pelaksanaan. Kalau boleh cadangan saya itu dapat dipertimbangkan supaya diadakan satu kad ataupun *Mykad* atau bagaimanakah supaya kelebihan itu dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Begitu juga saya ingin menyentuh mengenai BR1M yang diberi baru-baru ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional yang prihatin terhadap rakyat, yang memberi sumbangan BR1M dan saya rasa ianya membantu ramai golongan dan di kalangan ibu-ibu tunggal yang begitu berterima kasih atas pemberian BR1M ini. Akan tetapi, sebagaimana yang saya beritahu terlebih dahulu, setiap yang kita buat itu ada kalanya ada sedikit dengan izin, *loopholes* yang perlu kita betulkan. Oleh sebab dalam pemberian BR1M yang dibuat baru-baru ini,

yang diberi di setiap kawasan, ada kalanya yang datang ambil BR1M itu membawa kereta *Mercedes*, membawa kereta *Volvo*. Jadi, saya rasa macam mana dia dapat BR1M kalau dia layak membawa kereta itu?

Kalau macam itu, senator yang pencerun pun layak terima BR1M saya rasa sebab kita punya gaji pun bukan banyak sangat. Jadi, lepas ini mungkin kita ada BR1Mlah di kalangan Ahli-ahli Dewan Negara yang berpencen [*Ketawa*] Jadi, saya rasa di pihak kementerian, sefaham saya kementerian menggunakan Pejabat Jabatan Hasil untuk mengenal pasti penerima-penerima BR1M. Jadi, ada kalanya saya bagi contohlah di Pulau Pinang. Sekiranya seorang peniaga itu dia menjual *char kuey tiaw* atau menjual laksa Pulau Pinang, ada kalanya kita jangan, dengan izin, *underestimate* pendapatannya. Ini kerana saya biasa berkawan dengan penjaja ini, saya tanya berapa dapat sebulan. Ada kalanya gaji dia lebih daripada gaji Menteri, RM30,000 sebulan.

Jadi, itulah sebabnya bila dia ambil BR1M itu, dia datang bawa kereta besar. Jadi, soalan saya kepada kementerian, adakah kerajaan bercadang mencari kaedah-kaedah atau langkah-langkah yang lebih efektif untuk memastikan BR1M ini diberi kepada pihak-pihak yang sepatutnya? Jadi, saya mohon penjelasan daripada kementerian.

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai di bawah Kementerian Dalam Negeri iaitu mengenai Perhimpunan *Blackout 505*. Sebagaimana yang kita tahu, selepas pilihan raya berlaku, terlalu banyak perhimpunan yang diadakan. Ia menimbulkan banyak masalah dan ada kalanya menyebabkan pergaduhan, kecederaan dan saya rasa ini adalah amalan yang amat tidak sihat. Sebagaimana yang kita tahu sekiranya kita tidak berpuas hati dengan apa sahaja keputusan banyak lagi kaedah-kaedah lain yang boleh kita gunakan. Bukanlah dengan hanya membuat perhimpunan dan jelajah satu Malaysia disebabkan kita tidak setuju.

Jadi, soalan saya kepada Kementerian Dalam Negeri, berapakah jumlah yang PDRM telah belanjakan bagi memantau perjalanan *Blackout 505* ini secara keseluruhannya dan juga *breakdown* mengikut perhimpunan di negeri-negeri yang dianjurkan. Saya juga ingin bertanya kepada PDRM, adakah PDRM memantau atau mempunyai maklumat atau membuat penyiasatan bahawa perhimpunan membantah dakwaan penipuan dalam Pilihan Raya Umum 5 Mei lalu turut dibiayai oleh pihak asing? Ini kerana hasil maklumat oleh mantan Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla mendakwa perhimpunan membantah dakwaan penipuan dalam Pilihan Raya Umum 5 Mei dibiayai oleh pihak asing.

Ini termasuk juga dakwaan bahawa Ketua Pembangkang turut dibantu oleh beberapa pihak khususnya seperti Turki, Washington dan Filipina termasuk Thailand dan China. Jadi, saya mohon penjelasan daripada PDRM, adakah dakwaan ini benar?

■1450

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa berhubungan dengan dakwaan ini, Jusuf Kalla sendiri sudah menghantar surat kepada surat khabar berkenaan. Ketua umum Parti Keadilan itu sendiri sudah membuat fail saman tentang kes ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang fail saman itu tadi?

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang fail saman?

**Dr. Syed Husin Ali:** Datuk Seri Anwar Ibrahim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Fail saman?

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya, saman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada masuk dalam mahkamah?

**Dr. Syed Husin Ali:** Sudah, masuk sudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, kalau sekiranya ia masih dalam mahkamah Yang Berhormat, agaknya cuba setakat itu sahaja. Jangan disambung lagi berkenaan dengan tajuk itu. Nanti *sub judice* dari segi Peraturan Mesyuarat.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Baik Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mohon yang mana yang boleh dijawab itu dapat dijawab oleh pihak kementerian.

Seterusnya, saya ingin menyentuh Kementerian Perumahan dalam peruntukan perbelanjaan dari segi perumahan PR1MA. Sebagaimana yang kita tahu perumahan PR1MA ini adalah inisiatif kerajaan untuk membantu rakyat kita untuk membeli rumah pertama. Jadi, saya rasa ini adalah satu tindakan kerajaan yang amat baik. Cuma saya difahamkan buat masa ini, perumahan PR1MA ini, saya dapat cerita bahawa syarikat yang membina itu dia akan memberi kepada satu agen harta tanah untuk membuat penawaran.

Jadi, ada pihak-pihak yang datang membuat aduan bahawa apabila dia telefon agen harta tanah itu untuk membeli rumah, dikatakan rumah telah habis dijual. Akan tetapi hakikatnya masih banyak lagi unit-unit yang tidak dijual. Jadi, sekiranya ini berlaku ianya akan menyebabkan spekulasi dan kenaikan harga rumah yang mendadak. Motif dan insentif yang kita hendak berikan kepada masyarakat itu tidak tercapai disebabkan kelalaian di pihak pertengahan.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah benar lambakan dan monopoli agen harta tanah menjadikan harga kediaman meningkat secara mendadak? Apakah benar ada pemaju perumahan telah memberi secara pukal kepada agen harta tanah tertentu bagi menjual lot-lot kediaman kepada pembeli-pembeli yang lain. Saya juga mendapat maklum ada tempat-tempat kediaman baru yang sepatutnya dibeli oleh bumiputera tapi tidak berlaku. Maka, adakah ia akan menyebabkan spekulasi harga yang meningkat secara mendadak? Apakah kerajaan ada cara untuk menangani hal yang sedemikian sebab mengikut bancian pendapatan isi rumah oleh Jabatan Perangkaan, 76% rakyat Malaysia berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan.

Sekiranya kita mengambil kira 30% daripada pendapatan bersih untuk membuat pinjaman perumahan dengan kadar pinjaman pada kadar 6.6%, harga maksimum rumah yang mampu dimiliki golongan ini tidak lebih daripada RM300 ribu. Justeru itu rumah yang mampu dimiliki majoriti rakyat terutamanya golongan pertengahan ke bawah adalah RM300 ribu ke bawah. Jadi, saya mohon kementerian memberi penjelasan sama ada kajian dibuat terhadap peminjam dan juga harga yang seharusnya ditawarkan.

Seterusnya, saya juga dimaklumkan bahawa di Putrajaya telah diwujudkan satu skim perumahan untuk Penjawat Awam 1Malaysia. Saya rasa ini adalah satu usaha kerajaan yang terbaru yang dapat membantu penjawat awam untuk memiliki rumah sendiri dan mampu untuk dimiliki rumah yang lebih bermutu. Persoalannya sekarang, sebagaimana yang kita tahu ini hanya dilaksanakan di Putrajaya sahaja.

Jadi, saya rasa saya ingin memohon kepada kementerian sama ada adakah perancangan untuk membuat perumahan untuk Penjawat Awam 1Malaysia ini juga akan dibuat ke negeri-negeri lain, khususnya di Pulau Pinang. Sebagaimana yang kita sedia maklum harga tanah di Pulau Pinang adalah sangat-sangat tinggi. Pegawai-pegawai kerajaan dan kakitangan kerajaan tidak mampu untuk membeli rumah, khususnya di kawasan pulau.

Jadi, saya rasa program yang begitu baik ini haruslah disalurkan juga ke peringkat negeri-negeri lain dan khususnya saya mohon sekiranya kementerian dapat mempertimbangkan untuk dilaksanakan di Pulau Pinang. Oleh sebab saya rasa di Pulau Pinang ini kita kalau hendak harap kerajaan negeri, saya rasa susahlah. Sudah berapa lama tidak ada juga rumah yang mampu milik yang dapat dibina. Jadi, saya mohon kepada kementerian sekiranya dapat dipertimbangkan supaya penjawat-penjawat awam dapat hidup dengan selesa dan diberikan kelebihan kepada mereka-mereka yang bertugas di Pulau Pinang. Saya rasa itu sahaja topik-topik yang ingin saya sentuh Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Kita ada hanya tiga orang yang menyatakan keinginan untuk berbahas pada hari ini. Yang lain itu menyatakan untuk esok kerana kita terpaksa bersidang sampai jam 5.30 petang ini.

Kalau ada di antara lagi yang sudah bersedia untuk berbahas, sila kemukakan nama untuk senang kami rekodkan, beri peluang kepada semua Yang Berhormat hendak berucap. Sekarang tanpa buang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan penghormatan untuk saya untuk turut berbahas dalam Akta Biaya Tambahan ini. Apa nama tempatnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Akta Bekalan Tambahan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Akta Bekalan Tambahan ini. Ada beberapa kementerian yang ingin saya rujuk dalam ucapan saya. Kementerian yang pertama ialah Jabatan Perdana Menteri. Saya merujuk kepada halaman 10 dalam dokumen ini di mana jabatan-jabatan yang akan diberikan peruntukan tambahan ini ialah untuk keperluan Pentadbiran Am, Biro Tatanegara, Unit Penyelaras Pelaksanaan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan kemudian program khusus sumbangan kepada bandar-bandar lain, dasar baru, *one-off*.

Saya hanya ingin menumpukan perhatian saya kepada tiga perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri ini. Pertama sekali mengenai Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang saya rasa bertanggungjawab untuk memastikan masjid di Brickfields didirikan. Perkara ini telah saya timbulkan beberapa kali dan ternyata ada berlaku sedikit ketidakselaras dalam pelaksanaan ini sebagaimana saya timbulkan tetapi kemudian dinafikan oleh Yang Berhormat Menteri kata tidak ada masalah komunikasi dan tidak ada masalah birokrasi. Akan tetapi saya timbulkan dalam perbahasan dalam beberapa yang lalu bahawa surat kenyataan yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa satu surat telah dihantar kepada DBKL tetapi DBKL menafikan, tidak menerima surat itu. Ini saya rasa adalah salah satu contoh ketidakselaras.

Oleh kerana itu, kerana peruntukan yang diminta ini ialah untuk Unit Penyelaras Pelaksanaan, maka saya harap supaya Unit Penyelaras Pelaksanaan ini mengambil perhatian terhadap bagaimana projek masjid itu yang telah ditimbulkan dalam Dewan ini semenjak dua tahun yang lalu sehingga sekarang ada berlaku sedikit kemajuan kalau kita pergi ke Brickfields, kita nampak satu kawasan sudah berpagar dengan zink hijau. Saya harap itu akan menjadi tapak masjid berkenaan.

Serentak dengan itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang bertanggungjawab di Jabatan Perdana Menteri dalam pembinaan masjid ini yang saya tahu beliau sangat prihatin dan sentiasa menjadikan ini sebagai salah satu ‘*pet project*’ dia. Untuk itu kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya diwujudkan satu jawatankuasa khas untuk mengkoordinasi, atau menyelaraskan pembinaan masjid tersebut antara JAKIM, DBKL dan Jabatan Tali Air supaya dengan demikian tidak berlaku surat-menyurat dan *correspondence* yang tersesat jalan ke sana sini.

Ertinya, kalau ada jawatankuasa khas yang memantau pelaksanaan pembinaan ini, maka masalah-masalah komunikasi yang saya dakwa berlaku tetapi dinafikan, tidak akan berlaku lagi. Itulah harapan saya mengenai Unit Penyelarasaran Pelaksanaan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-Undang Akta Perbekalan Tambahan ini.

#### ■1500

Selain itu Tuan Pengurus, saya juga ingin merujuk kepada satu sub topik *heading* lain di bawah Jabatan Perdana Menteri ini iaitu Biro Tatanegara. Saya rasa Biro Tatanegara ini telah memainkan peranan di dalam membangkitkan rasa kenegaraan di kalangan banyak pihak. Akan tetapi perkara ini telah dipolitikkan dan dua tahun yang lalu Biro Tatanegara ini telah menjadi mangsa sasaran tohmahan pihak-pihak tertentu sehingga untuk suatu waktu seakan-akan Biro Tatanegara ini sengaja diminta supaya dengan izin, melakukan sejenis *low profile* dahulu. Untuk itu saya rasa tidak perlulah kita terlalu dengan izin, *apologetic* mengenai tuduhan-tuduhan dan tohmahan-tohmahan itu.

Saya cadangkan supaya Biro Tatanegara ini melanjutkan usaha-usaha terpujinya selama ini dan kegiatannya diperkasakan lagi di dalam memberi latihan, di dalam membangkitkan kesedaran negara, di dalam meningkatkan patriotisme tetapi tidak terbatas kepada kegiatan-kegiatan latihan sahaja dan memberi kursus sahaja. Akan tetapi saya cadangkan Biro Tatanegara mengembangkan kegiatannya untuk melakukan penyelidikan-penyelidikan mengenai pembinaan negara bangsa. Selama ini yang sebenarnya Biro Tatanegara melakukan kegiatan-kegiatan membangkitkan kesedaran. Saya rasa dari semasa ke semasa, kita patut memantau sejauh mana usaha kita ke arah pembinaan negara bangsa itu telah berjaya. Ini patut dilakukan oleh semua pihak tetapi lebih terfokus lagi kalau ini dapat dilakukan oleh Biro Tatanegara ini.

Sekadar untuk berkongsi maklumat Tuan Pengurus, di Indonesia sekarang sudah ada kembali usaha-usaha untuk dengan izin, *revisit* Pancasila, menghidupkan kembali dan memperkasakan kembali pemahaman Pancasila. Di suatu masa dahulu di zaman

Suharto agaknya tidak popular ada satu program yang dilakukan iaitu 4P kalau tidak salah saya, pemasyarakatan Pancasila lebih kurang begitu. Rasanya kalau bukan sekadar untuk meniru tetapi untuk perbandingan. Kita cuba melihat apa yang dilakukan di Indonesia di dalam memasyarakatkan program 4P itu di zaman Suharto dahulu. Ia bukan untuk meniru tetapi untuk perbandingan yang barangkali ada manfaat-manfaat yang dapat kita lakukan yang dapat kita terima daripada perbandingan itu.

Selain dari itu, saya juga ingin tahu peranan yang dimainkan oleh INTAN sekarang, Institut Tadbiran Negara. Saya sebutkan ini kerana di suatu masa dahulu, INTAN begitu gah namanya. Akan tetapi sejak akhir-akhir ini kerana tidak tahulah kerana kurang PR, kerana kurang promosi atau bekerja dalam diam-diam, INTAN tidak begitu terserlah lagi. Jadi saya harap supaya kecemerlangan yang pernah dicapai yang berkilauan dari INTAN itu di suatu masa dahulu dapat dihidupkan kembali.

Sehubungan dengan itu juga, saya ingin tahu sejauh mana program-program latihan kepada pegawai-pegawai kerajaan dilakukan pada masa ini? Saya sebut ini kerana dalam tahun 70-an dahulu, pegawai-pegawai tinggi kerajaan dihantar ke *University of Southern California* untuk latihan-latihan dan ramai di antara tokoh-tokoh terkenal sepanjang tahun, tokoh-tokoh terkenal di bidang pentadbiran sepanjang tahun 70-an yang berkelulusan dari universiti yang saya sebutkan itu. Saya ingin tahu sejauh mana latihan-latihan sedemikian dilakukan sekarang dan adakah usaha-usaha untuk memastikan bahawa latihan itu diteruskan untuk memastikan supaya penjawat-penjawat awam kita pada pelbagai peringkat benar-benar efisien, cekap dan berkesan?

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Dalam Negeri. Saya dahului dengan ucapan tahniah kepada pihak pengurusan Imigresen yang semenjak setahun dua yang lalu ini, memperlihatkan kemajuan dari segi perkhidmatan yang cekap, cepat dan sentiasa sedia berkhidmat. Saya agak berat hati untuk menyebut ini tetapi barangkali terpaksa juga sebut.

Saya mengalami satu pengalaman pahit di satu atau dua negara jiran di mana pihak Imigresen mereka terlalu birokratik dan untuk ini saya rasa kita memang bolehlah menepuk bahu sendiri memuji diri tentang kemajuan negara yang telah kita capai. Sehingga agak keterlaluan kadang-kadang. Ini pula masalahnya. Ia keterlaluan kerana kita kadang-kadang terlalu kalau untuk keperluan rakyat dalam negeri tidak apalah. Akan tetapi satu kemusyikan saya ialah bagaimana, apa puncanya kebanjiran pendatang-pendatang asing yang datang sebagai - pertama sekali datang sebagai PATI iaitu

pendatang tanpa izin, tetapi yang lebih menimbulkan keprihatinan ialah tindakan atau yang dilakukan oleh... Nota saya tidak begitu teratur Tuan Pengerusi.

Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Dalam Negeri meningkatkan pengawasan kepada pendatang-pendatang asing yang datang dengan pelbagai helah. Pendatang asing datang sebagai pelancong. Kita harus tahu juga yang datang sebagai pelancong itu berapa duit yang akan dibawa dari sini. Kita dapat pengalaman di negeri asing, kalau kita datang sebagai pelancong, kita tanya ada tidak tiket balik untuk meninggalkan negeri ini. Untuk itu saya rasa pelancong-pelancong yang datang ke negeri ini haruslah juga ditapis. Jangan kita percaya bahawa semata-mata mereka akan membawa duit yang banyak.

Selain dari itu, bagaimana pula dengan pengawasan terhadap mereka yang mendakwa datang sebagai pelajar? Kemudian mereka yang datang sebagai pelajar...

**Puan Norliza Binti Abdul Rahim:** Mohon mcelah sedikit, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus Bin Haji Abdullah:** Ya, sila.

**Puan Norliza Binti Abdul Rahim:** Saya terpanggil untuk bertanya sedikit atau memohon pandangan Yang Berhormat mengenai pendatang-pendatang yang datang ke Malaysia sebagai pelancong tetapi ada kalanya mereka tidak balik dan bekerja di Malaysia. Mereka sepatutnya datang dan membelanjakan wang di sini, sebaliknya mereka datang dan bekerja dan membawa pulang wang ke sini. Jadi saya rasa Kementerian Dalam Negeri harus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya sebab saya rasa ini amat membahayakan. Kalau kita lihat sekarang di Malaysia macam-macam kejadian yang berlaku. Tembak-menembak sudah menjadi perkara yang biasa di Malaysia. Jadi saya rasa pengawalan di peringkat permulaan kemasukan dari luar itu tidak kita jalankan dengan sebetulnya dan dengan seefektifnya.

Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak. Saya rasa kementerian harus memberi kita jumlah pendatang asing yang berada dalam negara ini dan juga diberi pecahan mengikut kaum sebab saya rasa ini perlu kita mengetahuinya. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus Bin Haji Abdullah:** Oleh kerana kita sefikiran sebenarnya mengenai hal itu. Oleh kerana itu saya bersetuju sangatlah dengan Yang Berhormat timbulkan itu tadi. Mengenai keperluan mengawasi kegiatan pendatang-pendatang ini. Saya dengan izin ingin berkongsi pengalaman, baru tidak sampai 12 jam pengalaman itu. Saya pergi ke Puchong semalam di Bandar Kinrara. Bukan main banyak orang-orang Afrika saya nampak berkumpul sesama mereka sehingga saya naik takut hendak datang. Kemudian saya pergi ke kedai yang saya tuju itu, saya tanya, "Orang-orang Afrika itu

*tidak membahayakankah?". Kata tuan kedai yang saya pergi itu, katanya "Setakat ini mereka tidaklah mendatangkan apa-apa jenayah" Akan tetapi katanya suatu kemesyikilan yang disebutkan oleh tuan kedai itu tadi, "Orang ini di sini tidak ada kerja. Malam-malam berkumpul di satu sudut kemudian minum sesama mereka."*

#### ■1510

Mereka tak mengganggu. Akan tetapi yang menjadi kemesyikilan, di mana mereka dapat duit untuk hidup dalam keadaan seperti yang diperhatikan, sedangkan mereka tak ada kerja. Kononnya mereka adalah pelajar-pelajar tetapi sebagai pelajar, sampai larut malam kerja mereka hanya minum dan ini antara kemesyikilan. Ini adalah satu contoh yang saya sendiri secara peribadi melihat dengan mata kepala. Saya percaya banyak contoh lain yang boleh dikemukakan. Inilah antara perkara-perkara yang saya rasa perlu pengawasan yang lebih teliti daripada Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan mereka yang datang sebagai pelancong, apakah mereka betul melancong ataupun melacur. Sebagai pelajar, apakah mereka betul-betul belajar atau berfoya-foya dan sebagai pekerja lain ceritalah.

Itulah antara perkara-perkara yang walaupun saya tadi memulakan ucapan rujukan terhadap Kementerian Dalam Negeri dengan memberikan pujian tetapi inilah antara perkara-perkara yang perlu mendapat perhatian serius sebelum negara kita ini dibanjiri oleh pendatang-pendatang, sudah dibanjiri pun tetapi kata orang sebelum nasi menjadi buburlah. Walaupun nasi itu sudah hampir jadi bubur sekarang. Itulah sedikit rujukan kepada Kementerian Dalam Negeri.

Selain daripada itu, kita mengalu-alukan ketegasan yang diperlihatkan oleh Menteri baru sewaktu berlaku rusuhan selepas pilihan raya dahulu. Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi mengatakan bahawa, "*Saya tidak akan memberi amaran, saya akan bertindak.*" Saya harap apa yang disebutkan oleh Dato' Zahid Hamidi itu akan dilaksanakan. Tidak usahlah memberi amaran lagi, bertindaklah terus. Semasa muda dahulu, saya dengan Dato' Zahid rakan sebenarnya. Jadi kepada rakan lamalah yang sekarang sudah berkedudukan begitu tinggi supaya tidak perlu memberikan amaran, bertindaklah apa yang patut dilakukan dan dengan demikian saya percaya Dato' Zahid akan mendapat imej yang lebih tegas. Itulah saya harap supaya *observation* atau pengawasan terhadap pendatang-pendatang ini dilakukan.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Tambahan yang diminta di dalam perbekalan tambahan ini hanyalah untuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia secara khusus. Untuk itu, khusus mengenai ikan ini saya ingin bertanya, sejauh manakah kebergantungan kita terhadap

bekalan ikan dari luar, dari Siam, dari Bangladesh dan dari Asia Selatan. Itu yang saya ingin tahu. Sejauh mana kebergantungan kita daripada segi nilai ikan yang diimport dan juga daripada segi *tonnage*, dari segi jumlah besarnya. Daripada segi nilai ikan yang diimport dan juga daripada segi *consumer* kepada ikan-ikan itu, kebergantungan kita. Sehubungan itu saya rasa LKIM perlu juga menggalakkan penternakan ikan dalam perkarangan rumah.

Saya kenal seorang profesional yang saya percaya minta maaf, Tan Sri barangkali tahu juga, tinggal di Bangsar. Rumahnya di Bangsar terdapat satu kolam ikan keli yang mana dia memelihara 300 ekor ikan serentak dalam kawasan kecil sahaja. Ini adalah satu industri kecil yang dilakukan oleh orang-orang yang kreatif. Untuk itu barangkali kalau sudah ada contoh seperti ini, yang sebenarnya individu yang saya sebutkan itu tadi tak perlu semua itu kerana dia sudah mempunyai sebuah syarikat di mana pekerjanya sudah 200 orang. Akan tetapi dia membuatnya sebagai hobi, menternak ikan sembilang dan ikan keli di rumahnya.

Satu perkara yang saya rasa ingin bawa kepada pemerhatian LKIM supaya penternakan ikan di rumah, *domestic fish industry* ini dapat digalakkan sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan kegiatan ekonomi kita dan ini tidak terbatas sebagai satu hobi sahaja. Saya percaya ini akan menjadi satu mata pencarian yang berguna kepada individu yang berkenaan.

Tetapi lebih lanjut daripada ikan itu Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyarankan dan saya ingin mengulangi saranan saya kepada kementerian supaya sektor pertanian ini diberi keutamaan bersungguh-sungguh, diberi keutamaan untuk menjana pekerjaan yang lebih banyak serta menjana pekerjaan yang berpendapatan lumayan yang lebih banyak dengan meningkatkan produk-produk pertanian berskala besar. Kemudian untuk mengurangkan kebergantungan, keutamaan harus diberikan untuk mengurangkan kebergantungan bahan-bahan makanan yang diimport dari negara-negara asing.

Sehubungan itu juga saya ingin tahu nilai ringgit bahan makanan, produk-produk makanan yang kita import dari luar negeri dan peratusannya yang kita import dan kita keluarkan sendiri. Umpamanya beberapa hari yang lalu kita diberitahu bahawa sekian puluh ribu kelapa diimport dari Indonesia untuk keperluan hari raya kita. Berapa peratus kah daripada kelapa yang diimport itu berbanding dengan yang kita hasilkan sendiri. Saya percaya begitu juga dengan beras, dengan ayam, dengan sayur-sayuran yang lain.

Jadi saya harap kementerian memberikan nilai ringgit bahan-bahan produk-produk makanan yang diimport dan peratusan kebergantungan kita terhadap tiap-tiap satu daripada item-item yang mustahak ini umpamanya beras. Berapa peratus beras yang kita

import dari negara-negara lain berbanding dengan sendiri? Saya rasa apabila hal ini kita sedari, ini akan meningkatkan keprihatinan kita tentang perlunya perancangan pertanian yang lebih bersungguh-sungguh. Kelmarin memang ada disebut tentang ada projek-projek pertanian secara kecil-kecilan tetapi saya rasa seakan-akan itu hanya lebih merupakan kegiatan-kegiatan yang bersifat hobi. Saya cadangkan supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini melakukan penyelidikan keperluan jangka pendek, keperluan jangka sederhana dan keperluan jangka panjang untuk membekalkan produk-produk pertanian untuk keperluan kita.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa masa yang lalu, pada 21 April 2011 di Dewan ini. Saya mengemukakan satu pertanyaan kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya ulang kembali soalan saya itu untuk menyegarkan fikiran kita. Saya meminta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sekiranya Dasar Pertanian Negara yang digubal beberapa tahun lalu masih dianggap relevan dan diguna pakai sebagai panduan utama kementerian pada masa ini. Jika dianggap sudah tidak relevan, apakah usaha-usaha yang diambil untuk mengemas kinikannya dan sekiranya masih relevan, apakah usaha-usaha terakhir yang dilakukan untuk memasyarakatkannya. Ertinya, melaksanakannya dan memantau kejayaannya di kalangan warga kementerian khususnya dan masyarakat amnya.

Saya ingin membacakan sebahagian daripada jawapan itu kerana ada kaitan dengan perkara yang hendak saya timbulkan, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang saya terima daripada kementerian pada bulan April 2011 itu ialah, *“Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN 3) telah pun tamat tempoh pada tahun 2010”*

#### ■1520

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menggubal Dasar Agro Makanan 2011-2020 bagi mencapai objektif peningkatan pengeluaran untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi dalam negara, *food security* dan untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasar melalui pertanian bernilai tinggi. Dasar Agro Makanan 2011-2020 ini akan menjadi salah satu teras kepada penggubalan Dasar Pertanian Keempat yang sedang diperhalusi oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, penggubalan Dasar Agro Makanan pada tahun 2011. Ia sedang diperhalusi.

Sekarang saya hendak tanya, sudah halus belum? Kalau dahulu diperhalusi, sekarang sudah tiba masanya sudah cukup halus, sudah cukup. Jadi Dasar Pertanian

Keempat yang diperhalusi pada bulan April 2011 itu saya hendak tahu sudahkah halus dan saya tidak pasti sama ada sudah diumumkan dasar itu atau belum.

Kemudian kalau saya boleh teruskan Tuan Yang di-Pertua kerana masa pun banyak hari ini. Penggubalan Dasar Agro Makanan mengambil kira senario baru di peringkat global yang memberi impak kepada pengeluaran makanan dan biodiversiti dunia seperti peningkatan harga makanan dunia, peningkatan harga input pertanian, pertambahan penduduk dunia, perubahan kepelbagaiannya diet yang ketara, peningkatan penggunaan komoditi makanan untuk bio tenaga dan perubahan iklim dunia yang mengakibatkan bencana alam seperti banjir dan kemarau.

Dasar berkenaan telah menggariskan beberapa strategi untuk menjamin bekalan makanan dalam negara mencukupi iaitu pelaksanaan projek berimpak besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Agrokultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani akan diteruskan bagi peningkatan pengeluaran makanan negara.

Ini makluman yang diberi di Dewan ini dua tahun yang lalu. Saya ingin tahu sejauh manakah pencapaian sekarang? Setelah dua tahun perkara ini dijanjikan. Kemudian dijanjikan juga peningkatan produktiviti dan kapasiti di mana tanah pertanian digunakan secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa dan program integrasi tanaman kelapa sawit dengan ternakan. Saya juga ingin mendapat laporan sejauh mana kalau tidak ada, barangkali susah untuk memberi laporan secara dengan izin, *on-the-spot*. Saya mengharapkan laporan bertulis kalau tidak dapat itu.

Tumpuan penyelidikan dan pembangunan R&D kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan *variety* dan baka pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi dan *bio-process* mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified and environment* kaji penyakit, piawaian, gred serta pemulihan sumber dan tenaga hijau.

Keempat dinyatakan, diumumkan dalam Dewan ini pembangunan sistem rantaian bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran. Sekali lagi sebagai Dewan Legislatif yang mengawasi Dewan Eksekutif saya rasa tanggungjawab kita untuk mengingatkan apa yang sayap yang satu lagi patut buat, bukan - saya tidak perlulah mengatakan saya ini penyokong kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya rasa adalah tanggungjawab kita untuk menegur kerajaan daripada rakan-rakan sebelah sana menegur, lebih baik kita menegur.

Okey, pihak swasta akan terus digalakkan untuk melabur dalam peningkatan pengeluaran makanan. Insentif fiskal termasuk pelepasan cukai bagi pelaburan semula dan baru dicadangkan diperluaskan meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Lima perkara yang diberi jaminan pada masa itu. Saya mengharapkan laporan dan saya ingin tahu adakah perkara yang dijanjikan ini telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau kejayaannya?

Hala tuju yang digariskan dalam Dasar Agro Makanan telah dibentangkan dalam beberapa siri taklimat kepada jabatan dan agensi di bawah kementerian. Daripada dasar yang digubal juga, satu pelan tindakan akan dibangunkan untuk pelaksanaan oleh kementerian dan jabatan, agensi kelak. Saya hendak tanya ini 2011, saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, sudahkah siap pelan tindakan itu? Sebab pelan tindakan itu dijanjikan pada tahun 2011 yang lalu. Sekali lagi ini adalah teguran daripada seorang penyokong tegar kerajaan dengan untuk kebaikan kita bersama. Selain daripada itu, itulah harapan saya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada peruntukan tambahan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Saya mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran Malaysia merangka satu kaedah pemantauan kegiatan aktiviti-aktivitinya. Saya timbulkan perkara ini kerana sepanjang sidang kita kali ini sudah dua kali perkara ini mengusik dan menimbulkan keprihatinan saya. Pertama sekali sewaktu Timbalan Menteri menjawab soalan saya tentang apakah ada ura-ura untuk mengembalikan sistem kuota di dalam pengambilan pelajar-pelajar ke IPTA?

Kemudian diberikan statistik. Saya baca balik, sewaktu mendengar penjelasan Timbalan Menteri itu saya pun agak keliru tetapi saya baca balik, pun saya tidak berapa faham. Akan tetapi barangkali itulah, barangkali ada sedikit salah eja di sana sini tetapi yang saya sangat musykil, statistik diberikan itu adalah statistik yang terlalu mikro sifatnya, statistik perbandingan yang tidak membawa apa-apa maklumat, yang tidak membawa nilai-nilai maklumat yang kita harapkan. Apabila kita minta statistik, terutama mengenai kemasukan. Mengenai yang ada kaitannya dengan kuota pengambilan pelajar-pelajar ke IPT. Kita mengharapkan supaya ada statistik berapa orang pelajar bumiputera di Fakulti Pergigian, Fakulti Perubatan dan Fakulti Kejuruteraan kerana di bidang-bidang ini yang sebenarnya pelajar-pelajar bumiputera masih berkurangan.

Saya juga menanyakan okeylah, dikatakan bahawa tidak ada ura-ura untuk mengembalikan sistem kuota itu untuk masa ini. Akan tetapi saya hendak tahu, sewaktu sistem kuota ini dahulu dihentikan, apakah sebab dihentikan? Sudahkah hasrat atau matlamat penghentiannya itu dicapai atau apakah akibat-akibat buruk daripada

penghentian itu? Inilah maklumat-maklumat, keterangan-keterangan yang mempunyai nilai-nilai maklumat yang kita ingin. Kita tidak mahu hanya mengatakan sekarang 51% daripada 52% daripada pelajar IPTA dan IPTS adalah bumiputera, yang lain bukan bumiputera. Jadi secara perbandingan bumiputera masih banyak.

Selain dari itu juga, saya ini terlepas daripada perbincangan minggu lalu itu. Saya juga menyentuh tentang PIPP, Pelan Induk Pembangunan Pelajaran yang mendahului pelan yang ada sekarang. Ada enam teras dalam pelan induk itu. Antara teras itu ialah teras pembangunan negara bangsa, teras memartabatkan sekolah luar bandar dan teras memartabatkan profesion perguruan itu yang saya ingat. Saya bertanya dalam Dewan ini beberapa kali, sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh tiap-tiap satu daripada enam teras ini.

### ■1530

Angka-angka yang diberi bukan kejayaan, yang diberikan ialah program-program yang dilakukan. Program yang dilakukan, yang dilaksanakan tidak semestinya menjamin kejayaan. Umpamanya sahaja kita bercakap mengenai teras pembinaan negara bangsa. Peristiwa-peristiwa terakhir sejak akhir-akhir ini begitu banyak, begitu ramai orang-orang muda yang begitu celopar, tidak beradab, mengkhianati bangsa, menghina bangsa dan menghina nilai-nilai simbolik di dalam bangsa. Ini saya rasa adalah satu kegagalan dalam usaha pembinaan negara bangsa, yang ada kaitannya barangkali dengan teras pertama PIPP.

Oleh kerana itu, apabila kita menilai satu-satu program, janganlah penilaian itu digantungkan kepada bilangan program yang dilakukan dan ini telah ditimbulkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof dua hari yang lalu. Ertinya, kalau umpamanya kita mengadakan 100 program pun tetapi sejauh manakah 100 program itu mencapai matlamat yang hendak dicapai? Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya kita mengadakan dua tahap pemantauan. Satu pemantauan pada peringkat mikro dan satu pemantauan pada peringkat mikro.

Pemantauan pada peringkat mikro ini yang lebih *detail*, barangkali dipilih program-program tertentu. Apakah yang telah dicapai mengenai program-program yang berimpak tinggi itu? Dengan demikian, dengan bila kita memantau secara mikro program-program yang berimpak tinggi itu, kita akan dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang berlaku. Oleh kerana itu, tolonglah elakkan daripada memberikan statistik yang terlalu mikro dan terlalu *general* sifatnya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan ini adalah teguran daripada seorang... Oh! Ada lagi Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi yang saya hendak timbulkan ialah

walaupun di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang baru itu ada disebutkan tentang keperluan pembinaan beberapa *target* tetapi saya mencadangkan supaya kita kembali kepada asas iaitu peranan pendidikan secara kasar terbahagi kepada tiga. Satu membina watak, kedua membina sumber tenaga manusia dan ketiga membina negara bangsa.

Penekanan, kesan yang saya dapat daripada pelan yang baru ini ialah seakan-akan penekanan kita ialah kepada pembinaan sumber tenaga manusia sahaja. Sedangkan penekanan kepada pembinaan watak dan pembinaan negara bangsa bukan tidak ada tetapi disentuh secara implisit. Saya berharap supaya tiga perkara tersebut, iaitu membina watak, membina sumber tenaga manusia, membina negara bangsa itu yang memang ada terkandung secara implisit di dalam pelan baru ini, saya harap supaya dilakukan, dirancang, dilaksanakan dan dipantau secara eksplisit, supaya lebih jelas dan supaya kita jangan sampai lupa.

Sekianlah pandangan saya Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi, pandangan seorang penyokong kerajaan yang tegar tetapi saya rasa tanggungjawab moral kita untuk menegur apa yang patut ditegur. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

### 3.34 ptg.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang dan peluang untuk saya membahaskan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Peruntukan tambahan terbesar diberikan kepada Kementerian Pelajaran. Memandangkan dengan izin, *education is everything*, saya fikir peruntukan tersebut patut diberikan. Lagipun peruntukan tambahan itu diguna untuk membayar imbuhan dan gaji kakitangan Kementerian Pendidikan tersebut.

Kenaikan gaji ini selaras dengan membantu golongan terlibat supaya pendapatan golongan tersebut selaras dengan sara hidup sekarang yang semakin meningkat. Saya ingin menyentuh dengan kenyataan dan perbuatan untuk sesuatu pihak sekolah yang sensitif serta akan menjelaskan perpaduan kaum, yang mana keadaan perpaduan kaum sekarang bukan begitu memuaskan hati.

Sekolah sepatutnya satu tempat yang memberi pendidikan dan kesedaran, kepentingan, perpaduan dan bukan sebaliknya. Sekolah mestilah merupakan satu tempat yang memberikan pendidikan kepada pelajar-pelajar supaya mereka sedar kepentingan

untuk seseorang rakyat dapat pengetahuan, perpaduan iaitu dengan perpaduan kaum sahaja kita boleh membangunkan negara kita.

Saya ingin menyentuh krisis diesel. Krisis diesel semakin lama semakin serius. Krisis tersebut telah menjaskan banyak pihak misalnya masyarakat, pengangkutan, kilang-kilang dan sebagainya. Kejadian tersebut bukan sahaja mengakibatkan impak yang negatif malah mengakibatkan kenaikan barang-barang dan akhirnya menyusahkan semua rakyat.

Soalan saya ialah kenapakah atau kelemahan mana yang menyebabkan krisis diesel ini? Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut dengan secepat mungkin dan jangan kerajaan pandang ringan atas masalah tersebut. Saya juga ingin menyentuh tentang *facilities*, dengan izin, yang kurang lengkap untuk hospital-hospital dan klinik-klinik khususnya di kawasan yang dengan izin, *population* besar. Misalnya kekurangan katil-katil, ubat-ubat dan yang penting sekali mesin hemodialisis yang memang nampak tidak cukup pada masa sekarang. Hospital sebagai satu tempat yang melibatkan nyawa manusia. *Facilities* di hospital perlu diberikan keutamaan, *priority*, dengan izin.

#### ■ 1540

Saya juga ingin menyentuh tentang syarikat Puspakom yang menjalani pemeriksaan untuk kenderaan pengangkutan misalnya bas, lori, teksi dan sebagainya. Seperti kita telah maklum, aktiviti-aktiviti atau perniagaan secara monopoli, bukanlah satu cara yang sihat. Lagipun, pusat-pusat PUSPAKOM di seluruh negara agak kurang. Contohnya, di tempat saya, Raub di Pahang, kita memang bernasib baik sebab di zon Pahang dengan izin, daerah Temerloh, Bentong, Lipis semua kena datang ke Raub sebab Raublah satu-satu tempat yang mempunyai pusat PUSPAKOM. Jadi saya ingin bertanya, adakah rancangan Kementerian Pengangkutan untuk menambah syarikat-syarikat seperti PUSPAKOM, untuk mengatasi aktiviti-aktiviti yang dikatakan kurang sihat itu?

Saya ingin menarik perhatian kepada sampah sarap. Kita dapat maklumat tentang *tarnish*, dengan izin, sampah semakin lama semakin meningkat dan sampai tahap kita semua akan dibanjiri dengan sampah sarap. Jadi saya ingin bertanya dengan kementerian, dengan kesedaran masalah sampah sarap, tidak diatasi pada langkah-langkah yang diambil sekarang oleh kementerian. Jadi adakah langkah-langkah yang lebih baik, yang lebih efisien untuk diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah sampah sarap.

Saya juga ingin bertanya bagaimanakah dengan kejayaan tentang Program Kitar Semula sebab sefahaman saya, ramai orang tidak tahu manakah tong yang kutip kaca antara ketiga-tiga tong itu yang ini terbukti Program Kitar Semula ini tidak begitu berjaya. Jadi saya ingin bertanya kementerian, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk kesedaran semua sebab jangan kita hanya kutip sampah dan menyelesaikan masalah tetapi kita mesti memberikan pendidikan kesedaran seseorang supaya kita semua boleh duduk di satu negara yang bersih dan indah. Ambil contoh, bila saya pergi ke Korea, *tour guide* dia memberitahu kita dengan bangga dia kata: "*Nampakkah tong sampah di kota Korea?*" "Tidak!." Kenapa? Sebab seseorang rakyat Korea akan simpan sampah dalam poket dan bawa balik rumah. Itulah cara kita mesti belajar dari pihak yang mengandungi kesedaran yang begitu tinggi dan konsep mencintai negara mereka.

Jadi dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

### 3.46 ptg.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon bahas perbekalan tambahan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Isu nelayan dan peranan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Jika dibandingkan taraf hidup antara peladang, penternak dan nelayan, saya berpandangan nelayan masih tertinggal. Kita harus sedar peranan nelayan amat penting. Kita tidak boleh menjamu juadah dari laut seperti ikan, ketam dan udang dan lain-lain jika nelayan tidak turun ke laut. Masalah nelayan terutama nelayan tradisional masih tidak banyak berubah meskipun pelbagai inisiatif dan pimpinan menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertukar ganti.

Soalannya, kenapa masih mereka tidak berubah? Banyak bantuan dan inisiatif dihulurkan kerajaan bagi membantu kehidupan nelayan ini. Kehidupan nelayan tradisional ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ini menunjukkan kebanyakan nelayan masih lagi berada di bawah paras kemiskinan dan keadaan rumah tidak tersusun dan sangat daif. Mereka ini sebenarnya golongan yang rajin bekerja mencari rezeki. Masalah sebenar ialah waktu mereka turun ke laut tidak menentu sebab nelayan bergantung kepada kedudukan air laut. Dalam sebulan hanya beberapa hari sahaja mereka boleh ke laut. Mereka menghadapi keadaan ombak besar, musim air pasang surut dan mempengaruhi hasil tangkapan.

Masalah nelayan tradisional. Saya melihat masalah nelayan tradisional memang berpunca daripada beberapa faktor seperti saiz bot yang kecil, uzur dan kurang kuasa enjin. Tahap penggunaan teknologi rendah serta masih terlalu bergantung kepada peralatan tradisional untuk menangkap hasil laut. Mereka ini masih lagi hidup di bawah paras atau garis kemiskinan. Pujian di sini, saya memuji langkah kementerian merangka pelan transformasi untuk membantu nelayan dengan memberi pinjaman untuk pembelian sebuah bot bernilai lebih RM2,000 melalui perkongsian lima orang nelayan. Dengan menggunakan bot sederhana dan besar, mereka boleh lama turun ke laut.

#### ■1550

Kerajaan mahu mengarahkan nelayan berubah sikap dan bukan lagi turun ke laut secara harian. Sebaliknya mungkin boleh turun selama seminggu barulah pulang membawa pulang hasil tangkapan.

Saya turut memuji langkah LKIM yang mengambil inisiatif melaksanakan beberapa pendekatan. Antaranya memberi bantuan pinjaman modal kepada pemilik kapal yang berminat untuk bergabung bagi mengusahakan sebuah kapal. Ini menggabungkan antara tiga hingga lima nelayan tradisional secara penubuhan syarikat di mana hak miliknya adalah secara bersama. Pengurusan operasi dan pemasaran pula dijalankan oleh syarikat yang ditubuhkan atau melalui persatuan nelayan.

Cuma saya difahamkan program perkongsian bot ini juga kurang mendapat sambutan. Ini kerana mereka sudah biasa pergi ke laut bersendirian dan bila berkongsi bot mereka agak kekok. Soalan saya, bagaimana LKIM bercadang mengatasi kegagalan ini? Berapakah peruntukan untuk kementerian pada tahun 2011-2012 khusus bagi membantu golongan nelayan di negara ini? Berapa pula peruntukan untuk menaik taraf dan mengubahsuai jeti nelayan di seluruh negara? Bagaimana kementerian bercadang mengubah fungsi jeti agar tidak hanya dijadikan sebagai tempat pendaratan ikan semata-mata tetapi sebagai pusat kegiatan agro pelancongan? Dengan ini saya berpandangan, nelayan boleh menjalankan aktiviti-aktiviti penambahan pendapatan. Mereka boleh membuka restoran, pasaran ikan, memancing, menjual ikan bakar dan lain-lain.

Isu orang tengah. Apa pendekatan kementerian menyelesaikan isu orang tengah? Ini kerana nelayan sudah biasa meminjam dengan orang tengah apabila tidak turun ke laut. Bila turun ke laut, hasil tangkapan terpaksa pula dijual kepada orang tengah untuk ditolak hutang pinjaman. Adakah cadangan supaya nelayan menjual ikan hasil tangkapan kepada persatuan nelayan dan agensi yang berkaitannya. Ini perlu bagi mengurangkan pengaruh orang tengah yang dilihat membebarkan nelayan selama ini. Isu persatuan nelayan. Sejauh mana peranan dan kejayaan yang dicapai oleh persatuan nelayan

kebangsaan dalam membantu nelayan menyelesaikan masalah orang tengah ini? Satu isu lagi ialah skim insurans nelayan. Adakah skim insurans nelayan khas untuk para nelayan yang berdaftar? Menerusi kerjasama mana-mana bank termasuk peranan Bank Pertanian dalam hal ini. Maka, ini supaya apa-apa musibah yang berlaku kepada nelayan, sekurang-kurangnya ada pembiayaan untuk melindungi keluarga nelayan.

Isu pengeluaran lesen rekreasi. Melalui permit ini membolehkan nelayan membawa pelancung untuk mengalami sendiri aktiviti memancing ikan atau mencandat sotong di perairan Malaysia yang luas. Berapakah jumlah lesen rekreasi yang telah dikeluarkan setakat ini? Satu isu ialah mengenai dengan isu nelayan di tempat saya sendiri di Wilayah Persekutuan Labuan. Berapakah jumlah terkini nelayan berdaftar di Labuan yang menikmati elaun sara hidup sebanyak RM200 sebulan? Berapa jumlah yang menerima subsidi minyak kad e-Petrol dan nelayan yang menerima subsidi e-Diesel di Labuan? Bagaimana kementerian dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) membantu nelayan di Labuan di mana laut sering tercemar dan tumpahan minyak dari operasi syarikat minyak termasuk kapal-kapal dagang yang tidak bertanggungjawab yang menumpahkan sisa pembuangan minyak sekali gus mencemar ekosistem Labuan dan hasil tangkapan yang dicemari bahan sisa toksik.

Nelayan tradisional di Labuan tidak akan mampu bersaing dengan nelayan komersial yang menggunakan bot-bot besar yang dilengkapi dengan peralatan moden dan menjalankan operasi menangkap ikan di laut dalam sepanjang tahun. Saya juga terpanggil untuk menyentuh isu akta berkaitan ini. Saya mohon iaitu cadangan agar kementerian mungkin boleh mengkaji semula Akta Perikanan 1985. Zon nelayan tradisi di cadang supaya diperluas bagi memberi ruang mereka mencari rezeki lebih berikutan jumlah ikan semakin berkurangan akibat pencerobohan bot pukat tunda dan aktiviti nelayan komersial.

Soalan saya, juga mohon agar dapat dikaji semula kawasan operasi bot tunda dan nelayan komersial di Labuan ini serta dapat meningkatkan penguasaan tahap pencerobohan yang dilakukan nelayan bot itu di kawasan larangan dan pelbagai aktiviti kurang sihat termasuk penceroboh zon nelayan tradisi dan penggunaan kaedah penangkapan ikan yang dilarang.

Satu lagi isu ialah isu *food security*. Saya melihat perkembangan industri ternakan di negara ini masih berada di tahap kurang memuaskan. Terutamanya bagi penternakan haiwan ruminan yang merupakan sumber utama pengeluaran produk daging dan tenusu. Kadar sara hidup bagi produk daging lembu dan kambing serta tenusu adalah masih rendah. Memenuhi permintaan pasaran domestik yang sentiasa meningkat saban tahun

mendorong kepada peningkatan import produk sama ada ternakan hidup, produk daging dan tenusu serta makanan ternakan dari luar negara. Soalan saya, apakah langkah-langkah perlu diwujudkan di dalam kerangka pembangunan industri ternakan bagi menangani masalah ini agar hasil ternakan tempatan dapat ditingkatkan seterusnya dapat menjamin keselamatan makanan dalam negara terutamanya menjelang musim perayaan sekarang ini.

Ini kerana kita dapat melihat harga barang kawalan melonjak naik sehingga kementerian KPDKN terpaksa menetapkan harga siling yang baru. Juga lihatlah bagaimana simpanan diesel kering di seluruh negara lebih-lebih lagi di Sabah. Soalan ini mungkin boleh dijawab oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan. Soalan saya, bagaimana kementerian bercadang melibatkan pelbagai pihak, pihak swasta, universiti dan institusi pendidikan dalam menyumbang idea dan R&D penyelidikan agar isu *food security* di negara kita tidak mencapai ke tahap yang kronik?

Dalam usaha mengurangkan beban para pengusaha makanan ternakan dan penternak dari segi kos, seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup mereka, bagaimana kementerian bercadang memanfaatkan beban sampingan industri asas tani seperti hampas sagu, hampas soya atau kelapa sawit sebagai bahan makanan haiwan. Saya ingin menyarankan dalam usaha mengatasi isu *food security* ini, syarikat berperanan besar mungkin boleh diperuntukkan sebahagian tanah untuk penanaman komoditi makanan dan penternakan lembu. Ini sebagai strategi mengurangkan import makanan terutama daging serta menyedari Malaysia pengeluar utama makanan malah ia juga pilihan terbaik bagi pemilik ladang pelbagai kegiatan ketika negara harga sawit jatuh.

#### ■1600

Mengenai MARDI. Ia seperti agensi-agensi pertanian yang lain, FAMA dan lain-lain. Saya melihat perkembangan MARDI kini agak suram dan kurang diuar-uarkan kepada umum akan hasil kerja R&D dan pencapaian mereka. Mungkin berlainan fungsi antara FAMA dan MARDI tetapi saya mengharapkan sekurang-kurangnya MARDI mungkin perlu lebih *media friendly* atau sentiasa membuat hebahan akan penemuan-penemuan baru yang terhasil untuk pengetahuan umum. Ini kerana saya difahamkan penglibatan MARDI ini terbukti dari pelbagai sudut R&D, usaha sama dengan pelbagai sektor industri malah ke peringkat antarabangsa termasuk seminar-seminar dan pakar-pakar MARDI yang banyak membuat *research* dengan universiti tersohor di luar negara. Bagaimana pula peranan dan pencapaian MARDI dalam konteks R&D pertanian ini.

Sebagai contoh MARDI dalam menggalakkan penggunaan ilmu sains dan teknologi dalam sektor pertanian dan penternakan. Ini bagi memastikan bahawa industri hilir dalam pertanian dapat dimajukan untuk meningkatkan pendapatan kaum petani seperti lada dapat dijadikan sos cili, ubat pelangsing dan ubat kesihatan sendi, sengkuang telah diproses sebagai bahan kosmetik dan sebagainya. Soalan saya, sejauh mana MARDI berperanan dalam menawarkan bengkel atau kursus untuk memberikan khidmat nasihat serta membekalkan baka benih yang bermutu kepada petani kita untuk menggunakan bio teknologi yang canggih.

Di bawah perbelanjaan pembangunan Butiran 10820 - Permohonan Makmal Veterinar. Isu veterinar, saya terpanggil untuk menyentuh isu berkaitan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam perkhidmatan teras dalam aspek kesihatan ternakan dan pembangunan komoditi ternakan serta beberapa perkhidmatan sokongan. Saya ingin mengajukan beberapa soalan kepada jabatan tersebut. Soalannya, bagaimana Jabatan Veterinar ini menggalakkan penggunaan teknologi terkini dalam sistem penternakan terutama dalam sistem yang mesra alam dan mematuhi piawaian antarabangsa.

Apakah peranan jabatan dalam memastikan kes-kes penganiayaan haiwan dapat diatasi. Kita masih ingat kes penganiayaan kucing selepas ditinggalkan kepada kedai pemeliharaan kucing dan kucing tersebut dianiaya dan tidak mendapat makanan dan perlindungan secukupnya. Ini perlu dibendung terutama menjelang hari perayaan tidak lama lagi. Soalan saya, apakah peranan jabatan dalam proses mendapatkan kebenaran di pintu masuk. Sekian, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin silakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor Sultan.

#### 4.03 ptg.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Akta Bekalan Tambahan. Saya hanya ingin menyentuh satu dua perkara dalam perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Saya ingin menyentuh kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat khususnya untuk anak-anak yatim. Saya terpanggil untuk membangkitkan isu kebajikan rumah anak-anak yatim. Isunya ialah kos peruntukan harian mereka di mana saya berpendapat sangat rendah dan perlu pembelaan segera. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri,

berapakah peruntukan harian bagi seorang banduan di penjara, juga seorang tahanan di pusat serenti dan pendatang tanpa izin.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, ini kerana peruntukan bagi anak-anak yatim di rumah kebajikan anak-anak yatim hanya RM8 sehari. Itu yang mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, baru mereka layak mendapat RM8 sehari. Bayangkan dengan RM8, perlu diberi makan sekurang-kurangnya tiga kali sehari. Malah saya berpendapat mereka perlu diberi makan enam kali sehari sama seperti di sekolah berasrama penuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menggunakan peribahasa lama iaitu, "Kera di hutan disusukan, anak sendiri kelaparan" dan juga, "Kuman di seberang sungai kita nampak, gajah depan mata kita tidak nampak." Saya memohon agar peruntukan tahunan dinaikkan ke tahap yang munasabah supaya masyarakat tidak memandang serong akan rumah anak-anak yatim ini. Saya akui terdapat rumah anak-anak yatim yang terpaksa menggunakan anak-anak yatim meminta derma dan murid-murid mereka terpaksa mengorbankan masa belajar untuk pergi ke tempat-tempat awam meminta derma. Ini mencalarkan imej rumah anak yatim sekali gus mencemarkan imej Islam di mata masyarakat bukan Islam dengan tuduhan Islam itu miskin dan kerajaan tidak membantu secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk membangkitkan isu ini dalam Dewan yang mulia ini malah di bulan Ramadhan yang mulia ini. Cadangan saya, memohon Kementerian mengkaji semula jumlah bantuan tahunan kepada sekolah anak-anak yatim ini termasuk sebarang bantuan yang boleh memanfaatkan anak-anak yatim ini agar mereka turut membesar sama seperti anak-anak yang mempunyai ibu dan bapa.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Dato' Seri Shahidan ada di sini, saya ingin membangkitkan satu isu iaitu *one off*. Memandangkan bayaran *one-off* kepada Ahli-ahli Parlimen bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri 2013 ini yang tujuannya untuk kegunaan jamuan dan lain-lain. Saya mencadangkan supaya bayaran *one-off* ini turut dipanjangkan kepada Senator ataupun Ahli Dewan Negara kerana walaupun secara dasarnya Senator tidak ada kawasan yang diwakili tetapi Senator ini mewakili seluruh rakyat Malaysia termasuk mewakili industri seksyen yang terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya bangkitkan kepada Kementerian Kesihatan. Baru-baru ini berlaku kemalangan di Padang Besar, Perlis. Ambulans yang ada di pusat kesihatan itu tidak berfungsi. Jadi saya minta kepada pihak Kementerian Kesihatan untuk memberi perhatian sebab rakyat sudah mula bising. Benda-benda yang mustahak begini kita abaikan Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan apa yang berlaku sekarang ini iaitu jenayah berat. Kalau sentiasa kita cakap bagi pihak polis mengatakan jenayah kurang, okey tetapi sekarang ini kita rasa begitu takut Tuan Yang di-Pertua. Satu hari pembunuhan berlaku hingga dua tiga orang. Jadi perkara ini saya minta Kementerian Dalam Negeri mengambil iktibar dan kalau perlu diadakan semula *emergency ordinance*. Saya harap pihak kerajaan buat kajian sedalam-dalamnya, syorkan akta baru kepada Dewan ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Roslin, silakan Yang Berhormat.

#### ■1610

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan 2012 (2013). Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengemukakan perbekalan tambahan sebanyak RM12.1 bilion bagi Suruhanjaya Pilihan Raya, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Am Perbendaharaan, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun dan 15 kementerian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh Maksud B.24 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, tentang Butiran 010200 - Khidmat Pengurusan khususnya tambahan RM7.9 juta bagi menampung perbelanjaan operasi Halal Industri Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC).

Industri halal semakin berkembang namun produk halal masih belum berupaya menampung keperluan umat Islam di seluruh dunia. Industri halal juga mempunyai masa depan yang amat cerah kerana terdapat 1.8 bilion penduduk Islam yang sentiasa mengharapkan produk halal. Permintaan produk halal bukan sahaja begitu tinggi di kalangan negara ASEAN tapi juga di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) ini amat penting sebagai penggerak utama dalam pengeluaran dan pemasaran produk halal di peringkat domestik dan global. Malaysia berada di kedudukan kukuh untuk menjadi hab halal global kerana berjaya meraih Pelaburan Langsung Asing (FDI) sebanyak RM1.1 bilion bagi tempoh separuh tahun pertama tahun ini. Manakala eksport produk halal negara mencecah RM16.6 bilion dalam tempoh itu dan sebahagian besarnya ke China.

Tahun lalu, 2012, FDI dalam industri halal berjumlah RM1 bilion manakala produk halal berjumlah RM35.4 bilion. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berhubung langkah kerajaan untuk menggalakkan eksport produk halal ke negara-negara lain selain China. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bilangan syarikat tempatan yang mengeluarkan produk halal untuk tujuan eksport. Saya juga ingin mendapat penjelasan bilangan syarikat milik usahawan Muslim yang bergiat dalam pengeluaran produk halal pada masa kini.

Berhubung dengan produk halal untuk tujuan eksport. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari MITI, jenis-jenis produk halal yang dieksport seperti ramuan halal, produk makanan dan minuman, kosmetik dan sebagainya, jumlah eksport dan mengikut peratusannya bagi tahun 2012 dan 2013 terkini. Selain itu, apakah langkah kerajaan untuk melahirkan usahawan Muslim dalam industri halal ini. Adakah kerajaan memberikan insentif bagi kemasukan FDI dalam industri produk halal? Saya juga ingin mencadangkan agar lebih banyak taman industri halal diwujudkan di seluruh negara bagi menggalakkan dan merang sangkan lagi industri halal di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung industri halal ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya HDC sama ada bercadang untuk mengujudkan persatuan bagi semua penggerak sektor industri halal di negara ini supaya dapat merapatkan kerjasama dan menjalinkan hubungan yang boleh menyemarakkan industri halal.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Maksud B.13 iaitu Kementerian Luar Negeri bagi Butiran 030400 - Hal Ehwal Islam Pelbagai Hala. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya menganjurkan Forum Ekonomi Islam Sedunia (WEIF) Ke-8 yang telah diadakan pada 4 hingga 6 Disember 2012 di Johor Bahru, Johor. Jumlah delegasi buat pertama kalinya lebih 2,000 peserta dengan kehadiran perwakilan dari 86 buah negara yang mencerminkan minat masyarakat dunia terhadap perkembangan ekonomi negara.

Sejumlah RM28 bilion janji niaga telah dimeterai pada forum ini dengan kebanyakannya tertumpu kepada pembangunan di sekitar Wilayah Iskandar Malaysia. Manfaat atau nilai urus niaga lain antara kerajaan dengan kerajaan iaitu *G-to-G*, dan syarikat ke syarikat dijangka lebih tinggi meliputi sektor nano, pembangunan tanah, teknologi maklumat dan telekomunikasi. Pusat Inovasi dan bandar raya permotoran. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah dan perancangan kerajaan untuk memastikan ekonomi Islam terus berkembang di peringkat domestik dan kerjasama antarabangsa untuk mempercepat pelaburan dan antarabangsa dan mampu untuk

berdaya saing serta menggalakkan kerjasama antarabangsa untuk mempercepatkan pelaburan inovasi dalam bidang pembangunan tenaga yang boleh diperbarui.

Tuan Yang di-Pertua, Forum Ekonomi Islam Sedunia Ke-9 telah dijangka akan diadakan pada 29 hingga 31 Oktober 2013 di London, yang merupakan pertama kalinya di Eropah dan dihoskan oleh negara bukan Islam. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan rasional dan justifikasi bagi pemilihan London sebagai hos WEIF Ke-9.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh Maksud B.6 – Jabatan Perdana Menteri bagi Butiran 360000 mengenai Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Tambahan RM2 juta belanja mengurus. Berhubung dengan MAIWP ini, saya ingin bangkitkan polemik itu salah atau tidak penyertaan gadis Islam dalam pertandingan ratu cantik. Saya anggap polemik ini adalah ibarat muhu menegakkan benang yang basah. Pertandingan *Miss World* diadakan di Malaysia sejak tahun 1963 lagi dan hanya empat peserta Melayu yang pernah memenanginya dan yang terakhirnya adalah Fazira binti Wan Chik atau terkenal dengan Erra Fazira pada tahun 1992.

Bagaimanapun umat Islam dilarang menyertai pertandingan ini berikutan fatwa pengharaman yang telah diwartakan pada tahun 1997 di bawah Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam negeri Selangor selepas melalui perundangan yang teliti. Pertandingan ratu cantik yang melibatkan peserta Islam dilarang kerana perbuatan-perbuatan yang menjolok mata dan sangat bertentangan dengan akhlak Islam yang akan menyebabkan masyarakat Islam keseluruhannya merasa amat tersinggung. Walaupun tidak ada undang-undang khusus yang mengharamkan peserta Islam dalam pertandingan ratu cantik akan tetapi fatwa yang dikeluarkan dan diwartakan adalah undang-undang yang mengikat. Contohnya fatwa berkaitan yang telah diwartakan oleh Wilayah Persekutuan pada Februari 1996 yang memperuntukkan adalah haram dan berdosa bagi orang menyertai dan menganjurkan atau menyumbangkan apa-apa bentuk sumbangan untuk penganjuran apa-apa pertandingan ratu cantik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang telah bertindak tegas mengeluarkan kertas siasatan ke atas empat peserta ratu cantik *Miss Malaysia* yang berhasrat hendak meneruskan penyertaan pertandingan ratu cantik berkenaan. Saya juga memuji sikap JAWI yang bertindak tegas kepada *Sisters in Islam* (SIS) kerana mempersoalkan fatwa yang mengharamkan wanita Islam menyertai ratu cantik. *Sisters in Islam* ini boleh disiasat mengikut seksyen 7 dan 9, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah

Persekutuan) 1997 [Akta 559] dan jika disabitkan kesalahan, NGO berkenaan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 3,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan *Sisters in Islam* yang sering bersikap prejudis terhadap Islam itu disifatkan sebagai merosakkan Islam dari dalam kerana golongan tersebut mengaku Islam namun meletakkan hukum logik dan akal lebih tinggi dari Al-Quran dan hadis.

#### ■1620

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh mana Majlis Agama Islam Negeri telah mewartakan keputusan fatwa kebangsaan yang melarang penyertaan wanita Islam dalam pertandingan ratu cantik, serta sejauh manakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bekerjasama dalam membendung penganjuran pertandingan ratu cantik yang melibatkan peserta wanita Islam? Akhirnya saya ingin mencadangkan agar penganjuran pertandingan ratu cantik meletakkan syarat bahawa peserta wanita Islam tidak dibenarkan menyertai pertandingan ratu cantik demi menjaga kesucian Islam dan martabat wanita sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan penganjur Pertandingan Ratu Cantik ini menemui Ketua Pengarah JAWI dan meminta agar dibenarkan peserta beragama Islam menyertai pertandingan ratu cantik amatlah dikesali. Ini kerana seolah-olah penganjur cuba mencabar kedaulatan undang-undang Islam dan Perlembagaan Negara. Saya menyeru agar JAWI tidak tunduk dengan permintaan penganjur pertandingan ratu cantik ini yang jelas cuba mencemarkan agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, berhubungan dengan penganjuran pertandingan ratu cantik ini saya juga ingin menyentuh tentang adanya penganjuran pertandingan ratu cantik oleh golongan mak nyah. Pada masa ini dianggarkan terdapat lebih daripada 30,000 orang mak nyah seluruh negara. Asalnya mak nyah ini atau pondan ini adalah golongan lelaki yang berpakaian perempuan atau golongan transeksual. Yayasan *Pink Triangle* (PT) yang mengendalikan isu sosial termasuk isu mak nyah menjelaskan bilangan mak nyah berkembang dengan pesat kebelakangan ini.

Perkembangan ini juga menyebabkan peningkatan HIV atau AIDS di Malaysia. Kajian PT juga mendapati 80% mak nyah adalah dari keturunan Melayu. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan sejauh mana transeksual ini diterima dari segi Islam dan tindakan tegas yang telah diambil bagi membendung budaya mak nyah ini dari terus berkembang di negara ini? Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sebelum berakhir

saya ingin mengambil kesempatan dalam Dewan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong. Silakan Yang Berhormat.

#### 4.22 ptg.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk membahaskan suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan. Untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi peruntukan jumlah wang untuk maksud-maksud tertentu pada tahun itu yakni Akta Perbekalan Tambahan 2012/2013.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada perbelanjaan bekalan Maksud B.62 iaitu Kementerian Dalam Negeri. Saya juga amat bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan bahawa kita perlu ada undang-undang yang ketat yang *strict* dan kaji semula Akta ISA.

Sekarang ini kita dapat mendengar pada hari ini pula ada kes pembunuhan iaitu kes tembak di Parit Buntar baru tadi pukul 10 pagi ada berita tadi. Negara kita ini ibarat sebagai koboi. Dahulu kita dengar Thailand sahaja. Kes bunuh tembak menembak tetapi sekarang ini sudah datang ke Malaysia dan tiap-tiap hari kita mendengar tembak menembak ini. Kita ada ‘undang-undang rimba’. Walaupun kita mempunyai undang-undang bagi mengekang kes-kes jenayah berat ini, hakikatnya kebimbangan masyarakat mendengar kes mangsa ditembak dari jarak dekat di tengah khalayak tanpa mengira tempat yang semakin kerap dilaporkan kebelakangan ini semakin sukar dibendung.

Apa pun puncanya termasuk dendam peribadi yang kerap dikaitkan sebagai motif kes tembak dan bunuh berprofil tinggi. Persoalan utama yang perlu diperhalusi menerusi kanta realiti kehidupan ialah keselamatan kita. Dalam keadaan seperti ini rakyat enggan dijolok dengan perangkaan kadar jenayah dan juga tidak mudah termakan pujuk apabila ada yang meyakinkan keadaan tetap terkawal. Kerap disebut Malaysia masih selamat secara relatif untuk rakyatnya. Ada yang mampu dilakukan pihak berkuasa sememangnya sudah sedang dan akan terus dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak beritahu untuk keluar makan bersama kenalan atau membeli belah bersama keluarga mula dibimbangkan kalau-kalau ada penembak upahan dan tempiasnya terkena pada mangsa yang tidak berdosa. Jadi saya hendak tahu dan saya ingin bertanya mengapa sudah *trend* sedemikian rupa? Bagaimana pula dengan penjualan dan penyeludupan senjata api ini dalam negara kita?

Setakat mana peranan *Special Branch* dalam memantau aktiviti jenayah berat ini? Adakah kita tidak mencukupi anggota polis untuk membendung kes-kes seperti *Special Branch* ini? Bagaimana pula dengan aktiviti kongsi gelap yang lazimnya berkaitan jenayah berat dan terancang ini?

Jadi pohon pihak kerajaan memberi penjelasan dalam Dewan Negara yang mulia ini terutama dalam hal-hal mengenai perkara ini yang dilihat semakin menjadi-jadi. Antara kes menjadi perhatian umum pada tahun 2013, iaitu:

- (i) termasuk hari ini di Parit Buntar, pemandu van kena tembak pada pukul 10 pagi tadi;
- (ii) pada 29 Julai kelmarin dahulu, pengasas Arab Malaysian Bank, Hussain Ahmad Najadi mati ditembak di Kuala Lumpur;
- (iii) pada 28 Julai, pemilik firma keselamatan, Jasraf Wanda Jit Singh mati ditembak di dada dan kepala di Ipoh Perak;
- (iv) pada 27 Julai, Pengerusi Mywatch, R. Sri Shajeevan cedera ditembak di Jempol, Negeri Sembilan;
- (v) pada 18 Julai, guru mati ditembak dua lelaki bermotosikal di Kulim, Kedah;
- (vi) pada 8 Julai, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Sekolah Kebangsaan Beris Panchor, Bachok Kelantan mati ditembak di Simpang Tiga Jalan Beris Panchor, Bachok Tawang, Kota Bharu;
- (vii) pada 13 Mei, lelaki parah terkena tembakan di Johor Bahru, Johor;
- (viii) pada 11 Mei, dua lelaki maut dan dua parah ditembak di Bukit Tambon, Pulau Pinang;
- (ix) pada 11 Mei juga, pembantu kedai ditemui mati dengan 10 kesan tembakan di Taman Kuchai Lunas, Kedah;
- (x) pada 7 Mei, lelaki parah ditembak ketika minum bersama rakan di Sungai Daun, Nibong Tebal, Pulau Pinang; dan
- (xi) pada 26 April, Timbalan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Shaharuddin Ibrahim mati ditembak di persimpangan lampu isyarat Lebuh Sentosa ke Lebuh Wawasan, Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada perbelanjaan Bekalan Maksud B.47 – Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Tahniah saya ucapkan langkah proaktif kementerian dalam memberi siaran langsung kepada siaran perbahasan di Dewan Negara ini. Kalau dahulu siaran langsung hanya pada 30 minit dan dilanjutkan pada satu setengah jam pada mesyuarat pertama tahun ini. Ini satu perkembangan yang amat baik

terutama dalam memaparkan perjalanan Mesyuarat Dewan Negara kepada umum. Cuma saya hendak tahu, berapa kos siaran langsung yang melibatkan 30 minit pada peringkat awal siaran langsung ini antara tahun 2008 hingga awal tahun 2013? Berapa kos siaran langsung yang melibatkan masa siaran itu selama satu setengah jam ini? Saya juga hendak tahu berapa rating penonton pada awalnya iaitu antara tahun 2008 hingga awal tahun 2013 dan juga rating sekarang?

Ini penting kerana rakyat dan Ahli Parlimen sendiri kena tahu keberkesanan program siaran langsung sidang perbahasan yang melibatkan kedua-dua Dewan Parlimen iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Saya mendapati sejak adanya siaran langsung saya mendapat SMS hampir 82 SMS yang menyatakan bahawa mungkin bulan puasalah menyatakan bahawa Dewan Negara ini kurang bermaya kerana ramai para pencatat di kementerian-kementerian yang tidur lena dan juga ada beberapa gambar di Dewan Negara yang dia orang hantar tidur di Dewan. Jadi mereka mintalah supaya Dewan ini menunjukkan ceria dan semangat supaya Dewan Negara ini dihormati.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hairanlah kalau pencatat daripada kementerian menjawab soalan, yang kurang memuaskan. Jadi, saya rasa sedih apabila saya tanya soalan seperti bumiputera Siam, dari dahulu, tahun pertama saya jadi Senator sampai sekarang ini jawapannya sama sahaja. Daripada dahulu sampai sekarang bahawa bumiputera padahal Kabinet sudah bermesyuarat dan semuanya telah bersetuju bahawa bangsa bumiputera tetapi dalam jawapan kementerian masih lagi bukan bumiputera. Saya hairan. Maknanya pihak pegawai ini kurang menyelidik dan tidak selidik betul-betul perkembangan semasa ini, tidak prihatin dengan keadaan. Saya tidak hairan kalau ramai daripadanya, bangsa lain yang kecewa dengan keadaan ini sebab jawapannya tidak berapa meyakinkan dan tidak mengikut peredaran masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya mengenai peranan BERNAMA TV yang dilihat tenggelam timbul. Nampaknya saluran BERNAMA TV ini sudah jauh ketinggalan berbanding TV1 terutama dalam soal berita dan penyampaian agensi ini sebagai media rasmi kerajaan. Jadi, saya hendak tahu, apakah BERNAMA TV sudah mempunyai peneraju atau Ketua Eksekutif yang boleh membawa stesen tersebut di peringkat yang lebih baik? Saya difahamkan juga BERNAMA TV ini masih mempunyai masalah kewangan. Jadi, setakat mana kerajaan mengatasi masalah itu? Bolehkah kerajaan memberi peruntukan dan juga dana kewangan dalam bajet nanti kepada BERNAMA TV seperti mana yang dilakukan stesen TV AlHijrah, yang diberikan peruntukan sebanyak RM40 juta hingga RM50 juta setahun.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia, apakah peranan kementerian ini dalam memupuk semangat perpaduan di antara berbilang kaum di Malaysia? Kita lihat dari segi drama, ada drama yang hanya untuk satu kaum, yang tidak nampak pemupukan semangat perpaduan dalam kementerian di RTM dan rancangan di RTM. Ini kerana memandangkan negara kita ini berbilang kaum dan sepatutnya RTM ataupun Kementerian Komunikasi dan Multimedia ini merupakan saluran propaganda kerajaan, perlulah mengutamakan satu program yang ke arah perpaduan di antara masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya, merujuk pula kepada Rang Undang-undang Perbelanjaan Perbekalan bagi Maksud B.31 - Kementerian Pelancongan. Ini paling dekat dengan saya. Setiap tahun masyarakat Siam di Kedah, di Perlis, Kelantan, Perak dan Pulau Pinang serta Kuala Lumpur meraikan Hari Songkran ataupun sambutan perayaan tahun baru. Biasanya perayaan itu diraikan kebanyakan masyarakat Siam, jadi saya pohon kalau kementerian memperkasakan dan perhebatkan kempen pelancongan dalam mempromosikan Hari Songkran itu dalam kalendar pelancongan negara. Di Malaysia sahaja, masyarakat Siam berjumlah sekitar 80,000 di seluruh Malaysia. Di Kedah sahaja ada seramai 45,000 orang.

Melihat kepada adanya tarikan itu, saya percaya kawasan Siam wat ataupun kuil Siam menjadi lokasi kunjungan ramai pelancong tempatan dan luar negara. Walaupun kami masyarakat Siam sebagai golongan minoriti, namun budaya, bahasa dan kemasyarakatan kami kaya dengan seninya. Rugi kalau Kementerian Pelancongan tidak melakukan sesuatu dalam mempromosikan masyarakat Siam Malaysia sebagai salah satu produk pelancongan tempatan yang boleh diketengahkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Maksud B.41 - Kementerian Pendidikan. Sedikit sahaja iaitu pohon supaya pihak kementerian terutamanya melibatkan universiti yang ketandusan pensyarah supaya melibatkan balik polisi pengambilan pensyarah. Sekarang ini sudah ramai yang ada sarjana atau PhD yang bekerja bukan dalam bidang akademik tetapi minat dalam menjadi pensyarah. Masalah sekarang ialah polisi universiti tidak mengambil kira pengalaman industri mereka yang berbelas tahun ataupun berpuluhan tahun. Sekiranya mereka masuk dalam *line* akademik, mereka yang mempunyai sarjana hanya diberikan kepada gred 45 dan mereka yang mempunyai PhD diberikan gred 51 sahaja. Keadaan itu menyebabkan tiada tarikan perjawatan tersebut kerana gaji rendah, sedangkan pengalaman dan pendidikan mereka sudah tinggi.

Kalau di Eropah dan Amerika Syarikat, mereka di luar bidang akademik tetapi mempunyai pengalaman dan pendidikan yang tinggi, apabila mereka hendak menjadi

pensyarah, universiti di sana terus menawarkan gaji yang lebih tinggi termasuk jawatan profesor madya. Ada universiti yang juga menyamakan jawatan profesor atau profesor madya walaupun seseorang itu tidak mempunyai PhD tetapi dia mempunyai kepakaran tertentu dalam sesuatu industri. Saya pohon supaya kementerian melihat soal ini dan menaikkan martabat pensyarah dan universiti tempatan dalam meramaikan lagi pensyarah yang pakar dalam industri semasa selain mempunyai pendidikan yang tinggi.

Kementerian Kewangan. Saya pohon supaya Kementerian Kewangan mengadakan satu peruntukan khas kepada kaum minoriti, ramai kaum minoriti kita termasuklah masyarakat Siam supaya mereka mendapatkan peruntukan itu untuk mengadakan aktiviti mereka, pembangunan mereka tanpa melibatkan ICU. Sekarang ini mereka selalu pergi ke ICU dan sebagainya. Jadi, kalau peruntukan itu diadakan, ini memudahkan untuk masyarakat minoriti merancang pembangunan mereka.

Satu lagi, saya mohon supaya Kementerian Kewangan mengkaji, kita ada banyak kuil-kuil dan wat-wat Siam, supaya satu peruntukan khas untuk penyelenggaraan wat-wat Siam dan kuil-kuil ini. Termasuklah kalau boleh, mengkaji elaun khas untuk pastor, ataupun ketua-ketua sami di wat-wat Siam dan juga di tokong-tokong Cina supaya mereka mendapat elaun khas untuk peruntukan seperti tok imam yang ada di masjid dan sebagainya.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Pada Dewan dahulu saya tanya bagaimana biodiesel? Apakah kemajuan yang tercapai terhadap biodiesel ini dengan bajet yang tinggi iaitu RM300 juta saya ingat. Saya hendak tanya Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, setakat manakah sekarang ini *research* terhadap biodiesel ini dilakukan? Apakah pencapaian biodiesel ini di peringkat komersial? Saya difahamkan seperti di Kedah, oleh sebab pembalakan berleluasa, air di Kedah ini, adakah tahap air yang digunakan untuk minum ini, mengikut SADA di Kedah menyatakan bahawa tahap air ini sudah amat berbahaya kepada kesihatan kerana terlalu banyak menggunakan klorin, tahap klorinnya tinggi. Oleh sebab pembalakan, airnya keruh, jadi tahapnya tinggi untuk membersihkan air ini dengan menggunakan klorin yang lebih pada maksimum. Jadi, saya hendak tanya Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, adakah air kita selamat digunakan oleh pengguna untuk minuman dan sebagainya?

Kementerian Belia dan Sukan. Saya fikir Kementerian Belia dan Sukan gagal untuk menyelami dan memahami belia kita. Kita lebih mengutamakan kumpul belia satu juta di Putrajaya tetapi tahap belia di pedalaman kurang mendapat perhatian daripada Kementerian Belia dan Sukan ini.

**■1640**

Dulu kita dengar Belia 4B begitu baik di kawasan perkampungan di mana belia bersemangat. Jadi tidak hairan bila sampai ke PRU-13 ini kita kehilangan pengundi belia-belia ini kerana Kementerian Belia dan Sukan kurang menarik perhatian kumpulan belia pendalam. Kita cuba fikir kumpul belia satu juta di Putrajaya, adakah belia di Sabah dan Sarawak mendapat perhatian? Tidak. Kita hanya tumpu kepada belia-belia, studen yang ada di Kuala Lumpur sahaja. Akan tetapi di kawasan pendalam tidak dapat perhatian.

Jadi saya mintalah supaya Kementerian Belia dan Sukan utamakanlah belia pendalam, menaikkanlah mutu belia itu, banyak yang menganggur sekarang ini. Banyak yang penagih dadah dan sebagainya, supaya memberi perhatian yang mendalam kepada mereka, supaya mereka dapat juga menerima kemajuan dan tahap sokongan mereka terhadap kerajaan ini. Jadi itu sahajalah. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah. Silakan Yang Berhormat.

**4.41 ptg.**

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya memanjat syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas keizinan-Nya saya diberi peluang untuk turut berbahas Akta Bekalan Tambahan. Saya ingin menyentuh beberapa perkara, susulan daripada akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun tersebut.

Pertama kali saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Kesihatan, di mana disebutkan tambahan lebih RM1 juta, antara lainnya untuk menampung keperluan tambahan bekalan ubat. Untuk pengetahuan kita semua, sudah tentu bekalan ubat yang sentiasa mencukupi amat penting dan perlu sedia ada khususnya di kawasan-kawasan luar bandar seperti di Sarawak memandangkan terdapat juga pesakit di luar bandar yang semakin meningkat bilangan pesakit.

Jadi sudah tentu dengan keadaan negeri Sarawak yang dari segi geografinya yang hanya berpandu kepada, dengan lazimnya mendapat rawatan daripada perkhidmatan doktor udara. Jadi sudah tentu memerlukan bekalan ubat dan agak sukar untuk mendapat bekalan ubat yang konsisten. Jadi dengan adanya rawatan daripada

perkhidmatan doktor udara, sudah tentu mereka juga perlu supaya bekalan ubat itu mudah didapati dengan adanya perkhidmatan doktor udara. Jadi bekalan ubat memanglah memerlukan tambahan peruntukan.

Selain itu saya ingin juga menyentuh Kementerian Kerja Raya di mana peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta untuk membiayai pelaksanaan projek menaik taraf Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan negeri Sarawak, Sabah dan Brunei. Jadi dalam perbahasan ucapan Titah Diraja juga, kita ada menyentuh tentang perlunya projek ini disegerakan. Ini kerana Lebuhraya Pan Borneo merupakan satu perhubungan jalan raya yang amat penting, yang juga menyumbang ke arah industri pelancongan dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh golongan masyarakat setempat khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman.

Seperti golongan usahawan kecil dan sederhana yang memerlukan jalan raya sebagai hubungan untuk memasarkan produk-produk mereka. Tuan Yang di-Pertua selain itu Lebuhraya Pan Borneo amat penting disegerakan pembinaannya kerana kita dapati kekerapan berlaku kemalangan. Jadi sebab itulah projek menaik taraf lebuh raya ini perlu disegerakan supaya kemalangan dapat dikurangkan.

Saya ingin menyentuh tentang Kementerian Dalam Negeri juga bersama dengan rakan-rakan Senator lain, saya ingin juga menyentuh tentang kes jenayah berat yang kebelakangan ini banyak berlaku khususnya di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar yang lain, di mana berlakunya pembunuhan secara kejam. Baru semalam saya mendapati Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menafikan tuduhan pihak tertentu bahawa kononnya anggota polis kurang agresif dalam tindakan kawalan. Beliau membuat perbezaan bahawa di Amerika Syarikat khususnya seorang anggota polis menjaga 35 orang sahaja ahli masyarakat, walhal kita anggota polis kita di Malaysia ini menjaga 700 orang. Bayangkan berapa bezanya?

Selain itu Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri juga pernah berkata, pihak Polis Diraja kita tidak mencukupi dari segi peralatan dan kemudahan-kemudahan yang canggih yang termoden. Jadi sebab itu pada pendapat saya, penambahan peruntukan bekalan tambahan bagi Kementerian Dalam Negeri ini memang diperlukan khususnya untuk disalurkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memenuhi keperluan-keperluan yang ini.

Perkara lain yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Ini perkara yang kecil akan tetapi boleh dikirakan mustahak juga kerana kebelakangan ini kita dapati penerbitan pelbagai drama Melayu yang dikeluarkan oleh pihak RTM didapati ada dalam drama itu menggunakan cara yang

kurang adab dalam percakapan apabila misalnya seorang itu memanggil temannya bukan dengan nama teman seperti nama yang diperuntukkan dalam drama. Akan tetapi dia pakai perkataan “awak”, “Awak semua”. Dalam percakapan itu dia panggil nama si teman itu bukan dengan nama yang telah ditentukan, tetapi dengan perkataan “awak”.

■1650

Jadi, pada sayalah ini boleh menjadi ikut-ikutan budak-budak kecil. Jadi, amat tidak digalakkanlah. Kalau boleh pihak RTM menentukan supaya adab-adab sopan, adab bahasa dalam satu-satu drama itu dititikberatkan juga kerana kita tidak mahu anak kecil nanti sampai memanggil orang tua dewasa pun dengan perkataan “awak”.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang BR1M. Rakyat Sarawak, khususnya golongan yang kurang berpendapatan yang terlibat juga dengan pengagihan BR1M tentu sekali mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak kerana terus-menerus mengeluarkan program BR1M ini yang juga sampai kepada golongan tersebut di negeri Sarawak. Hanya saya ingin sentuh di sini, saya tidak tahu cara kaedah pengagihan di Sarawak kerana ada yang saya dengar komen ataupun bukan komen.

Ya, pendapat mereka yang duduk di luar bandar, kawasan pedalaman, apabila mereka hendak mengambil peruntukan itu mereka terpaksa turun ke bandar. Jadi, sudah tentu mereka terpaksa menggunakan kenderaan yang ongkosnya daripada segi sewa juga memerlukan wang. Mungkin ini akan mengurangkan maksud saya. Bagi mereka yang tidak ada pendapatan, sudah tentu mereka akan menggunakan sebahagian daripada peruntukan BR1M itu untuk kos perbelanjaan pengangkutan untuk mereka turun ke bandar. Jadi, mungkin pihak kerajaan dapat mencadangkan pendekatan yang lain untuk membantu cara mana supaya mereka tidak menggunakan wang BR1M itu untuk kos belanja mereka turun ke bandar bagi kos pengangkutan.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya utarakan bagi membahaskan akta tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Dengan itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan Yang Berhormat.

#### 4.54 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* [Berucap dalam bahasa Arab] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan keizinan kepada saya untuk sama-sama berbincang dan berbahas berhubung dengan Anggaran Perbelanjaan Pengurusan Tambahan Kedua 2012 yang telah dibentangkan. Saya seperti kawan-kawan saya juga mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana sihat *walafiat* dan dapat bersama-sama dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara pertama yang saya hendak sebut ialah apabila kita membincangkan hal kewangan, maka ia adalah suatu perbincangan yang amat penting yang perlu kita beritupuan sepenuh-penuhnya kerana setiap sen yang kita bincang dan kita luluskan di Dewan yang mulia ini akan digunakan oleh agensi dan kementerian-kementerian. Kita harap mereka dapat menggunakan dengan penuh kebijaksanaan dan juga keamanahan yang tinggi dan integriti.

Oleh kerana ini adalah kita bincang suatu perkara besar dan wang yang dipohon untuk diluluskan ini adalah berjumlah lebih daripada RM12 bilion. Di mana ia adalah wang rakyat yang diberi amanah oleh rakyat kepada pemimpin dan juga pegawai-pegawai yang terlibat dalam semua sektor dan agensi dan juga kementerian. Itu yang pertama yang ingin saya sebutkan.

Kedua, wang yang diluluskan ini dan juga yang telah diluluskan adalah menjadi tanggungjawab kita bersama supaya kita sampaikan kepada sasaran. Dalam hubungan ini kita melihat perlunya pihak kementerian dan juga agensi yang berkenaan memantau secara langsung pelaksanaan-pelaksanaan ini sampai ke akar umbi. Adalah diperhatikan bahawa pihak kementerian apabila memberi jawapan seolah-olah perkara itu baik seperti ada di kementerian. Sedangkan apa yang berlaku di peringkat akar umbi sebenarnya belum.

Banyak lagi yang perlu diperhatikan dan kadang-kadang boleh juga Menteri atau Timbalan Menteri atau Ketua Setiausaha atau apa-apa jawatan tinggi di kementerian cuba turun secara mengejut melihat sendiri di kampung-kampung, di luar bandar agar perkara ini betul-betul berlaku. Kalau kita memberitahu kita hendak pergi, memanglah orang di kampung kita akan membuat persiapan yang cukup. Dia bersih, tempat tidak bersih, dia akan bersih tetapi cuba kita tengok dengan mengejut. Di situ sebenarnya realiti yang boleh kita lihat. Apakah perjalanan yang telah diberitahu kepada kementerian atau Menteri benar-benar sebagaimana yang dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya hendak sentuh iaitu perkara yang kedua ialah belanjawan ini, peruntukan tambahan ini merupakan satu peruntukan yang sering

dikemukakan di Dewan ini, Dewan yang kedua untuk diluluskan. Ini bukan kali pertama dan malah menjadi tradisi di dalam mana-mana persidangan. Saya melihat perkara ini boleh dielakkan daripada berlaku berulang-ulang sebab di semua kementerian ada pakar dan orang-orang yang berwibawa untuk membuat unjuran-unjuran perkara yang akan berlaku daripada segi keterlibatan kewangan dan keperluan sebenar. Jadi, kalau sebenarnya dibuat dengan teliti dan unjuran boleh jadi hal-hal itu tidak berlaku kecuali dalam hal-hal *emergency* atau keadaan terpaksa. Kalau berlaku banjir atau halangan-halangan besar, itu kita rasa hal-hal yang berlaku dalam keadaan yang tidak dapat dikawal. Akan tetapi kalau sekiranya kita tengok emolumen sebagai contoh, ia sudah diketahui lebih awal.

Contoh yang pertama yang saya hendak bawa ialah contoh pencen elaun pesara dan ganjaran, Maksud P.14. Orang pencen bukan datang serentak. Kita tahu lebih awal dan kita boleh buat unjuran dan tidak perlu tergesa-gesa. Akan tetapi apa yang disebut di sini tambahan sebanyak RM535,350 adalah diperlukan bagi membiayai kekurangan bayaran pencen dan ganjaran kepada pesara sektor awam tahun 2012.

#### ■1700

Orang pencen ini kita tahu lebih awal tidak ada halangan kita tahu. Oleh kerana itu, saya rasa kali ini kalau kita urus dengan baik mungkin hal ini tidak akan berlaku dan kita boleh masukkan di dalam belanjawan yang asal, ini sebagai contoh. Begitu juga dengan penambahan elaun di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan, kecualilah hal-hal yang terdesak dan mendadak, itu kita akur bahawa dia perlu dibuat dengan segera dan tidak dapat dibuat bajet dengan baik. Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah kerana lebih bertambahnya bilangan pesara yang perlu secara mendadak sehingga perlu kepada tambahan dan setakat ini berapa banyak pesara yang telah dan sedang menerima pencen daripada kerajaan?

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah saya hendak pergi kepada B.6 Jabatan Perdana Menteri. Dalam hubungan ini saya hendak bangkit dua perkara iaitu berhubung dengan TV AlHijrah dan Yayasan Dakwah Islam Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa TV AlHijrah merupakan salah satu televisyen yang telah mendapat sambutan sebilangan masyarakat kita dan saya ingin tahu berapa kos untuk *set-up* atau mengadakan dengan izin, sebuah stesen TV AlHijrah dan siapa penonton TV AlHijrah. Begitulah juga saya ingin pihak TV AlHijrah dan juga semua televisyen- televisyen yang lain supaya memastikan program yang ditayangkan di televisyen tidak ada perkara yang bercanggah dengan Syariat Islam khasnya dengan akidah dan juga ibadah.

Saya dapati ada juga masih kedengaran kalau sekarang ini saya tidak pasti, dulu-dulu saya tengok walaupun ada pemantauan daripada JAKIM berhubung dengan nasyid-nasyid dan juga zikir-zikir yang bertentangan dengan akidah walaupun ada pemantauan dan diberi pandangan oleh pihak JAKIM tetapi televisyen dan juga radio masih menayang dan juga mengumandangkan di dalam radio. Sebagai contoh, saya ingin memberi contoh iaitu zikir munajat, zikir munajat itu telah diputuskan bahawa ia adalah bertentangan dengan akidah Islam. Saya dapati zikir munajat itu tidak selalu di dengar di radio namun ia masih diguna di merata-rata dalam kursus-kursus, dalam motivasi.

Hal seperti ini saya rasa perlu kita beri penjelasan, perlu disampaikan kepada masyarakat supaya apa-apa yang telah di putuskan oleh pihak-pihak yang berautoriti di dalam agama tidak digunakan. Zikir munajat, saya tidak ingat tetapi dengar tahu. Yang ada antara lain *[Berucap dalam bahasa Arab]* Tidak ada dalam diri saya kecuali Allah. Ada lagi bait-bait yang lain, saya difahamkan yang disebut “Nur Muhammad Sallallah”. “Nur Muhammad” bukan “Nabi Muhammad.” Saya tidak itu, sebab saya tidak hafal tetapi saya tahu “Nur Muhammad Sallallah”, kalau kita bincang di dalam akidah Islam, “Nur Muhammad” bukan “Nabi Muhammad”. “Nur Muhammad” ialah dia berbangkit daripada pemahaman bilangan masyarakat yang berfahaman Martabat Tujuh. Jadi konsep Martabat Tujuh itu adalah bertentangan dengan akidah Islam dan syariatnya. Apabila sebut “Nur Muhammad Sallallah” - Nur Muhammad bukan Nabi Muhammad. Nur Muhammad ialah mengikut fahaman Martabat Tujuh ialah konsep Muhammad. Konsep Nur Muhammad ialah hakikat Muhammad. Hakikat Muhammad mereka mengatakan penjelmaan Tuhan di peringkat yang kedua, itu yang salah.

Jadi dalam hubungan ini saya harap apa-apa yang telah diputuskan itu tidak lagi diteruskan. Begitulah juga nasib-nasib yang ada, saya minta supaya diteliti seni katanya, kadang-kadang lagu itu sedap di dengar tetapi seni katanya tidak betul. Itu boleh membawa penyimpangan. Dalam hubungan ini, saya harap supaya kita memberi perhatian yang besar supaya umat kita tidak terleka dan terjatuh di dalam lingkungan yang tidak baik.

Perkara yang kedua ialah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). YADIM ini saya telah lama wujud di Malaysia ini tetapi ia tidak terserlah, tidak nampak peranannya dalam masyarakat. Kalau dulu-dulu ia, tetapi sekarang ini ada dengan tidak ada orang tidak diserahkan dengan peranannya. Jadi sesuai dengan namanya, saya harap Yayasan Dakwah Islamiah ini serahkan balik agar ia menjadi mercu tanda kepada penyebaran Islam dan dapat memberi jawapan-jawapan yang tuntas kepada setiap persoalan yang timbul dalam masyarakat mengikut bidang yang telah ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Jabatan Perkhidmatan Awam merupakan salah satu jabatan yang diberi tanggungjawab untuk menyelia pelajar-pelajar salah satunya ialah menyelia, menghantar, mengurus pelajar-pelajar ke luar negara di dalam bidang-bidang tertentu. Jadi peruntukan diminta ialah untuk penajaan baru kepada 600 orang dan juga pertambahan elaun dan sebagainya. Ini juga saya rasa penambahan baru 600 orang ini memang telah ada kalau kita sudah rancang, telah ada. Kalau kita sudah buat unjuran, tidak perlu minta tetapi boleh jadi sudah jadi budaya kita seperti itu maka dibuat dalam tambahan.

Walau bagaimanapun, saya boleh mengakui bahawa ada peruntukan yang diminta kerana perbezaan mata wang. Itu perkara yang biasa berlaku. Dalam hubungan ini saya ingin tahu daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam berapa ramai jumlah pelajar tajaan JPA di luar negara dan dalam bidang apa. Kalau boleh kita tahu berapa ramai. Seterusnya berapa kos setiap pelajar yang di hantar belajar sehingga tamat dalam bidang masing-masing?.

Kemudian saya ingin bertanya di sini pelajar-pelajar yang terlibat dengan kenaikan yuran, perbezaan tukaran mata wang ini adalah daripada Australia, UK, Jepun dan sebagainya. Saya juga difahamkan ada JPA menghantar pelajar-pelajar ke Timur Tengah. Dalam hubungan ini tidak ada pelajar-pelajar yang ditaja di Timur Tengah itu disebut dengan perlu penambahan. Jadi saya hendak tahu adakah di Timur Tengah itu tidak perlu di tambah ataupun memang duit dia lebih kecil berbanding dengan duit Malaysia. Saya hendak tahu juga berapa kos seorang pelajar perubatan atau lain-lainnya yang belajar di Timur Tengah dan bagaimana perbandingan dengan yang belajar di UK atau Amerika, atau Jepun ataupun Australia.

#### ■1710

Kita hendak tahu perbandingan dan perbezaan dari segi kos. Kemudian saya ingin bertanya kepada pihak JPA, adakah penajaan dibuat kepada pelajar-pelajar dalam bidang Pengajian Islam? Saya melihat bidang Pengajian Islam juga perlu ditaja khasnya di luar negara. Ini kerana kita perlu mempunyai pakar-pakar yang betul-betul mahir di dalam bidang Pengajian Islam yang ia memacu kepada perkembangan negara dan kemajuannya. Sebagai contoh bidang Pengajian Islam dalam bidang ekonomi Islam, perbankan Islam begitulah juga yang ada kaitan dengannya.

Saya melihat dalam bidang ini tidak ramai pelajar-pelajar yang mengambil bahagian. Mereka merasakan ini satu bidang baru dan mungkin juga mereka merasakan ia satu bidang yang amat sukar. Namun ia sangat diperlukan. Apa lagi kalau kita melihat Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong yang meminta supaya kita merealisasikan

[Berucap dalam bahasa Arab] Kita tak dapat lari daripada aspek-aspek pengajian di dalam bidang pengajian Islam. Bagi saya, bidang-bidang yang saya sebutkan tadi perbankan Islam dan sebagainya ia telah berkembang dengan pesat di dalam negara kita. Kalau kita tengok termasuk dalam bidang ini juga takaful.

Dalam bidang ini kalau kita boleh lihat tidak ramai pelajar yang menceburinya dan kalau kita boleh menaja mereka ini kepada bidang-bidang tersebut agar mereka memberi tumpuan yang sebaik-baiknya sehingga negara mendapat manfaat daripada pengajian yang akan mereka ikuti. Kalau sekiranya sebelum ini sudah ada, *alhamdulillah* saya berterima kasih. Kalau sekiranya belum ada, saya ingin mencadangkan supaya perkara itu perlu dilihat dan dikaji agar ia menjadi satu kebaikan untuk negara kita.

Seterusnya ialah dalam perkhidmatan awam juga ialah pengiktirafan sijil luar daripada negara kita. Saya mendapat maklumat bahawa agak sukar sesetengah pihak untuk mendapat pengiktirafan daripada JPA berhubung dengan pengajian yang mereka belajar. Terdapat pelajar-pelajar yang membuat rungutan ialah seperti mereka belajar di Universiti Omdurman di Sudan, begitulah juga mereka yang belajar di Syria, mereka belajar di Yaman. Sudah ramai graduan daripada sana, alumni daripada sana namun mereka berhadapan apabila pulang, sijil mereka tidak diiktiraf. Mereka juga mungkin tidak tahu bagaimana caranya untuk mendapatkan pengiktirafan.

Walau bagaimanapun, di sini saya melihat bahawa pihak kerajaan dan khasnya JPA perlu melihat secara luas dan berpandangan jauh agar pelajar-pelajar yang pergi belajar itu, apabila mereka pulang ke Malaysia, ke negara kita, mereka dapat memberi sumbangan kepada negara dan membangunkannya melalui pelajaran yang mereka pelajari. Hal ini boleh dibuat. Saya melihat jangan terlalu menyempitkan atau menyusahkan. Saya sendiri mempunyai sedikit pengalaman berhubung dengan hal ini. Walau bagaimanapun, saya harap perkara ini boleh difikirkan kerana apabila kita diberi jawatan oleh kerajaan, tujuannya ialah untuk mengurus dan memudahkan urusan yang sepatutnya.

Oleh itu konsep di dalam Islam [Berucap dalam bahasa Arab] Maksudnya, mudahkanlah, jangan menyusahkan. Apabila kita memberi layanan yang baik dan memudahkan urusan, memberi tunjuk ajar yang baik boleh memberi satu kepuasan kepada pelanggan. Hal inilah yang perlu kita titik beratkan di dalam tugas kita sebagai orang yang diberikan tanggungjawab oleh kerajaan.

Begitu juga saya hendak sebut di sini ada sedikit perbezaan tetapi apabila dirujuk kepada JPA, ia kata ada masalah. Saya bagi contoh spesifik. Universiti Islam Indonesia (IAIN) dan juga UAIN. Kerajaan Malaysia, JPA mengiktiraf beberapa fakulti daripada

sana. Fakulti ini antaranya Fakulti Syariah, Fakulti Usuluddin dan Fakulti Dakwah. Dalam perkembangan-perkembangan universiti di sana, ada sedikit perubahan dari segi nama. Sebagai contoh ialah Fakulti Usuluddin ditukar kepada Fakulti Al-Quran dan Hadis. Apabila berubah nama, maka sijil atau syahadah yang dahulunya Fakulti Usuluddin itu diterima oleh kerajaan kita, berubah nama tadi maka sudah tidak diterima lagi walaupun *syllabusnya* tidak berbeza.

Hal ini saya meminta kebijaksanaan kita di dalam mengurus oleh sebab menjadi beban dan masalah kepada pelajar. Pelajar pergi belajar dengan nama yang diiktiraf dahulu dan dalam sistem itu, kurikulum itu. Namun, apabila pihak universiti sana ada perubahan sedikit nama, maka JPA sudah tidak mahu mengiktiraf. Oleh sebab itu saya harap, ini perlu kepada kebijaksanaan di dalam menilai, bukan dilihat dalam konteks yang sempit tetapi kepada keseluruhannya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Ini berhubung dengan petroleum. Saya telah banyak kali mendengar di Dewan ini tentang jawapan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan kawalan petroleum ini tidak akan diguna oleh orang luar. Dalam sidang ini pun saya dengar. Apa yang saya lihat, saya ini duduk dekat sempadan Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh melihat dengan mata kepala sendiri, istilah ini dipinjam daripada sahabat saya Dato' Firdaus. Kereta-kereta dari Thailand berderet memanjang. Walaupun dikatakan hanya membenarkan untuk 20 liter atau 30 liter sebagainya untuk sekali isi tetapi kereta yang sama pula akan pulang balik.

Ada ketikanya ada pihak RELA di situ, di stesen minyak dan ada pihak-pihak yang lain. Pada ketika itu tidak apa, tetapi selang dua tiga hari pulih seperti sedia kala. Hal inilah saya melihat pemantauan. Kita ini kadang-kadang, ketika-ketika tidak berterusan. Apabila pengawasan ini tidak berterusan dan hanya datang ketika-ketika, khasnya apabila berlaku dikejutkan oleh akhbar-akhbar melaporkan barulah bergegas buat itu dan ini, maka ia tidak ada kesan yang baik. Hasilnya, subsidi yang diperuntukkan untuk warganegara kita dapat dinikmati dan diambil oleh orang lain.

#### ■1720

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada B.13. B.13 ini ialah Kementerian Luar Negeri yang meminta tambahan sebanyak RM9 juta lebih untuk penganjuran Forum Ekonomi Islam Sedunia yang kelapan. Saya tadi mendengar Yang Berhormat Senator telah katakan, pembahas sebelum saya, forum ini telah dilaksanakan. Tidak apalah telah dilaksanakan.

Cuma saya melihat RM9 juta adalah satu jumlah yang besar untuk penganjuran forum. Adakah orang yang datang, jemputan yang datang itu kita bayar mereka? Bayar tiket kapal terbang, penginapan dan sebagainya? Kalau itu, memang beratlah kerajaan kita untuk menanggung kos dan kos itu sangat tinggi.

Oleh kerana saya melihat, kalau dulu di universiti-universiti penganjuran forum kita juga pergi kalau kita hendak pergi forum atau membentang kertas kerja dalam mana-mana seminar yang besar di luar negara maka kita akan bayar. Kita akan membayar. Malah kertas kerja yang kita hendak bentang pun kita kena bayar. Itu yang standard antarabangsa.

Saya tidak tahu bagaimana forum ini dan bentuk mana yang telah diadakan. Adakah forum ini terlibat orang-orang tertentu yang kita kena bayar dia datang ataupun bagaimana? Itu yang mahu saya tahu. Oleh kerana jumlah ini sangat besar bagi saya RM9 juta. Ini adalah wang negara dan kita sangat prihatin terhadap perkara-perkara ini.

Begitu juga tadi saya dengar forum ini akan diadakan sekali lagi di luar negara, di United Kingdom. Akan tetapi tidak tahu pula kos yang sebanyak mana. Itu yang kelapan. Ini mungkin yang kesembilan yang akan dilakukan. Sebanyak mana pula kos? Saya bersetuju forum ini kita buat tetapi kita perlu juga perlu lihat bahawa kita juga perlu berjimat cermat kerana kita pun selalu menyebut ada defisit. Negara kita perlu jaga. Kalau sekiranya semua orang akan menjaga dengan baik, jadi wang kita akan belanja dengan berhemah, negara kita akan selamat. *Insya-Allah*.

Saya hendak pergi kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri khasnya berhubung dengan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Saya mengalu-alukan bahawa *Halal Industry Development* ini merupakan satu bidang yang diperkasakan. Semua orang akan selesa apabila produk itu halal.

Produk halal ini bukan hanya untuk orang Islam sahaja tetapi dia sesuai untuk semua orang. Bagi saya pengilang, pengeluar mereka ingin supaya barang mereka laku dan mendapat penerimaan. Sebilangan besar pengguna adalah orang-orang Islam. Kalau sekiranya orang Islam, produk itu halal dan diguna oleh orang Islam maka semua orang lain pun boleh memanfaatkan yang sama. Sebaliknya kalau produk itu tidak halal mungkin sebahagian daripada pengguna Islam tidak akan menggunakaninya. Oleh kerana itu, saya sokong perkara ini supaya diberi perhatian dan diperkasakan.

Walau bagaimanapun saya ingin tahu, kita merupakan sebuah negara yang telah memulakan perkara ini. Namun sekarang ini, banyak negara yang telah berlumba-lumba. Apa yang saya tahu, maklumat yang saya dapat, kalau Thailand telah ada satu fakulti di sebuah universiti, satu fakulti khusus yang kendalikan masalah halal ini, produk halal. Kita

adakan di tempat kita ini sampai ke peringkat itu, ada produk halal yang dilaksanakan oleh satu agensi sehingga ada semacam sebuah fakulti ataupun yang seumpamanya. Biar kita mempunyai satu wawasan yang kuat supaya kita dapat menjual produk kita kepada umat di dalam negara dan juga di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran merupakan satu kementerian yang besar apa lagi telah digabungkan dengan Kementerian Pengajian Tinggi, telah menjadi satu. Jadi bagi saya, inilah nadi yang besar di dalam negara kita untuk membentuk masyarakat. Di sinilah akan lahirnya masyarakat. Baik di sini, *insya-Allah* baik di luar. Kalau di sini kurang, maka kurangnya luar.

Dalam transformasi ini 13, 25 ini saya melihat perlu dilihat perkara-perkara yang ada kelemahan. Sudah bagus sudah tetapi mungkin ada kelemahan yang perlu di tokok tambah sebagai contoh ialah saya selalu pergi dengar ceramah Agensi Dadah (ADN). Mereka memberitahu salah satu faktor yang besar di antara faktor-faktor yang menyebabkan remaja kita terlibat dengan dadah ialah kerana lemahnya pegangan agama.

Apabila merujuk pegangan agama ialah agama Islam. Oleh kerana yang terlibat dengan dadah itu ramai di kalangan orang Islam. Orang Islam yang beragama Islam terlibat dengan dadah kerana salah satunya ialah lemahnya pegangan agama sehingga diberitahu ada di kalangan mereka yang tidak solat pun. Malah lebih daripada itu ada yang tidak tahu mengucap pun. Sedangkan ini adalah anak-anak kita yang belajar di sekolah. Sekolah kebangsaan, sekolah menengah yang mereka itu lalu kedua-dua sekolah tersebut.

Jadi di mana kelemahannya. Dari segi pelaksanaannya. Mungkin ko-kurikulumnya bagus. Sudah cantik, kemas tetapi di mana kelemahannya? Adakah sekitar, penyampaian ataupun apa dia? Jadi hal ini yang perlu kita lihat. Saya minta Kementerian Pelajaran melihat perkara ini dengan serius.

Kalau kita dapat lihat anak-anak kita dapat cemerlang di dalam Matematik, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan sebagainya kerana ini adalah pelajaran teras yang wajib ambil, wajib lulus. Kalau tidak cukup ada tuisyen. Berbagai-bagai usaha lagi. Akan tetapi, Pelajaran Islam adalah pelajaran teras. Saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan ini. Akan tetapi tidak wajib lulus. Apabila tidak wajib lulus pelajar-pelajar ini dia tidak beri perhatian. Ibu bapa pun sama.

Jadi kerana itu saya melihat transformasi ini perlu lihat kepada asas yang kukuh iaitu perlu wajibkan pelajar itu kepada anak-anak Islam dan beri merit yang khusus di dalam peperiksaan dan ada nilai. Ini perlu sebab kita telah menghadapi suasana

masyarakat yang begitu berkecamuk. Tidak mengapa kita undur ke belakang sebab pepatah ada mengatakan kalau sesat di hujung jalan, kembali ke pangkal jalan. Jadi kita kembalikan kepada pangkal.

Malah ramai orang mengeluh anak-anak kita sebagaimana yang telah disuarakan di luar dan juga di dalam Dewan ini adab sopannya kurang. Kurang beradab dengan orang tuanya, dengan yang lebih mudanya, dengan gurunya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin supaya pihak kementerian memberi fokus bagaimana mendidik anak-anak kita dengan akhlaknya supaya lahir sebuah masyarakat Malaysia yang harmoni, yang bertoleransi yang saling faham memahami antara satu sama lain dan hidup kita dalam rukun damai, kita hidup bernegara. Hidup berjiran tetangga...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa kita tepat pukul 5.30 petang. Jadi Yang Berhormat masih hendak sambung esok ataupun...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Ada lagi sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi. Esok saya beri 10 minit Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Insya-Allah.* Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 1 Ogos 2013.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]**